

LOMPAT MELOMPAT
Chedet.co.cc
February 4, 2009
By Dr. Mahathir Mohamad

1. Saya kembali ke tanahair dari Djibouti dan mendengar berkenaan Ahli Yang Berhormat UMNO Perak keluar parti dan masuk Keadilan (PKR).
2. Kemudian saya dengar pula dua orang ahli PKR hilang. Bila mereka dijumpai cerita yang didengar ialah mereka sudah keluar daripada PKR.
3. Dan banyaklah berita angin berkenaan ahli-ahli Yang Berhormat yang akan lompat dari parti ke parti.
4. Dahulu UMNO dan Barisan Nasional telah cuba sekat kejadian lompat melompat dengan mensyaratkan tiap calon tandatangan surat letak jawatan sebagai ahli Yang Berhormat tanpa tarikh. Kononnya jika setelah jadi ahli Yang Berhormat mereka ingin lompat masuk parti lain maka surat letak jawatan yang telah di tanda tangani oleh mereka akan dihantar kepada Speaker (Tuan Yang di Pertua Dewan) dan dengan itu akan terlucutkan anugerah Yang Berhormat mereka.
5. Malangnya perbuatan ini didapati tidak sah daripada segi undang-undang. Jika mereka ingin keluar daripada parti maka mereka sendiri perlu mengeluarkan surat yang diperbuat oleh mereka dan ditandatangani oleh mereka pada ketika itu untuk disampaikan kepada Tuan Speaker.
6. Saya percaya surat yang diperbuat oleh mereka tanpa tarikh dahulu akan ditolak oleh Tuan Speaker. Oleh itu mereka akan kekal sebagai Ahli Dewan walaupun mereka lompat ke parti lain atau mereka akan jadi ahli bebas.
7. Presiden UMNO berkata UMNO sedia untuk menerima siapa sahaja untuk menjadi ahli. Ini memanglah dasar parti. Tetapi kedua-dua ahli yang ingin keluar dari PKR ini mempunyai masalah. Mereka dituduh terlibat dengan rasuah seks.
8. Apakah UMNO begitu terdesak sehingga tidak dapat tunggu keputusan mahkamah berkenaan tuduhan terhadap mereka sebelum menerima mereka? Jika diterima sekarang dan kemudian mereka didapati tidak bersalah maka Kerajaan pimpinan UMNO (lebih kurang) akan dituduh mempengaruhi mahkamah. Benar tidak benar bukan soalnya. Pada pandangan masyarakat tuduhan ini tetap akan dipercayai. Ia akan punyai kesan dalam PRU13.
9. UMNO sudah dianggap bergelumang dengan rasuah, selalu mungkir janji, mengutamakan kroni Perdana Menteri di Terengganu. Jika kepada semua ini ditambah pula dengan penerimaan orang yang dituduh melakukan rasuah seks, imej UMNO akan jadi lebih buruk.
10. Dato Abdullah Presiden UMNO, fikir dahulu sebelum beria-ia nak terima orang yang seperti ini.

516 Comments

By mayaAuthor Profile Page on February 4, 2009 1:49 PM

Perak akan membubarkan Adun... pilihanraya akan berlaku... Ini akan menjadi tanda aras samada UMNO masih kuat atau terus lemah... Mampukah Pak Lah atau Najib tawan kembali? rakyat tentukan!
By LiberoMHAutor Profile Page on February 4, 2009 1:54 PM

Salam,

Saya bersetuju dengan Tun...

By anuarAuthor Profile Page on February 4, 2009 1:54 PM

salam Tun...

first time bg komen ni..betul tu Tun kalau umno terima 2 adun ni nmpak sgt umno terdesak dan persepsi rakyat kt umno bertambah buruk...dalam kekecohan ini pkr biasalah akan timbulkan akuan bersumpah yang akan diterima mudah oleh ahli2 nya.

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on February 4, 2009 1:56 PM

Salam Tun,

Apa nak jadi dengan politik Malaysia sekarang ni?

Rasuah ,lompat melompat parti dan keluar masuk parti dah jadi macam perkara 'keseronokan' pula bagi para pemimpin kita.Saya bimbang nanti rakyat akan merana kerana kepentingan peribadi dan 'keseronokan mereka ini.

Kami sebagai rakyat biasa dibawah ini semakin keliru dan bimbang apa akan jadi nanti.

Wallahua'lam

<http://zoompanas.blogspot.com/2009/02/pemimpin-umno-perasuah.html>

By nmjnhAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:00 PM

Tun,

Pihak gerombolan UMNO nampaknya begitu terdesak sehingga sanggup menerima mereka berdua.

Kalau ya pun nak tumbangkan PR, pilihlah mereka yang lebih berkaliiber. Sekarang dah jadi kelam-kabut, dan balik-balik UMNO jugak yang kena...

Bagi Nizar senang je... bubarkan DUN Perak... biar rakyat buat pilihan lagi sekali !!! Kita tunggu apa kata Sultan ...

<http://blog4pro.blogspot.com/2009/02/dissolve-perak-state-assembly-now.html>

By lanbabaAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:01 PM

Assalamualaikum Tun yang dihormati,

Sememangnya tidak dapat disangkal lagi apa yang Tun nyatakan adalah benar.Pak Lah ni cakap tak fikir langsung. Samada berseloroh atau sebaliknya seorang pemimpin harus fikir dahulu sebelum membuka mulut untuk menjawab soalan.UMNO hadap betul mereka tu lompat ke parti UMNO ke?.Walaupun mereka belum dibicarakan tapi salah seorang dari mereka pernah menjawab kpd media yang secara tak langsung menyatakan telah menerima sogokan seks tu. Orang macam ini tak patut dipilih jadi YB.

Setakat ini saya tidak nampak UMNO dapat mengembalikan kepercayaan rakyat seperti dulu. Gaya dan lagak pemimpin UMNO ,dari atas hingga peringkat akar umbi, memang kita rasa meluat dan menyampah.

Tun ,tubuhkan satu parti lain supaya kami yang ketandusan pilihan ini dapat memilih pemimpin yang lebih bersih,berdedikasi dan jujur menjalankan amanah rakyat.

By RepublicAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:04 PM

Selamat Siang Tun

Kehilangan kuasa pasti melatah.

Untuk menerajui kembali kuasa, jalan yang ambil adalah melompat ke pada yang majoriti.

"If you can't beat them, join them"

By bzzAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:05 PM

Dear Tun,

Selagi boleh digunakan utk naikkan nama pembesar, mereka akan terima. Semuanya okay... Kalau itu menjatuhkan maruah mereka, walaupun ceritanya benar. Mereka akan disekat sehebat-hebatnya. Tak kiralah cerita apanya.

Janji ada berita menarik utk mereka... Sudah okay...
Satu nak glamer biar rakyat kembali suka. Satu taknak glamour di sebabkan satu nak pergi mahkamah.
By ruslizalAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:06 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,
Saya amat bersetuju dengan pandangan Tun. Janganlah terburu-buru membuat keputusan. Takut nanti memakan diri. Kalau sekadar memakan diri tu takpa, tapi nanti memakan parti. Rosak semuanya. UMNO dan Barisan Nasional harulah mengubah corak berpolitik. Selain mengubah pucuk pimpinan dan kroni-kroni yang mengamalkan rasuah. Rakyat dah meluat, menyampah dan bengang dengan lakonan dan mainan org-org ini. Apapun.... Tun is The Best!
By FazrullsAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:07 PM

Salam Tun,

Betul tu... tunggu lah dulu... sebelum keadaan menjadi semakin parah... bagaimana pulak adun yang nak melompat ke BN?

Jadi dulu pun dah ada surat ni yerrrk.. tapi tak sah.. hmm ...
By ,Melayu merantauAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:11 PM

AYahnda Tun,

SAPA SEBENARNYA BAPA PEMBANGUNAN DESA?

Allahyarham Tun Abdul Razak (Bapa Datuk Seri Najib) atau Tan Sri Muhammad Muhd Taib. (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

"AKULAH ARKITEK KEMAJUAN DESA"
Monday, February 2, 2009

Dalam sebuah iklan berwarna warni di Mingguan Malaysia Ahad 1 Februari 2009 , Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Muhammad Muhd Taib telah mengistiharkan dirinya sebagai Arkitek Kemajuan Desa. Sekaligus ia melindungi atau menimbulkan kekeliruan sejarah tentang siapakah sebenarnya Bapa Pembangunan Desa; Tun Abdul Razak atau Muhammad ?.

Allahyarham Tun Razak telah di kenali dan diiktiraf sebagai jurutera atau arkitek social yang telah menukarkan desa menjadi bandar dan menukarkan para petani , nelayan dan orang kampung yang miskin menjadi orang profesional. Beliau adalah bapa pembangunan negara yang meliputi bandar dan desa.

Muhammad pula telah dikenali dan diiktiraf popularitinya kerana berkahwin putri raja dan tertabur wang berjuta di luar negara.

Bagaimanapun Muhammad lebih nampak dirinya sendiri sebagai Arkitek Kemajuan Desa. Ini jelas apabila beliau meletakkan gambarnya sebagai sampingan kepada tajuk iklan "Arkitek Kemajuan Desa" di Mingguan Malaysia.

Tentunya Timbalan Perdana Menteri, Najib Tun Razak tersenyum dan " membara" melihat iklan ini dan Perdana Menteri Abdullah Badawi pula berkata dalam hatinya " sungguh hebat calon aku ini".

Bagaimanapun ini semua tidak penting, sesiapa pun berhak untuk merasakan dirinya lebih penting dari orang lain mengikut penilaian sendiri. Yang penting adalah hukuman masyarakat terbanyak. Apakah mereka menerima bekas Menteri Besar Selangor itu sebagai Arkitek Kemajuan Desa atau arkitek bagi berbagai cerita sensasi didalam dan di luar negara?.

Lebih dari itu ialah pembaca Minggu Malaysia tentu tertanya tanya dari manakah datangnya wang berpuluh ribu ringgit untuk membayar iklan dalam Minggu Malaysia yang diketahui mahal kerana merupakan sebuah akhbar mingguan yang tertinggi pasarnya di Malaysia.

Melihat Iklan itu orang cerdik terus memahaminya sebagai iklan promosi diri menjelang perhimpunan Agung UMNO Mac ini dan Muhammad Taib diketahui sebagai salah seorang yang bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Ini iklan di akhbar tetapi tidak mustahil menteri menteri yang banyak duit akan mengiklan pula di Lebu Raya Persekutuan dari Utara, Selatan dan Pantai Timur ke PWTC Kuala Lumpur untuk mengingatkan perwakilan UMNO dalam perjalanan tentang wang yang telah mereka terima dan tentang janji suci mereka.

Bagi akhbar pula kecuali yang melanggar etika pengiklanan, iklan akan diterima dan disiarkan oleh mereka kerana mendatangkan hasil lumayan tetapi soalnya sekarang siapakah yang membeli atau membayar wang iklan itu? Sponsor ke ? Tan Sri Muhammad Taib sendiri ke atau dari wang kerajaan di bawah peruntukan promosi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sebelum ini pun ada iklan menteri menteri atas nama kementerian masing masing yang kerap disiarkan akhir akhir ini di akhbar dengan tujuan yang tersirat berselindung disebalik sesuatu event tetapi iklan "Saya Arkitek Kemajuan Desa" ini agak terlalu jelas maksudnya atau kurang bijaksana. Kecuali jika Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) tidak cekap, maka mereka tidak dapat menciumnya dan membiarkan perkara ini berlaku bagitu sahaja . Perbuatan ini akan semakin "galak" menjelang perhimpunan Agung UMNO Mac ini.

Maklumat mestilah didapatkan dengan segera dari Bahagian Iklan Utusan Melayu Malaysia Berhad tentang siapakah yang menempah iklan itu dan wajarkah Kementerian atau Kerajaan menanggung bayarannya. SPRM tidak sahaja seharusnya melihat politik wang dari suatu aspek sahaja tetapi dalam kontek yang lebih luas.

Apabila teguran ini dibuat mungkin dengan serta merta pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meminta Utusan "melenyapkan penempah " iklan itu dan menggantikan dengan penempah yang lain. Tindakan segera pegawai pegawai SPRM dalam hal ini adalah amat penting.

Selain dari itu Menteri berkenaan Muhammad Mhd Taib juga mesti mengeluarkan penjelasan segera supaya prasangka buruk terhadapnya dapat dihapuskan.

Perdana Menteri yang berhasrat untuk meninggalkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah ,

mestilah mengarahkan penyiataan segera dalam perkara ini supaya beliau kelak akan dikenang sebagai Arkitek Pencegah Rasuah,kebebasan dan Keadilan Negara.

By Doleng_BravoAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:12 PM

Tun...

Your observation is sharp...

These people wanted to jump party to save their own butt....

Im sure that They are promised with money n dismissal of their cases..

I think these people dont deserve the peoples vote..

Jump for What U believe in...

Not For Yourself.....

By malan3395Author Profile Page on February 4, 2009 2:14 PM

Dear Tun..,

Tah mcm mn Tun pnya fikir pun sama mcm sy. Bl shj PLah kta Umno sedia terima sapa shj dan2 tu sy rs Umno la ni dh kemaruk sgt nk tmbah ahli tanpa mengira background. Tun your mind 3 step ahead from PLah(abau).

By ChrisAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:15 PM

Sir,

It is obvious that BN is desperate to entice PR assemblymen to defect because they are the opposition. Considering the razor thin majority of PR, it is no wonder they will go all out to topple the Perak Government. For some reason the Bota guy left UMNO and I suspect it is monetary in nature. So BN is using the logic of two hands make the clap. DS Najis must be the brains behind this intrigue. Too bad because the Perak Assembly is about to be dissolved. Fresh elections will wipe out BN/UMNO for sure 100%. The people on the ground are totally fed up with this nonsense. I really hope the Sultan of Perak gives his consent to DS Nizar and PR to go ahead with the dissolution of the state assembly. This will really teach UMNO/BN a well deserved lesson in governance. Make no mistake; the people decides!

By FalconAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:16 PM

Salam Tun,

Krisis kepimpinan belum lagi kebah (sembuh). Banyak persoalan yang tidak dapat dirungkaikan. Bila krisis ini akan berakhir... Strategi politik yang dimainkan oleh orang politik sekarang mempunyai potensi untuk melemahkan kedudukan negara Malaysia di rantau Asia. Kepimpinan yang sedia ada perlu lebih serius. Pemimpin perlu mencontohi Rasulullah S.A.W sebagai Qudwah Hasanah. Kembali kepada Islam sepenuhnya, di saat itu suatu era yang dinantikan seluruh alam pasti akan tiba. Inna Akramakum Indallaha Atqakum. Wassalam

By jurublogAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:17 PM

UMNO tidak perlu kepada wakil rakyat yang telah tercemar dengan tuduhan rasuah, dan mengambil jalan mudah untuk keluar dari masaah tersebut dengan menyertai UMNO.

Dengan keadaan ekonomi yang merudum ini, rakyat sangat mual dan marah dengan perangai ahli-ahli politik Malaysia.

Sejak dari keluarnya Brader Anwar Bin Ibrahim dari penjara, pihak-pihak yang menentang Barisan Nasional agak celupar dan berani membuat pelbagai tuduhan samada terhadap kerajaan atau pun jentera kerajaan.

Sekarang ini DAP telah mencabar dan memberi kata dua kepada SPR. Di arena lain, Herald Tribune cuba mencabar KDN. Hindraf pula asyik mencabar kewibawaan polis.

Rakyat mahukan kesejahteraan ekonomi dan politik.

Kita perlu pemimpin yang tegas yang boleh membawa Malaysia menuju matlamat tersebut. Brader Anwar Bin Ibrahim hanya pandai menkucar-kacirkan keadaan.

<http://www.jurublog.blogspot.com>

By FaizalRizwanAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:18 PM

salam tun...

saya sangat sedih apabila melihat semakin ramai pengundi muda yang menyokong pakatan rakyat. ini merupakan situasi yang sangat membimbangkan. apa pendapat Tun berhubung perkara ini??

By sitiAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:22 PM

Assalamualaikum Tun

Tun sekali lagi... saya sebagai melayu yang pernah menyanjung tinggi UMNO kini berasa begitu terhina sekali. Maruah Melayu itu rasanya sudah dijjak2 orang. Tuhan laknatlah mereka kerana mengadaikan nasib orang lain hanya untuk kepentingan mereka sendiri.

Apakah UMNO terlalu terdesak sedangkan mereka hanya perlu membuka sedikit mata lihatlah... sedarlah.....

By pakpandir08Author Profile Page on February 4, 2009 2:26 PM

tiba-tiba dua orang ini didakwa dengan isu rasuah, kemudian tiba-tiba hilangkan diri ... lepas tu tiba-tiba muncul dan keluar parti ...

seandainya hidung orang ramai masih berfungsi, maka orang ramai sudah pastinya terhidu bau angkara politik yg sedang berlaku ...

bukankah Tun telah lama terkenal sebagai seorang yg berfikiran tajam, terutamanya di kalangan penyokong dan pembodek? Namun, tidak mungkin Tun tidak dapat melihat unsur sentimen politik yg sedang berlaku, atas situasi-situasi berikut? dan bukannya sekadar adakah abdullah menerima 2 orang YB ini ...

- (1) 2 orang yg sama-sama dituduh rasuah, menghilangkan diri bersama-sama ... dengan alasan mengambil cuti sakit bersama-sama ...
- (2) ahli UMNO bernama Zainal Abidin Zin mengaku membawa ahli PKR bernama Fauzi, untuk berjumpa dengan Najib
- (3) orang UMNO yg mengecam 2 YB ini atas tuduhan rasuah dahulu, melaung-laungkan kedatangan mereka tiba-tiba ... bertukar haluan pula kini
- (4) Suruhanjaya Pilihanraya menentang tindakan Speaker yg melucutkan jawatan 2 YB ini, sedangkan ini bukan kuasa suruhanjaya pilihanraya
- Seperti kata Tun dalam statement #4, #5, #6, Speaker mempunyai kuasa atas lucutan jawatan YB, dan bukannya suruhanjaya pilihanraya ...

masalah hari ini bukan sekadar rasuah sahaja ... malah ia meliputi masalah besar lain yg lebih membimbangkan ... iaitu fungsi suruhanjaya atau perbadanan-perbadanan negara yg sepatutnya tidak dipengaruhi oleh kerajaan semasa, agar mereka mampu bertindak dengan lebih adil dan saksama ...

tengoklah sahaja pendirian suruhanjaya pilihanraya dalam menangani isu ini, kuasa mengesahkan surat lepasan jawatan MB adalah tanggungjawab mahkamah, bukannya SPR ... inilah malaysia, badan kerajaan tidak lagi berfungsi untuk menjaga kepentingan rakyat, tetapi untuk menjaga kepentingan kerajaan ... dan amalan ini semakin meluaskan ...

By normal citizenAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:30 PM

Dear Tun,

<https://mt.m2day.org/2008/content/view/17586/84/>

Kita tunggu saja lah parti pembangkang membentuk kerajaan baru. PKR tetap akan menang jika diadakan pilihan raya semula di Perak.

Presiden UMNO tak mampu buat apa-apa sebab dia tidak erti berfikir.
By sg layangAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:30 PM

UMNO kini memang terdiri daripada mereka-mereka yang memiliki kepelbagaian skandal dari tuan presiden,timbalan,naib,majlis tertinggi dan ahli-ahli semuanya mempunyai masalah-masalah yang tersendiri pendek kata UMNO is having problem with their personality.kami memang sudah tidak yakin kepada mereka lagi walau pun pucuk pimpinan mereka berubah pada bulan march akan datang ini pada hemat kami tidak akan merobah sedikit pun pendirian kami terhadap Parti ini.pada waktu ini adalah wajar jika tumpuan diberikan kepada isu ekonomi yang melanda.seperti yang kita maklum ramai rakyat yang majoritinya umat melayu yang terlibat dalam industri perkilangan yang terjejas teruk telah kehilangan pekerjaan mereka.cubalah bayangkan kesulitan yang dialami mereka dalam mengharungi kehidupan yang mendatang mereka ada anak isteri,hutang bank dan berbagai lagi yang perlu dihadapi.adalah menjadi satu keutamaan kepada kerajaan untuk memberikan tumpuan atau fokus kepada masalah ini.kepada pucuk pimpinan umno terdapat ramai pemimpin mereka yang perlu diganti kerana mereka mereka ini sudah tiada kredibiliti dikalangan rakyat.sekiranya ini tidak dilakukan umno tidak akan memiliki kuasa lagi pada 2012.

By mahasiswaAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:30 PM

guess pak lah response would be "desperate measures for desperate times"
By mesin taip burukAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:31 PM

Assalamualaikum YTH Tun...

Nampaknya pandangan saya sebelum ini perihal penyertaan 2 ADUN PKR dalam UMNO selari dengan pandangan Tun. Dalam blog saya semalam saya tulis:

Oleh sebab itu, andai aku boleh memberikan nasihat kepada Najib dan para pemimpin UMNO/BN lain sebaiknya jangan masuk campur perihal rumah tangga orang lain. Biarkan PKR di Perak bergolok dan biarkan mereka mahu keluar atau masuk parti. UMNO hanya perlu memerhati (memandangkan sebelum inipun UMNO Perak juga mengalami perkara sama).

Dan andai kedua2 ADUN tersebut mahu menyertai UMNO sebaiknya difikirkan masak-masak atau tunggu sehingga selepas PRK di Behrang dan Changkat Jering. Itupun andai BN mahu mencuri kemenangan di kedua-dua DUN tersebut kerana aku percaya jika kemenangan mahu diperoleh di Behrang dan Changkat Jering, pilihlah calon yang diinginkan oleh rakyat dan bukannya kerana keakraban dengan pemimpin tertinggi parti. Belajarlah dari PRU-12 dan Kuala Terengganu.

Selanjutnya dalam:
<http://mesintaipburuk.blogspot.com/2009/02/jika-jamaluddin-dan-mohd-osman-masuk.html>

Apakah kemungkinan Sdr Nizar akan bubarkan DUN Perak dan membenarkan pilihan raya negeri Perak diadakan?

By puterakupang84Author Profile Page on February 4, 2009 2:31 PM

agree with u Tun...UMNO should observe the consequences by having these 2 ADUN in UMNO...in this difficult time, we really need to have a strong and capable leader like u Tun..i'm praying to God u'll be involed again in our political system...thanks tun for being a great leader

By leadingAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:31 PM

Tun,

In view of the current economic situation, Pakatan Rakyat should be allowed to carry on until after Najib

becomes PM.

Regards,

<http://www.leading.com.my>

By WokAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:32 PM

Tun,

"10. Dato Abdullah Presiden UMNO, fikir dahulu sebelum beria-ia nak terima orang yang seperti ini."

1. Kalau Pak Lah berfikir, kita tidak akan berada di dalam situasi sekarang!

2. 'Nasi sudah menjadi bubur!'

3. Kalau masih rasa nak makan nasi juga, eloklah buang bubur itu, dan masaklah beras baru tetapi "jagalah api tu agar nasi tidak lagi menjadi bubur serta membakar rumah serta diri kita sendiri!"

By leluconAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:32 PM

betul Tun. Apa agaknya sumbangan mereka nanti?

ironinya mereka pun bekas UMNO juga. Tun tak didik mereka tentang prinsip ke?

p/s: bab2 politik ni saya tak minat la. bila agaknya Tun nak berbicara soal falsafah dan ilmu? :)

By panjihitamufuktimurAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:35 PM

salam utk Ayahanda Tun M sekeluarga...

itu perdana menteri encik adbullolah aaa,talak fikir punya ..kasi ckp saja...tak mau fikir punya olang...tak pun aaa..dia punya otak sudah banyak karat...kasi resign cepat laaa.....

By T-RexAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:36 PM

YB Tun,

DSAAB telah banyak melakukan kesilapan dalam membuat keputusan. Dengan menerima dua ADUN PKR ini akan menjadi "fatal decision" untuk UMNO dan BN. Saya tak pernah percaya dengan YB yang lompat parti. Pada saya apa pun alasan yang diberi mereka ini bacol, pengkhianat, penipu, pembelot dan patut dihukum kerana menipu pengundi yang bersusah payah mengundi parti BN dan bukan mereka yang menjadi calon.

Lompat parti samaada ke parti lawan atau kerajaan adalah satu perbuatan yang tidak bermoral dan jijik. Pemimpin yang sanggup menerima orang yang tidak berpegang pada prinsip seperti ini nampak sungguh terdesak. Boleh menerima sesiapa asalkan mereka mendapat "advantage". PKR membuat keputusan tepat dengan melucutkan jawatan YB mereka. UMNO pula membuat keputusan membabi buta untuk menerima mereka.

There is no logic or common sense in making such decision (dengan izin).

By lim74Author Profile Page on February 4, 2009 2:42 PM

As usual Tun.....UMNO is so desperate now...."Back to Square One"...PRU13 maybe no more UMNO if they keep acting like moron...

By azreinAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:48 PM

1. Nampak seperti UMNO bukan sahaja ditolak sesetengah rakyat tapi juga ditolak oleh YB UMNO sendiri.

2. Yg pelik YB yg keluar UMNO tu pulak nak sertai PKR. Apakah kerana kecewa dan utama kepentingan diri? Atau benar masih nak bekhidmat untuk rakyat.

3. Tidakkah YB tersebut pikir yg mungkin rakyat pilih dia dulu kerana dia ahli UMNO dan rakyat mahukan pemimpin atau wakil rakyat dari UMNO.

4. Walaupun kecewa atau tidak sefahaman dengan UMNO YB tersebut tak patut ketepikan orang yg undi dia dulu. Orang yg undi dia (YB yg keluar UMNO) semasa di UMNO mungkin tak mahu undi dia di PKR. Mungkin mereka pilih faktor party juga selain daripada pemimpin.

By TokUbanAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:49 PM

Melompat parti memang dibenarkan tapi sebagai seorang yg gentelman sepatutnya mereka juga perlu melepaskan kedudukan mereka sebagai DUN atau pun parlimen. Adakan pilihanraya baru dan biar rakyat pilih siapa yang difikirkan layak mewakili mereka.

Sekiranya Pakatan Rakyat betul-betul menang dengan kekuatan mereka sendiri dalam PRU12 lepas mereka tidak perlu gentar. Tetapi jika sebaliknya ... apa pun biarlah rakyat yang menentukan.

Berkenaan Labu Airport agak-agak Luncai mana la yang punya cadangan. Dalam banyak-banyak tempat Labu jadi pilihan. Si Luncai berasal dari negori jugak agaknya ..

By hula_princeAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:51 PM

Salam Tun,

Saya bersetuju dengan penerangan Tun. Tapi apa yang perlu difokuskan ialah bukannya parti UMNO, tetapi individual tertentu yang membuat tindakan yang tidak begitu pandai.

UMNO adalah satu pertubuhan yang tidak boleh dilupakan. Tak guna kita menghentam UMNO tetapi kita harus menghentam Individual yg membuat tindakan kurang pandai itu.

Bukannya UMNO yang terdesak tetapi individual-individual tertentu. Yang mana bagi mereka ialah menempatkan sebanyak mana kroni mereka didalam di dalam sebuah kerajaan, agar mereka dapat membuat apa saja yang mereka suka. Saya tetap menyokong UMNO tetapi saya tidak menyokong Individual yang ditengahkan untuk mewakili rakyat.

Tidak kira sama dia dari Pihak PKR, DAP, PAS, UMNO atau parti bersatu sabah. Individual tertentu yang membuatkan politik atau pentabiran Malaysia musnah.

Tetapi untuk menghapuskan individual-individual ini agak sukar kerana kepalanya pun lebih kurang sama dengan sahaja.

By sitiAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:51 PM

Tun

Saya mintak sangat2 saya pohon sgt2.....

Tun terangkan Tun bagitahu kami semua bahawa Tun tidak pernah terlibat dlm hal2 rasuah demi kepentingan diri & keluarga.

Tun inilah masanya secara berdepan secara anak jantan bagitaulah kami kawan2 mu , jiran2 mu, anak2 mu, sahabat2 mu juga seteru2 mu bahawa Tun tidak pernah sesekali terlibat dlm rasuah demi kepentingan diri.

Sebagai anak yang jauh.. saya mahu mendabik dada, saya mahu dengan bangganya memberitahu generasi saya nanti..... bahawa Datukmu itu..... bahawa moyangmu itu bahawa seorang Mahathir Mohamad itu tidak pernah menjual bangsanya, agamanya, negaranya atau dirinya sendiri untuk sekeping kertas bernama wang.

Tun Saya mintak sangat2 terangkanlah kepada kami sebagai bekal buat kami terus memegang bahawa Melayu itu satu bangsa yang Unggul. Unggul seperti kamu .

By LuckyAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:52 PM

YAB Tun,

Saya percaya dua orang YB yang berkenaan telah di beri nasihat agar tunggu dahulu untuk masuk

UMNO kerana kes mereka belum selesai. Sebab itu mereka jadi wakil rakyat bebas dahulu. Apa pun keputusannya, saya percaya UMNO akan menerima mereka masuk disebabkan ganjaran merampas Perak semula dari PKR adalah berkemungkinan besar. Sama ada UMNO ada kuasa untuk menentukan keputusan mahkamah..saya tak berani cakap.

Dua orang YB ini nanti akan buat kenyataan akhbar bahawa mereka tak bersalah dan kecewa dengan PKR (cakap orang politik), dan terus memohon masuk UMNO.

Kebanyakan YB yang ada dalam UMNO sekarang ini pun bukan betul sangat...sama sahaja kelibat mereka..mungkin ada yang lebih teruk lagi. Tetapi di sebabkan mereka pandai 'cover line' dan mendapat sokongan Tingkat 4, maka mereka pun selamat lah di dalam UMNO.

Sama sama lah kita saksikan episod terakhir drama UMNO sehingga bulan Mac ini....
By LearnAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:54 PM

Assalamualaikum,

Tun... Apakhabar? selamat kembali ke tanah air... t.q
By izzudinAuthor Profile Page on February 4, 2009 2:58 PM

saya fikir lompat party memang tak wajar kerana you have been elected based on your party and yourself, some vote you base on party and some vote you base on yourself, jadi sesiapa lompat party saja secara automatik bukan lagi wakil rakyat, ini akan elak daripada rahsua politik. If this issue is not solve malaysia akan buang banyak masa politiking dan singkat masa untuk other pressing issues. Please have some pride on yourself, adalah maruah diri sikit, Dato Seri tolong bagitahu YB2 yang ada ini. May Allah bless you always.....
By mantobaAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:00 PM

TUN.

Ini lah cerita2 yang sedang hangat di bincangkan oleh rakyat Malaysia ketika ini.

Ahli2 YB kedengaran nak lompat sana nak lompat sini.

Di perak 2 exco dah keluar parti PKR, konon nya nak join UMNO.

YB Umno dari BOTTA dah join PKR.

Di N9 pun ada kedengaran YB pemangkang nak join BN dan YB BN nak join PKR. Macam cerita P. Ramli, keluarga 69.

Apa2 pun itu semua tak memberi apa2 kelebihan pada para pengundi dan rakyat. Amanah yang diberi rakyat pada mereka di PRU dulu tidak di pikul dan dipertanggung jawab dengan baik. YB YB ini semua pentingkan diri sendiri. Mereka tidak pun berkhidmat untuk rakyat.

Rakyat terus menghadapi pelbagai masalah tanpa mendapat perhatian

Walau apa cerita nya dah pun nampak PKR gabungan DAP PAS di Perak tak sekata. DAP tak sekata dengan PKR. Tapi PAS nampak sekata dengan DAP. Atau pun PAS telah dicucuk hidung oleh DAP al maklumlah bukan mudah nak dapat jawatan MB. Kena tarik hidung pun tarik lah.

Hakikat sebenarnya orang2 Melayu mesti bersatu dan duduk sebungbung jika sayang kan Tanah Melayu ini. Jika orang2 Melayu dah pecah 3 mana kekuatan nya lagi. Bila2 masa musuh luar bolih masuk menceroboh.

Kerana saya anak Perak saya merayu pada DS.Ir.Nizar MB Perak supaya bubarkan sahaja gabungan dengan DAP dan PKR masuk BN. Pakat dengan Pak Lah supaya kekalkan sebagai MB Perak. Pak lah orang nya bolih runding. Dia tak kisah siapa pun bolih join UMNO.

By Kalimullah KhanAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:04 PM

Dear Yours Excellency,

This is my first time writing comment in your blog after a period long studying and reading through your blog.

Well I do agree for what you say sir. Having 1 good brain is better rather than having 1000 hands. We need brains, not quantity. The country administration is being well established by you sir, and thanks, that due to that, we are still having a peaceful life and harmony life in Malaysia. Even at this recession, our nations is being able to go to work, having good meals, sending their children's to schools and so on.

Well sir, we can make this country more better in storming excellent comments and critics, which entirely motivate the nations and the governmental officers to be more efficient and productive.

Dear Sir,

I have a request. In year 2002, you've officiated the Malaysia Indian Muslim Tamil Literacy in PWTC, and before leaving, you've had a look at the project called Learning Arabic through Multilingual. My dad Nazurullah Khan has developed the project for the past 17 years with full research and time. Kindly advise me what should I do. Sir, you've asked the question that can you do it? and my dad replied, Malaysia Boleh dan saya boleh. He's has been inspiring your words and support and finally, he have completed the project. His willing to submit it to the right person in order it can be delivered through-out the world which ultimately makes the people surrounding the world to understand the language of Arabic, indirectly understanding the Islam religion.

Thank You Sir,
Regards,
Mohamed Kalimullah Khan
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:05 PM

Dear Tun,

Lompat sikatak lompat. Ahli Yang Berhormat sekarang sememangnya dah tak ada prinsip. Mereka kebanyakannya pentingkan diri. Jadi tidak keterlaluan mereka bolehlah dianggap sebagai katak menyerupai manusia.

By saintisAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:08 PM

Saya meneliti ulasan Dr. M dengan adil dan disini saya ingin mengutarakan beberapa perkara, cadangan dan soalan.

1. Sememangnya PM tidak sepatutnya menerima begitu saja Ahli DUN tersebut kerana mereka telah dikenali kerana kes rasuah seks. Alhamdulillah mujurlah setakat ini UMNO/BN belum lagi menerima mereka. diharap juga mereka tak perlulah diterima. Biarlah mereka "bebas".
2. Ada dikalangan rakan pembangkang saya yang mempertikaikan bahawa ketika zaman pemerintahan Dr. M telah pun berlaku acara "lompat-melompat" ini dimana PBS dibawa masuk melompat menyertai BN. Saya tidak mampu untuk menjawab kembali perkara ini. Harap Dr. M dapat tolong.
3. Sempena pemilihan jawatan tertinggi dalam UMNO pada bulan Mac ini, saya selaku pemerhati yang sayangkan UMNO sangat gusar melihat calon-calon yang sememangnya boleh diteka terlibat dengan politik wang masih berkeliaran melaungkan slogan-slogan manis untuk mengambil hati rakyat. Mereka seharusnya disekat daripada terus mewakili bangsa kita yang suci ini.
4. Sekiranya tiada tindakan segera daripada kepimpinan sekarang, ditambah lagi pula dengan sogokan berat sebelah dan "buta mata" dari saluran media perdana, maka inilah kesimpulan yang boleh saya katakan. Sekiranya berlaku pilihanraya kecil sama ada di Perak , di tempat lain atau pun ketika PRU 13 nanti, TIDAK MUSTAHIL untuk saya katakan bahawa BN sangat sukar untuk menang. Bukan kerana kepimpinan pembangkang yang kuat, tetapi kerana semangat membangkang BN (terutamanya UMNO) yang sangat kuat dan masih terus menyala, apatah lagi disimbah "minyak" oleh pembangkang. UMNO dan BN perlu segera memadamkan api yang menyala dengan air yang secukupnya dan

segeralah bertindak sebelum api semakin marak.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana hadirnya Dr. Mahathir di dalam sejarah Negara Malaysia yang tercinta ini. Semoga warga Malaysia masih terus bersemangat mencapai Wawasan 2020.

By IuvmaAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:09 PM

If UMNO is allowed to use 2 ADUNs who are facing charges of corruption to take over Perak state. I am quite sure that the end of BN will be speeded up, there will be riots as u yourself know the public's sentiments against corruption.

It is simply unethical and making the rakyat look like fools, do they think after all the education provided over the years we are still stupid. Even a idiot can see what they are doing!

Even if they do take over Perak, it will not have a strong foundation.

The rakyat will fight this very strongly, it is the most glaring abuse of power i would have witnessed, it dwalfs anything that happened during your reign.

U handed down to much power to an irresponsible organisation! Please sort it out Tun.

Be brave to take drastic actions, its ok take take a few steps backwards in order to correct fundamental flaws in our present political system.

By buntatAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:10 PM

salam tun dan rakan
semoga tun sehat2 saja hendakNYA

Semakin lucu permainan politik sekarang
Bila ada ahli yang hendak lompat
maka SPRM akan bertindak,nampak sangat SPRM ni jadi balaci@kuda tunggang Pak bedolah and kuncu2 mereka
dulu,time kecoh ahli BN nak lompat,mereka nak gubal dan kata dayus.
bila pembangkang nak masuk BN,x pulak dikata apa2
apakehalnyerr niiii?

By awarenessAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:15 PM

Untuk mencapai matlamat memenangi pertandingan tarik tali antara dua pasukan yang tidak kukuh, kita kena membangunkan semangat Malaysia 'apa pun' Boleh!

By IaniAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:17 PM

PAK DOLAH PIKIR JGN TAK PIKIR
DENGARLAH NASIHAT MANTAN PRESIDEN UMNO
By HouseWife™ Author Profile Page on February 4, 2009 3:18 PM

Assalamualaikum Tun,

Wahai sekalian UMNO, lihatlah betapa Tun amat menyanyangi mu, tak putus-putus menasihati kamu walaupun setelah kamu sekalian menyembur Tun dengan kata-kata yang tidak menyenangkan Tun.

Apakah kamu masih menyangkal dengan keikhlasan Tun? Apakah kamu masih anggap Tun pengacau?
Apakah mata hati kamu masih buta?

Tapi yang sudah jelas dan pastiya pintu hati Tun masih bersama UMNO.

Baik buruk UMNO Tun masih memberi pembelaan. Walaupun kekadang cara Tun keras dan sinis tapi

semuanya kerana sayang. Kamu sungguh bertuah kerana masih mendapat perhatian dan kasih sayang Tun.

Tun, bilakah pula Tun akan mendapat perhatian, pembelaan dan kasih sayang mereka?

Jika sayalah ahli UMNO akan saya kumpul seberapa ramai orang memujuk Tun kembali pada UMNO, jikapun Tun tidak mahu masuk balik UMNO tidak mengapa asal jangan bencikan UMNO.

Nampaknya memang payah nak kikiskan UMNO daripada Tun atau sebaliknya. Selamat berjuang Tun. Melayu tak luput dek zaman.

Semoga Allah pelihara Tun sekelurga dunia dan akhirat.

By mazharhAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:18 PM

Dear Tun,

UMNO memang terdesak sampai sangggup nak ambil sesiapa saja sebagai ahli. Syarat nak masuk UMNO dan jadi pemimpin UMNO sekarang mudah, iaitu boleh mengutuk Anwar Ibrahim dan yang paling sedih, mengutuk Tun Dr M. Buktinya, kemasukan Ezam dalam UMNO. Bagi saya Ezam juga penyumbang utama kepada kekalahan teruk UMNO di Permatang Pauh dan Kuala Terengganu. Era sekarang sudah berubah. Rakyat tidak mahu lagi dengar kutuk mengutuk. Rakyat Malaysia dahagakan kemajuan dan kesinambungan pembangunan yang Tun bawa selama 22 tahun.

UMNO perlu mencari Ahli dan pemimpin-pemimpin baru. Itu saja jalan untuk berubah dan memenangi kembali hati rakyat.

Saya cadangkan UMNO buat satu rancangan realiti TV, macam Donald Trump, Akademi Fantasia, One in a million, dan lain-lain, Tajuk program realiti TV UMNO ialah "Sekiranya Anda menjadi Pemimpin apa Yang anda Buat?". Rancangan realiti ini dibuka untuk semua rakyat Malaysia berumur 45 hingga 30 tahun sahaja. Setiap episod peserta akan diberi tugas berkaitan masalah ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, peperangan, dll masalah. Pesert diminta mencari penyelesaian dan membentangkan kepada juri yang terdiri drp ahli politik, tokoh akademik dll. Kemudian rakyat akan SMS mengundi siapakah yang dapat memberi penyelesaian terbaik. Dan peserta terbaik akan dibimbing UMNO untuk menjadi pemimpin. Mungkin rancangan ini dapat dilaksanakan oleh Yayasan Kepimpinan Perdana dan hosnya tak lain tak bukan TUN sendiri....

By zamra69Author Profile Page on February 4, 2009 3:19 PM

Assalamualaikum,

Pak Lah dan BN Perak sepatutnya sedar kesan jika menerima masuk 2 ADUN ini ke dalam BN...BN terutamanya Pak Lah memang terdesak..ini kerana Pak Lah mungkin ingin memperbaiki sedikit rekod buruknya dalam PRU 12 dan pentadbirannya selama ini sebelum bersara pada bulan Mac...

Jika ditakdirkan 2 atau mungkin 3 ADUN melompat ke BN dan BN akan membentuk kerajaan di Perak..selepas beberapa bulan andainya 2 ADUN tersebut didapati bersalah oleh mahkamah maka pilihanraya kecil akan dijalankan. seandainya PR menang, kerajaan negeri akan bertukar tangan sekali lagi (ini tentu sekali rekod pertukaran pemerintahan yang belum pernah terjadi sebelum ini). (BN) Mana nak letak muka dan maruah masa tu?

Jadi lebih baik tunggu keputusan mahkamah..jika berlaku pilihanraya kecil maka bersabunglah...siapa yang menang beruntung, jika kalahpun secara bermaruah..

By d'soulAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:23 PM

Salam Tun...

Selamat kembali...

Lompat - melompat...

Macam katak...

Ahli Parlimen = Katak???

Duit! Duit! Duit!!!

Nampak duit, lompat....

By Mohd RidhwanAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:27 PM

Salam Tun,

Benar kata Tun. Tetapi saya mmg berharap BN dapat mengambil alih semula Perak. Teruk betul Pakatan tu jaga. Abis tanah2 kerajaan negeri di bahagi-bahaginya. Nizar tu MB boneka sahaja.

Kepada Adun Bota yg masuk PKR tu.. hah.. padan dengan muka ko. Masuk PKR kononnya nak dpt peruntukan untuk jadi Adun yang berguna. Last2.. bergolak dah. Masuk saja lah UMNO balik. Pintu masih terbuka. Ramai pemimpin2 UMNO yang tekejut dan sedih semasa anda keluar.

Tun M... semoga sihat selalu dan harap2 Tun dapat kembali pada UMNO selepas pemilihan dan bantu revive UMNO semula.

By Headline MalaysiaAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:30 PM

Tun,

I strongly agree with you on point 7, 8, 9, & 10. UMNO once said it will never accept elected representatives that contested against their candidates in the election as a member. It is time for UMNO to walk the talk and prove to the people it is a party of principle regardless of situation.

By jaytuhAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:31 PM

I've been following this site since 2008 and this is my 1st time dropping my comment. Tun has always been my idol since my high school days albeit never vote for BN. I just love Tun as a leader and not a politician. On the above topic, it make me hate Malaysian politician even more. It is difficult to have a very good and 'berjiwa rakyat' politician (and i pretty sure this issue is not only applied in Malaysia but all over the world) nowadays. Although they come in as a noble man, they tend to be bad politician because of money and own personal agenda. For me, I'll will certainly give my vote to the candidate who has a very good record.

By azmi09Author Profile Page on February 4, 2009 3:33 PM

Salam Tun,

Ini menunjukkan Tun berfikiran terbuka, memilih mereka yang benar-benar berkualiti sahaja untuk menjadi ahli UMNO. pemimpin-pemimpin atasan dalam UMNO perlu membuat penilaian semula kenapa semakin hari kedudukan UMNO dan BN semakin goyang. Kalau mengikut pandangan saya ada 5 perkara paling kritikal perlu dinilai semula oleh UMNO.

1. Calon pemimpin tinggi Parti kurang kredibiliti dan tidak berkaliber (Yang ada sekarang dan juga yang bakal mengambil alih)
2. Tiada idea-idea baru untuk menarik sokongan rakyat
3. UMNO perlu menarik sokongan golongan professional, intelektual dan golongan muda.
4. Terlalu melayan umpan yang ditabur oleh PKR (apabila DSAI gagal mengambil alih kerajaan pada september 2008, isu itu patut dieksploit oleh UMNO/BN untuk mengurangkan populariti beliau
5. Ketandusan pemimpin pelapis yang menonjol. (dikenali di dalam dan luar negeri).

Saya juga begitu kagum melihat laman web Tun menerima kunjungan yang begitu menakjubkan dan jumlah komen-komen yang diberikan oleh pembaca juga begitu besar jumlahnya. Kalau dalam MT komen dari pembaca sekitar 60-70, tapi CHE DET menerima komen-2 sehingga 400. Di tambah pula komen-2 disini lebih berkualiti dan tidak emosional. Nampaknya pembaca-2 disini lebih berkualiti dan berlatarbelakang berpendidikan tinggi. TAHNIAH Tun.

By msallehAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:41 PM

Assalamualaikum YBhg. Tun.

Saya sangat bersetuju bahawa menerima mereka yang telah diwar-warkan terlibat dalam rasuah seks oleh media BN sendiri adalah merupakan satu beban yang sangat buruk kesannya kepada BN.

Kalaupun selepas ini mahkamah mendapati mereka tidak bersalah, maka akan timbul pula tanggapan rakyat yang lebih buruk terhadap BN dan sistem kehakiman.

Kalau juga mahkamah mendapati mereka bersalah dan dijatuhkan hukuman serta jawatan digugurkan pun, pandangan buruk rakyat terhadap BN tidak bertambah baik kerana YAB Perdana Menteri telah mengalu-alukan mereka yang bermasalah ini kedalam BN.

Saya menasihatkan supaya semua pemimpin, sebelum membuat apa-apa keputusan pun kena pastikan:-

- 1)Niat mesti betul iaitu Kerana Allah,
- 2)Keputusan yang dibuat tidak melanggar syariat Allah,
- 3)Natijahnya ialah kebaikan kepada Masyarakat.

Jika prinsip ini tidak dilunaskan seperti yang kita ikrarkan dalam setiap kali solat kita "Sesungguhnya sembahyangku, hidupku dan matiku kerana Allah tuhan sekalian alam" maka rasanya akan hilangnya keberkatan kita dalam berpolitik dan ditolak oleh rakyat di dunia dan juga dihina di Akhirat oleh Allah s.w.t.

www.kppcb.com.my

By 123Author Profile Page on February 4, 2009 3:44 PM

salam tun,

takpala tun memang ini je cara yang boleh digunakan oleh paklah.nak tunjuk le dia masih popular.tapi saya rasa musibah untuk umno adalah umno akan terkubur tidak lama lagi jika cara begini untuk tarik sokongan.biarlah 2 beruk pkr ni jadi trojan horse macam ezam raja kotak..sedikit demi sedikit i umno akan dijajah oleh pkr.electio akan datang mereka akan jadi pencacai untuk memudahkan umno tersungkur.ingat 24 juta manusia di malaysia menyumpah takkan satu sumpah seranah tu tak masuk..sepatutnya umno dan bn fikir macamna nak selamatkan ekonomi..tetapi mereka lebih berminat nak tumbangkan pembangkang..agaknye duit 7 billion yang dikeluarkan tu untuk beli pembangkang kot.inilah stimulas pakej yang rakyat dapat..setiap pembangkang yang ingin masuk umno dibayar 25 juta.patutlah bn mampu nak beli semua pembangkang sebab 10 billion stimulas pakej tu untuk beli pembangkang..umno memang sakit dan perlu di cantas..

By Azhar85Author Profile Page on February 4, 2009 3:47 PM

Assalamualaikum Tun...

Minta maaf kalau saya katakan saya tidak tahu pasal rasuah apa yg telah diambil oleh kedua adun di Perak...setahu saya mereka ada terlibat dengan rasuah...tetapi benarkah ianya rasuah seks...kerana saya tidak mendengar khabar angin tentang perkara itu...

Lagipun Umno cuma berhasrat untuk menerima mereka berdua sekiranya mereka ingin masuk Umno...tetapi keputusannya belum ditentukan lagi...

Semoga Tun sihat sejahtera selalu...

By ismailAuthor Profile Page on February 4, 2009 3:48 PM

Tun,

Welcome home.

The two gentlemen are not accused of "rasuah seks." Their associates are the ones accused of accepting sexual favors.

I believe the 2 YBs are charged with accepting financial inducements.

Be as it may it would be suicidal to the extend of moral bankruptcy if the two YBs are accepted into UMNO and in the process become the tool for a change of government in Perak.

I am sure common sense will prevail.

By BUDAK BJAutor Profile Page on February 4, 2009 3:48 PM

SALAM TUN....

MAKIN BERGELOMBANG ARUS POLITIK MALAYSIA SEHINGGA HARI INI BAIK DI PIHAK KERAJAAN MAHUPUN DI PIHAK PEMBANGKANG.

SEBAGAI RAKYAT BIASA MELIHAT SENARIO INI DILIHAT CIPTAAN YANG TIADA KESUDAHAN YG TELAH DINODAI OLEH TANGAN2 KOTOR PEMIMPIN YG DILANTIK SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

HENTIKANLAH...TUMPULAH PADA JANJII2 YG DIAMANAHKAN UTK RAKYAT.TANGAN2 KOTOR PEMIMPIN JGNLAH MENGHERET RAKYAT YG TIDAK BERDOSA INI TERUS SENGSARA.

WAHAI PAK LAH...MESKIPUN KHIDMATMU HANYA MAC 09 TAPI INGATLAH BYK KESAN PAHIT YG KAMU TINGGALKAN PADA NEGARA DAN RAKYAT INI...

KATA KERAMAT TUN....melayu mudah lupa itulah UTKMU PAK LAH...

By ZINNZAINAauthor Profile Page on February 4, 2009 3:50 PM

YAB Tun,

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera dan Selamat Petang.

Walaupun saya bukan ahli UMNO namun saya merasa sedih kerana apa yang saya lihat sekarang adalah zaman permulaan kehancuran satu parti yang pada satu ketika dulu dianggap satu parti yang kebal. Ibu dan bapa saya adalah orang kuat UMNO di Johor pada satu ketika dulu dan kini masih menjadi ahli biasa saja. Parti yang mereka perjuangkan dulu sudah jauh menyimpang dari prinsip asalnya.

Apabila terbaca di akhbar utama tempatan kebelakangan ini mengenai YB Lompat Parti, YB menghilangkan diri dan lain lain lagi cerita mengenai YB, maka saya berpendapat bahawa tahap kematangan dan prinsip perjuangan para YB yang kita ada sekarang bukanlah apa yang kita mahu untuk menjadi 'Wakil Rakyat' yang mewakili rakyat di Parlimen. Mereka seolah-olah sudah hilang pedoman dan hanya mementingkan diri daripada tugas mereka sebagai Wakil Rakyat. Mereka ini adalah wakil diri mereka sendiri.

Negara masakini berdepan dengan banyak cabaran terutamanya ekonomi yang sangat merudung. Tambahan dari itu, ramai pekerja akan dibuang kerja. Kerajaan dan juga pembangkang sepatutnya memikirkan dengan bijak bagaimana untuk menangani masalah yang serius ini, bukan mencari publisiti dengan ucapan dan pandangan mengenai siapa lompat parti dan siapa tak dapat dihubungi!

Kalaulah benar UMNO akan menerima 2 YB dari Perak yang mempunyai kes di mahkamah atas tuduhan rasuah seks, maka UMNO bukan sahaja akan hancur, namun ianya akan berkubur dan seterusnya BN akan menjadi pembangkang selepas PRU 13.

Lihatlah apa dah jadi pada PRU 12, Permatang Pauh dan KT. Saya pernah meramalkan setelah nama

calun di istiharkan untuk KT, bahawa BN akan kalah. Ramalan saya itu tepat sekali. Sebab utama ialah calun yang dipilih. Bukan itu saja, namun cara kempen dilakukan juga seolah olah memperbodohkan pemikiran warga KT (insulting the intelligence of people from KT) Apa taknya, DSNTR berhujah bahawa jika calun BN tidak menang, maka warga KT tidak akan ada wakil rakyat di Parlimen.(bunyinya seperti ugutan). Tambahnya lagi, jika wakil BN itu menang, maka beliau akan dilantik semula sebagai Timbalan Menteri. (bunyinya seperti gula gula rasuah - dangling a carrot in front of a donkey).

Umum tahu siapa calun BN tersebut. Beliau pernah berkerja dengan PM. Beliau dilantik menjadi Senator dan kemudian diangkat menjadi Timbalan Menteri salah satu kementerian yang sangat penting. Malangnya, when something goes up too fast, it came down with a bang! Exactly what happen to BN candidate for KT.

bekas menteri undang2, Mat Taib yang ada kes dulu, musa hitam, dll)dan sekarang menerima orang yang dikaitkan dengan rasuah seks....apa lagi dollah?

2. Dollah sepatutnya letak jawatan (macam Tajol buat) kerana segala kekalahan adalah perbuatannya.

3. Mungkin BN ambil alih kuasa di Perak, tetapi pernah terpikir apa akan terjadi dalam PRU13?

Apabila rakyat menyampah kerana punca masalah tidak dibuang tetapi masalah baru ditimbulkan, maka tidak lamalah jangka hayat BN dan UMNO.

Seperti yang Tun pernah sebutkan, rasuah adalah penghalang pembangunan negara...termasuklah memusnahkan modal insan, agama, dll. Rasuah semakin ketara semasa anwar ibrahim memegang wang negara (menjadi menteri kewangan) dan semasa era dollahlah penyakit rasuah menjadi satu gaya hidup baru ahli politik dan ahli parti politik serta anak muda melayu...mungkin kerana dollah dan ahli familinya berjaya menjadi model yang berkesan!
By pipiAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:30 AM

this lompat thingy is really not fair to the rakyat who voted them! there must be a new election to occur soon. must be really quick so rakyat can wipe them off again. rakyat is the power, not money!
By RoyAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:32 AM

Dear Tun,
Malaysian politics are now like a circus. It won't be long from now that Malaysia will become Thailand. Funny matter has turned bloody and foolishly harshed.

Collapsed and corrupt.
By shambaharAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:39 AM

Assalamualaikum Tun,

Semuga Tun sihat di samping keluarga.

Izinkan saya menyanyi di sini.Lagunya bertajuk Lompat si YB lompat.

Lompat si YB lompat,
Lompatlah tinggi-tinggi,
Jangan tersalah lompat,
Nanti YB tersalah parti.

Lompat si YB lompat,
Lompat berkali-kali,
Jangan YB tak ingat,
YB naik kami yang undi.

Lompat si YB lompat,
Lompat kanan dan kiri,
Kami semua dah penat,
Tunggu YB punya janji.

shambahar.
seri kembangan, selangor.
By azienmatAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:43 AM

Kadang-kadang jelak dengan permainan ahli politik sekarang. Rakyat umpama bola dijadikan alat mainannya. Disepak ke sana-sini.

Senang saja nak buat pilihanraya, macam dah takde kerja lain hanya politik merebut kuasa, yang dia tahu menagih simpati dan bantuan rakyat untuk membantu agenda mereka, bukan rakyat yang perlu dibela. Terbalik jadinya, Songsang!

Ghentikanlah semua ni. Tak payah pilihanraya semula, buang masa kita, buang duit rakyat jugak. Yang BN pulak tak payah ghairah sangat, takde maknanya menang macam tu.

Dapat durian runtuh, kecoh keluar nak cari lagi. Kang tak pasal2 ditimpa durian. Duduk ajelah elok2 di bawah pondok..

By Pencetak SinarAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:49 AM

Salam Tun,

Nasihat Tun memang tepat. Pada masa kini, sebarang fitnah ke atas BN memang akan dipercayai bulat-bulat. Biar pun sekadar fitnah.

Kebanyakan yang masih menyokong BN adalah kerana mempunyai kepentingan ekonomi, kepentingan status, kepentingan yang lain-lain atau memang tak tahu senario dalam negara. Perlukah ianya dinafikan sedangkan kita semua boleh lihat bagaimana jentera pilihan raya BN berfungsi.

Biar putar macam mana pun, siapa yang akan percaya bakal PM tak terlibat dengan pembunuhan Warga Mongolia yang malang itu. Putar punya putar semua percaya yang pembelian helikopter, jet pejuang, kapal selam dan lain-lain oleh kerajaan Malaysia menyembunyikan pemindahan duit rakyat kedalam saku kroni.

Betul atau tak memang tak penting, itulah sebabnya mengapa orang macam RPK mendapat tempat dalam masyarakat. Berita mainstream menjadi tidak relevan dan tidak lagi dipercayai.

Adapun BN telah mempunyai bilangan kerusi yang mencukupi untuk membentuk kerajaan negeri di Perak, apakah rakyat benar-benar menerimanya?

BN sememangnya sebuah parti yang sedang sangat sakit. Saya sangatlah bersyukur yang Tun tidak terlibat sama dalam penyakit yang kian serius ini. Saya bukan suka sangat pada Tun tapi banyak idea dan pemikiran Tun yang tidak dapat saya sangkal kebenaran dan logiknya. Saya kira sanagatlah rugi jika seorang pemikir yang terkehadapan seperti Tun terlibat sama dalam percaturan politik kotor yang dimainkan oleh parti yang nazak seperti BN.

Nasihatlah macam mana pun, tiada gunanya. Terbaik buat Malaysia adalah supaya BN hancur supaya sebuah parti yang tidak korup dapat menggantikannya.

By Sekeibun BungaAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:50 AM

Salam Tun,

1.Politik negara dah menjadi caca-merba. Rakyat dah naik bosan nak ambil tahu.

2.PM kita nampaknya bodohnya semakin menjadi-jadi. Nampak macam kena mandrem...biul semacam...cara bercakap dan ucapan sama saja dari mula-mula jadi PM sampai sekarang...malah sekarang lebih teruk lagi...sampai rakyat tak faham dia kata apa.

3.Sepatutnya bila tahu kekurangan diri...undur diri cepat-cepat.

Ini tidak, walaupun rakyat menyampah, rakyat maki masih menegakkan yang dia masih diperlukan.

4.Pasal perhabis duit...itu boleh diserahkan pada PM kita.

5.Pasal nak buat seputusan strategik...jangan harap dia boleh!

6. Sebab tak tahu buat keputusan...dia akan bertanya anak-menantu dan kroni-kroninya.

7. KESANNYA...CACAMERBA, RASUAH POLITIK, SIKAP BENCI, SANGGUP TIKAM BELAKANG, NEGARA KITA MENDAPAT MALU, PEMBANGUNAN TERGENDALA, WAWASAN 2020 ENTAH KE MANA!!!

8. BODOH...BODOH SUNGGUH PM MALAYSIA!!!

9. Sanggupkah kita semua tinggal di sebuah negara yang diperintah oleh oleh-orang bodoh dan tamak yang hanya membeli harga maruah dan diri kita cuma RM1,000.00? Malu..malu..malu

10. KATAKAN TAK NAK PADA RASUAH POLITIK.

Sekian.

By svgAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:03 AM

inilah senario politik malaysia masa kini.gaduh tuk kepentingan peribadi.Ahli2 politik sudah lupa yg mereka dipilih oleh rakyat. Jjik rasanya nak dengar dan tengok semua ini. bagi saya....semua ahli politik bak sampah masyarakat.Tidak ada nilai peribadi langsung tak kira BN ke ataupun PK.Yang pasti....Politik malaysia juga akan jadi sama seperti politik di Thailand.Tiada gunanya adakan pilihanraya sekiranya ahli2 politik tidak menghormati rakyat.

By adam23Author Profile Page on February 5, 2009 1:08 AM

Salam Tun,

Lompat melompat seperti ini adalah perkara yang telah dijangka sejak Pakatan Rakyat memerintah Perak kerana perbezaan kerusi adalah sedikit. Tapi apa yang mengejutkan adalah tindakan Adun Bota yang melompat ke PKR selama 11 hari dan kembali melompat masuk BN dengan alasan beliau tersilap dan baru sedar bahawa PKR bukan parti yang memperjuangkan rakyat etc.. Bagi saya ini adalah taktik paling kotor dan murahan pernah dilakukan BN untuk merampas negeri yang diperintah oleh bukan BN.Umno seolah-olah kekeringan idea bagaimana untuk memenangi hati rakyat negeri Perak. Perihal dua Adun yang telah "bebas" ,Rakyat telah memilih PR di Behrang dan Changkat Jering, PR adalah pilihan rakyat tetapi bila berlaku situasi sebegini, kedua-dua Adun ini telah mempermainkan kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka dan saya juga terasa ditipu oleh kedua-dua Adun ini, mereka patut meletak jawatan. Saya amat bersetuju dengan Tun bahawa jika situasi ini berterusan, rakyat terus diperbodohkan oleh BN maka kesannya kita akan lihat pada PRU13 nanti.

Semoga Tun sentiasa sihat dan terus mendedahkan kepincangan yang berlaku dalam UMNO pada masa sekarang.

By pakbelalangAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:19 AM

Saya berharap PAS masuklah Barisan. Inilah yang paling terbaik untuk bangsa Melayu dan agama. Sudah sampai masanya UMNO dan PAS berkompromi dan bersatu demi untuk menjaga maruah bangsa supaya anak cucu kita tidak terpinggir. Marilah kita bina satu masyarakat bangsa Melayu untuk memertabatkan maruah ketahap yang lebih dihormati oleh kaum lain.Perbezaan ideologi politik tidak akan bawa bangsa kita kemana-mana. Terimalah hakikat ini. Kita sudah keliwatan masa. 50 puluh tahun akan datang kita akan saksikan cabaran hidup anak cucu kita lagi mendesak untuk mengharungi kehidupan yang serba pantas. Kita tidak boleh terpinggir dari arus pembangunan. Kita mesti lengkapkan anak cucu kita dengan ilmu yang berfaedah untuk terus maju.

KITA MESTI CONTOHI SEMANGAT ORANG IRAN YANG TELAH BERJAYA MELANCAR ROKET SATELIT KEANGKASA LEPAS. IRAN ADALAH SEBUAH NEGARA ISLAM DAN TELAH BERJAYA MENGGERUNKAN NEGARA BARAT.INI BERMAKNA MARTABAT ORANG ISLAM DI IRAN LEBIH TINGGI LAGI DARI MERTABAT ORANG ISLAM BERBANGSA MELAYU. Apa sebabnya? Kerana kita tidak menghayati tentang perlunya mendapat pelajaran yang setinggi-tingginya untuk anak cucu kita. Kita masih leka dengan perkara remeh temeh tentang Islam.Penafsiran kita tentang Islam terlalu cetek dan banyak mengelirukan ummah sebab pemimpin Islam kita terlalu asyik dengan paekara yang negatif dari

yang positif tentang Islam. Perkara hukum halal-haram dimanipulasikan oleh pendakwah dan pemimpin Islam dengan berbagai tafsiran yang mungkin ada yang tersempang jauh dari ajaran Islam sebenarnya. Kita terlalu taksud dengan agama Islam hinggalah kita lupa untuk mendapat ilmu yang boleh mensejahterakan UMMAH. Mungkin ada yang tidak sependapat dengan komen saya. Saya terima bahawa masing-masing ada hak untuk melahirkan pendapat mereka.

By khairul.arshad@gmail.com Author Profile Page on February 5, 2009 1:19 AM

Dear YB Tun..all reader..

The situation in Perak can be concludes into all this "H":

1. "Headache" will all the rumours and cronology related to the issues
2. "Hearsay" now became true, hearsay that the current Perak government will collapse
3. "Heartache" in the heart, specially for the people or who was vote for change..specially for Perak people. Some UMNO voters may feel uncomfortable if the BN win using this image.
4. "Heart-warming" - for Pak Lah and Najib
5. "Heinous-head" if the BN winning the mandate using this approach.
6. "Headstone" will be sent by the Rakyat to BN if the Sultan annouches re-election!

Khairul Rizal Arshad

Johor Bahru

By idmal Author Profile Page on February 5, 2009 1:20 AM

Salam YBhg. Tun

Izinkan saya menzahirkan pendapat saya berkenaan perkara di atas:

1. Kesian Presiden UMNO menerima 2 orang bekas ADUN PKR menyertai parti telah menyebabkan imej UMNO semakin tercalar di mata rakyat. Apa yang saya perhatikan, tuduhan kes rasuah terhadap 2 ADUN tersebut telah menyebabkan Pakatan Rakyat (PR) Perak bertindak meminggirkan mereka daripada kerajaan negeri dan parti pakatan, demi untuk menjaga imej PR di kalangan rakyat. Adalah menjadi kesilapan besar untuk UMNO pula menyatakan kesedian untuk menerima kedua-dua ADUN ini sebagai anggota parti.

2. Tindakan 3 ADUN Perak menjadi wakil rakyat bebas secara tidak langsung telah menyebabkan mereka lah yang sebenarnya mempunyai faktor penentu pembentukan kerajaan di Perak. Pada ketika ini, ketiga-tiga mereka melahirkan sokongan kepada BN, tetapi persoalannya adakah sokongan ini akan berterusan pada masa hadapan? jika sokongan mereka berubah, sudah pasti kerajaan negeri juga akan bertukar tangan semula. keadaan ini jika berlaku akan membawa implikasi negatif kepada persekitaran politik negeri dan akan membantutkan perancangan pembangunan. pada pendapat saya, penyelesaian terhadap situasi ini adalah dengan mengadakan semula pilihanraya negeri.

Moga Tun sekeluarga akan terus sihat sejahtera

Salam

By azrin Author Profile Page on February 5, 2009 1:20 AM

Salam

Sebagai rakyat jelata..saya takut...dengan firasat saya akan terbubaranya DUN Perak..dan kalau kemelut politik sekarang akan membuat UMNO lebih teruk...dengan kekalahan...

Dah jatuh ditimpa tangga... Anyone's game... but then... if BN looses..then maksudnya.. Najib kalah....

Tun, please come back..and restructure the Country. I sendiri telah dirompak di khalayak ramai di Bas Stand Chow Kit KFC oleh Mat Black (Pendatang)...dengan angkuhnya dan mereka meluasa Jumaat lalu. Tiada orang sanggup membantu dan kerana diragutnya handphone iMobile bodoh dan peragut adalah sindiket Negro dan Indon Pati.

Pada yang ada duit ..takpa..yang tak berduit...yang perlu naik bas (dah system transport kita makin kritikal)..terpaksa diharungi.

Tiada kita takut seperti ini...dan dulu mungkin Tun digelar Saddam Hussein of Malaysia oleh pihak media asing, tapi..kami sebagai rakyat jelata.. tidak risau atas keselamatan kita sendiri. Jangan sampai rakyat mula dengan Vigilante Guards... kuasa pada tangan sendiri kerana tidak percaya pada polis dan keselamatan diri di khalayak ramai.

Lah ni..kita kehilangan kerja..dimana jua..dan si Indon Pati dan Gagak Black Money kuat leluasa... mereka kerja di KLCC food court..sombongnya tak terkira... mengalahkan yang warga kita sendiri. Mereka adalah 'BOSS' di sana...bukan rakyat Malaysia.

Apa Dah jadi....

Please Tun...help Malaysia out..

Best regards

Azrin @ <http://www.zyraz.com>

Zyraz Chocolates

By kzgeoparkAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:20 AM

Salam Tun. Another lesson to learn..Melayu mudah lupa.

By joneadamAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:26 AM

Dear Tun,

I guess immediate or short term gain over the long term gets to the decision that was made. Being in power, one has a certain advantage. In a situation like this, best to let the voters decide once again who they want to govern Perak. Anti-Hopping Laws should be in place, if not politicking will not end. We should be in the business of governing for the people after an election and not indulge in dirty politics. We are watching politicians (I call them Actors) in play. Good to know the individual true characters which will help us decide who we want in the next election. I do not think the general voters are stupid.

By agk snipesAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:28 AM

28 28 3, stabil ke kerajaan negeri Perak di hari-hari mendatang. Agak memalukan melihat telatah yg bergelar YB Lompat Melompat ini, mereka berjuang tanpa memiliki perinsip tetapi memberi alasan atas amalan demokrasi kerana itulah mereka ini membuat keputusan tersebut. Saya dapat merasakan situasi ini amat membahayakan utk menghadapi PRU akan datang, seperti apa yg telah Tun luahkan. Rasanya pengundi/penyokong terasa dipermainkan ikut sesuka rasa YB berkenaan.

Pada saya tidak merasa bangga sedikit pun walaupun BN dapat menerajui Perak semula kerana angka 3 itu, seolah-olah mereka menjadi power broker dlm DUN kelak. Tidakkah ini membahayakan. Gelagat YB YB tersebut seperti keanak-anakan, merajuk bila kemahuan tidak di tunaikan, kembali apabila dijanjikan. Saya ingin melihat aksi telatah mereka ini bila barisan exco baru negeri tidak terpalit nama mereka atau di beri jawatan di dalam agensi kerajaan negeri kelak.

Pada hemat saya pengundi yg layak mengundi pd PRU akan datang akan pasti menolak calon dr parti-parti bertanding maupun individu yg tidak di kenali daripada menjadi wakil mereka. Mereka pasti memilih calon anak tempatan sahaja. Apapun manusia akan berubah dan berlaku tidak amanah apabila perkataan maruah/"honour" tidak ada dlm buku catitan diari harian mereka.

Adakah perinsip, kebenaran, moral, maruah telah lupus di dalam senario politik M'sia kini???

By K.I.T.AAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:36 AM

SEPERTI SAYA>

Hanya pandangan ikhlas penulis
yang sayangkan MALAYSIA.

Tiada sebab untuk anda menahan saya dalam akta ISA selepas membaca komen saya. Penulisan saya tidak di pengaruhi sesiapa.

Benar apa yang di kata DR.M Nape la BN memilih 2 orang pemimpin PKR yang paling bermasalah untuk menyokong mereka.

Pakatan Rakyat telah menghebohkan pada penyokongnya yang 2 orang ini(bekas adun PKR yang jadi calon bebas) telah dibeli oleh BN.Buktinya,kalau mereka memberi sokongan pada BN.

Tuduhan rasuah terhadap mereka akan di gugurkan. Kalau benar perkara ini terjadi.Rakyat Malaysia akan menghukum BN.Mereka akan kata yang memang benar BN beli mereka berdua.

Berani kah,pemimpin Malaysia membicarakan kes rasuah mereka berdua setelah kedua mereka menyatakan sokongan terhadap BN. Saya pasti kes ini akan ditutup.Kalau kes ni ditutup sekali pun, Rakyat Malaysia pasti ingat yang kedua mereka memang bersalah terhadap tuduhan rasuah.Ini kerana, sebelum permasalahan ini terjadi.Satu dunia telah dihebohkan mengenai kes mereka. Mereka berdua telah dihentam teruk oleh media mengenai salah laku mereka.

Fikirlah, pemimpin Malaysia sebelum melakukan sebarang tindakan. Ini kerana,mereka telah berada di pertengahan.kalau tersilap langkah,pasti hancur walaupun mereka berkuasa.

Entahlah..Tak tau apa hendak terjadi pada Malaysia selepas ini. Kalau saya yang berumur 24 tahun dan belum habis belajar tapi mampu berfikir seperti ini.Tak kan lah,pemimpin Malaysia yang 2x ganda lebih tua dari saya tidak mampu berfikir seperti ini.

Jangan gopoh.
By Steadyaku47Author Profile Page on February 5, 2009 2:02 AM

Live by the sword...die by one...and so it has come to pass that Anwar now has a taste of his own medicine. The defections he had once hoped to happen has finally started its long predicted momentum but alas it has gone against him. Like Pak Lah the momentum was there for him to seize when the opposition won control of five states in the last election - but the heady days of victory and power was too exciting to let go - and playing politics rather than governing became the norm. And now the end will start to come not only for Anwar but for the grand design that came with the victory at the last election - and as always God is on the side of those with money and big armies...and as always we await the return of rampant corruption, greed and money politics as UMNO return to the fore with Najib at its apex. Did the Rakyat really thought that Truth, Justice and Fairness will really prevail? Greed overcomes all other consideration. Amen.

Steadyaku47
By MadudAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:04 AM

Assalaamualaikom.. Tun dan Tun
Jean pun masuk campor pentadbiran.. sampai nak tempah cenderahati pun dia kacau.. abis periok nasi aku,, oder manjang kena kensel,, bukan pasal mahal,, tapi pasal kaca sahaja.. tak sesuai dia kata...
By anakdemokrasiAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:13 AM

salam tun..Sekalung pujian dan tabik hormat buat TUN YANG DIKASIHI...kami generasi 22THN yang

membesar di era Tun amat merindui PEMIMPIN seperti TUN, AMAT MERINDUI SUARA DAN KATA-KATA TUN YANG AMAT BERNAS, INTELEKTUAL DAN TERSIRAT ITU...

JARANG SEKALI PEMIMPIN HARI INI YANG MEMBACA SEJARAH KETUANAN MELAYU UNTUK ANAK BANGSANYA..AMAT BERBEZA SEKALI DI ERA TUN...

TUN YANG DIKASIH WALAUPUN SAYA HANYA AHLI BIASA YANG TIDAK RAPAT DAN DEKAT DENGAN KEPIMPINAN UMNO HARI INI TETAPI SAYA HAMPIR MELUAT MELIHAT LEMAHNYA PEMIMPIN MELAYU HARI INI.....

MALAH LEBIH KECEWA LAGI APABILA SUARA TUN SEPERTI TIDAK DIINDAHKAN..LANGSUNG..BENAR KATA TUN MELAYU MUDAH LUPA..MELAYU BELUM SELAMAT...SEMOGA TUHAN MENYELAMATKAN GENERASI KAMI AGAR MELAYU TIDAH TERJAJAH DI NEGERI SENDIRI AKIBAT PEMIMPIN MELAYU HARI INI...
SEMOGA TUHAN SENTIASA MERAHMATI TUN DAN KELUARGA..AMIN
By samuraimelayu Author Profile Page on February 5, 2009 2:14 AM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN,
IZINKAN,

9. UMNO sudah dianggap bergelumang dengan rasuah, selalu mungkir janji, mengutamakan kroni Perdana Menteri di Terengganu. Jika kepada semua ini ditambah pula dengan penerimaan orang yang dituduh melakukan rasuah seks, imej UMNO akan jadi lebih buruk.

AYAHANDA TUN, MASIH PERLUKAN KITA MENYELAMATKAN RUMAH UMNO YANG SEMAKIN GOYAH DIKERJAKAN OLEH PEMIMPIN2 AAB (ATAS ADA BATU)..DIIBARATKAN MEMBUANG GARAM KELAUT !

MELIHAT RIAK WAJAH PAK LAH DAN PAK NAJIB MEMBUAT KENYATAAN TENTANG LOMPAT-MELOMPAT EMPAT EKOR 'KADOK' KEKAWAH UMNO/BN DIKACA TV MEMBUATKAN KAMI PATAH SELERA. TERDESAK SANGAT KE HINGGA SANGGUP MAIN BELAKANG?. (MAKAN CABAI, RASA PEDAS). JIKA INI CARA NYA, MAKA KAMI KATAKAN PADA PRU 13, BN/UMNO DIJAMIN BERHIJRAH KE KERUSI PEMBANGKANG..PERCAYA LAH.

AYAHANDA TUN,
KAMI PERNAH DIMINTA OLEH SEGELINTIR RAKYAT MELAYU DIDERAH KAMI YANG SAYANGKAN PERJUANGAN UMNO SUPAYA MENUBUH SATU PARTY BARU SEBAGAI 'ALTERNATIF' DEMI MENGEMBALIKAN MARUAH DAN KESINAMBUNGAN PERJUANGAN UMNO YANG KINI TELAH LUMPUH DAN HINA ANKARA KEPIMPINAN YANG TERPESONG DAN TERDESAK.

KAMI BERASA BANGSA MELAYU TIDAK LAGI MENARUH HARAPAN KEPADA PARTY UMNO/BN YANG TELAH MEMPERKASAKAN NEGARA DAN MEMAJUKAN RAKYAT, KHASNYA BANGSA MELAYU SELAMA 50 TAHUN.

HANYA KEPADA AYAHANDA TUN KAMI SANDARKAN HARAPAN UNTUK MENYELAMATKAN MARUAH BANGSA MELAYU..SELAGI IANYA MELAYU!

ALFATIHAH, AMIN.

By nbat Author Profile Page on February 5, 2009 2:32 AM

assalamualaikum YBhg. Ayahanda Tun,

'Lompat si katak lompat', secara azalnya hanya si katak sahaja yang melompat. perkara seperti ini sepatutnya tidak dibiarkan terjadi. ini kerana keputusan untuk seseorang itu menang di sesuatu kawasan pilihanraya adalah merupakan keputusan rakyat yang secara sukarela turun mengundi. ianya bukan hak

mutlak individu yang menang. jelas rakyat telah membuat pilihan dan sepatutnya mereka yang dipilih hendaklah akur. sekiranya tidak sanggup untuk mendokong amanah yang telah diberikan hendaklah berundur secara terhormat. Mungkin, kita perlu ada klausula undang-undang apabila seseorang wakil rakyat itu meletak jawatan daripada parti yang telah dipilih untuk sesuatu kawasan hendaklah automatik pilihanraya kecil boleh dijalankan kerana yang menang adalah parti dan wakil rakyat berkenaan hanyalah proxy. apabila budaya sikatak telah berleluasa, kestabilan sesebuah negeri/negara kemungkinan boleh terjejas. Ayahanda Tun, bersetujukah sekiranya dikatakan budaya lompat si katak lompat ini satu cabang daripada amalan atau perilaku rasuah? mereka yang melompat berkenaan boleh diibaratkan orang-orang yang tidak setia dengan ideologi yang mereka perkatakan selama ini. jika begitu, kenapa pihak BN rela orang-orang seperti ini menyusup masuk ke nadi BN, tidakkah ianya nanti akan membahaya atau menyukarkan lagi pimpinan untuk melenyapkan budaya rasuah. lebih baik pilihanraya baru dijalankan, setidaknya hak untuk menentukan siapa yang patut memimpin dipulangkan balik kepada rakyat. tidak kah ini lebih adil dan saksama. selamat malam. Wassalam.

By kijang muda Author Profile Page on February 5, 2009 2:42 AM

mereka semua tak fikirkan masa depan kami generasi baru Tun...
diaorang hanya fikirkan kepentingan diaorang dengan keluarga mereka ja...
nak kata mereka semua tak pandai, ahli dewan undangan negeri...tapi itulah kenyataannya...
sebab mereka, ekonomi Malaysia boleh jatuh...
keadaan politik yang tak stabil...
mungkin sekarang mereka sokong BN....
tapi nanti bila dah tak puas hati, sokong PR balik...
so kerajaan kena tukar lagi...
so pada pendapat saya Datuk Seri Nizar still jadi MB Perak lagi kot...
kecuali ada adun PR yang lain ada join BN....
masa itu, BN akan kukuh untuk buat kerajaan...
itupun kalau diaorang dah tak jadi katak balik...
cuma satu sahaja permintaan saya kepada Adun-adun dan ahli parlimen semua...
tolong fikirkan kami...
generasi perintis masa depan negara....
jangan sebab kamu tamak sangat, masa depan kami gelap...
kalau semua still macam ni, nmpak gayanya sampai bila kita takkan maju macam negara lain...
By HMAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:49 AM

Assalamualaikum Tun,

Kejadian lompat melompat parti sememangnya satu fenomena yang saya rasa unik di Malaysia. Ahli politik (Parlimen & Negeri) hanya tahu berpolitik 24 jam, 36 hari setahun. Masa kita banyak terbuang dengan memikirkan apa yang akan terjadi kepada kerusi politik kita. Kehilangan masa ini akan menidakkan usaha semua rakyat (termasuklah ahli politik) yang bekerja bertungkus-lumus dalam membangunkan negara terutama dari aspek ekonomi. UMNO perlulah lebih berhati-hati dalam keghairahannya menerima ahli-ahli (lebih-lebih lagi mereka yang telah keluar UMNO dan kemudiannya nak masuk semula ke dalam UMNO). Golongan ini perlulah membuktikan kesetiiaannya kepada parti. Jika diterima dengan senang "orang" semacam ini, maka tindakan UMNO hanya akan menambahkan kemarahan ahli-ahli yang setia kepada UMNO, iaitu ahli-ahli yang sanggup bersama UMNO walau apapun jua tahap populariti UMNO. UMNO perlulah bangkit dari kegawatan politik dan membuktikan bahawa ia adalah parti yang boleh menjaga hak orang Melayu tanpa mengabaikan hak-hak bangsa lain di Malaysia. Tahap pemikiran politik ahli-ahli terutama yang memegang jawatan dalam parti perlulah ditingkatkan dan ditumpukan dalam memperjuangkan visi dan misi parti. Dengan langkah ini, barulah sokongan dari semua orang Melayu boleh digarap semula. Buang jauh-jauh mereka yang mengamalkan rasuah; kita tidak mahu memberi isyarat kepada generasi muda kita yang rasuah itu tidak salah. Kita perlulah mengutamakan ahli-ahli yang mempunyai pendirian agama yang utuh. Dalam pada itu, semua ahli (lebih-lebih lagi yang memegang jawatan dalam parti) mestilah memikirkan bagaimana hak politik kekal di tangan orang Melayu dan tahap ekonomi orang Melayu ditingkatkan. Dengan kekuatan ekonomi, orang Melayu akan mampu bersaing dengan bangsa lain. Kita tidak mahu orang Melayu nanti terlalu bergantung kepada bangsa lain. Perpaduan mestilah ditekankan di semua tahap. Lihat sahaja bangsa

Cina dan India; mereka bersatu dalam memperjuangkan hak mereka. Kepimpinan sekarang mestilah kuat dalam mempertahankan hak orang Melayu.

By JoAuthor Profile Page on February 5, 2009 3:44 AM

Bukan kan ini cara berpolitik yang Tun sendiri ajar kepada ahli2 UMNO dan sudah menjadi budaya politik Malaysia?

By Mata-mataAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:10 AM

Sebagai seorang rakyat di negeri Perak,saya merasa kecewa dgn apa yg berlaku berkenaan isu lompat melompat ni..kami rakyat perak berasa tertipu kerana kami memilih wakil rakyat berdasarkan kredibiliti mereka utk membela rakyat..isu lompat parti seakan-akan menidakkan hak rakyat yang telah memilih individu untuk membela kami bukan menidakkan hak kami yang telah memilih mereka..seharusnya perlu di adakan pilihanraya semula..perlu diingat,rakyat yang berhak menentukan..harap tun dapat ketengahkan permasalahan ini..kami sebagai rakyat berasa tertipu dan pilihan raya semula perlu diadakan..kami tak mahu pemimpin yang tidak berpendirian dan berperangai buruk..jangan nafikan hak rakyat..jika di thailand rakyat mampu gulingkan pemerintah mereka yang berperangai buruk dan korup..ini juga tidak mustihal akan berlaku di malaysia..rakyat berhak untuk tentukan masa depan mereka.

By Mata-mataAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:11 AM

Sebagai seorang rakyat di negeri Perak,saya merasa kecewa dgn apa yg berlaku berkenaan isu lompat melompat ni..kami rakyat perak berasa tertipu kerana kami memilih wakil rakyat berdasarkan kredibiliti mereka utk membela rakyat..isu lompat parti seakan-akan menidakkan hak rakyat yang telah memilih individu untuk membela kami bukan menidakkan hak kami yang telah memilih mereka..seharusnya perlu di adakan pilihanraya semula..perlu diingat,rakyat yang berhak menentukan..harap tun dapat ketengahkan permasalahan ini..kami sebagai rakyat berasa tertipu dan pilihan raya semula perlu diadakan..kami tak mahu pemimpin yang tidak berpendirian dan berperangai buruk..jangan nafikan hak rakyat..jika di thailand rakyat mampu gulingkan pemerintah mereka yang berperangai buruk dan korup..ini juga tidak mustihal akan berlaku di malaysia..rakyat berhak untuk tentukan masa depan mereka.

By mikeAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:27 AM

Gila punya UMNO sekarang ni. PRU13 nanti lingkup. Baru padan muka. Tak sedar diri,nanti makan diri sendiri. Paklah hancus & membawa kehancuran.

Tak ada orang boleh tegur kegilaannya. Pembangkang pun happy dgn perangnya. TUN perlu all out fight dlm isu2 sebegini. Hidup TUN

By weezardAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:35 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya cuma mahu menyuarakan pandangan.

Senario politik yang terjadi sekarang di Perak adalah amat memalukan apabila Umno seakan-akan terlalu terdesak untuk mengembalikan maruah parti. Rakyat terus dipermain-mainkan apabila isu lompat-melompat ini seolah-olah menghapuskan suara rakyat dalam memilih kerajaan yang memerintah. Apalah gunanya DEMOKRASI sekiranya Umno tanpa segan silu menanggung di air yang keruh tanpa mempedulikan pandangan rakyat dengan 'menggulingkan' kerajaan Pakatan Rakyat di Perak dengan cara yang amat MERAGUKAN. Tidak keterlaluan jika saya katakan Umno telah menggunakan politik yang terlalu kotor dan tidak bermaruah!

Tidakkah mereka sedar perbuatan mereka ini hanya menambah kebencian rakyat terhadap Umno dan BN. Biarpun segalanya bergantung kepada titah Tuanku Sultan Perak, namun sekiranya benar Umno dan BN percaya rakyat memberi mandat yang penuh kepada mereka untuk kembali memerintah Perak, kenapa tidak dijalankan sahaja Pilihanraya yang baru? Sekiranya BN berjaya memperolehi majoriti di dalam Pilihanraya tersebut, ia bukan sahaja dapat menutup mulut Pakatan Rakyat, tetapi juga

mengembalikan maruah mereka.

Umno, ingatlah. Ini zaman 2009. Bukan lagi zaman kolonial di mana rakyat mudah ditipu.

Wahai UMO, sedarkah anda? UMNO menuju ke arah kehancuran. UMNO semakin dibenci rakyat. UMNO sebuah parti yang tidak lagi bermaruah.

Semoga apa juga keputusan yang bakal diambil benar-benar memihak kepada RAKYAT!

Wasallam Tun.

By MatFizulAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:41 AM

Assalamualaikum Tun,

Teramat setuju dengna komen Tun.

PM and his bandwagons are too eager and desperate for a piece of victory after two major setback in Permatang Pauh and KT.

What if the courts found the MPs in question guilty?

Menang sorak tapi kampung yang tergadai nanti.

By Naufal LaksanaAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:04 AM

Apa yang penting kerajaan pemerintah Perak (kalau jadi BN memerintah) lebih ramai orang melayu, berbanding kerajaan pakatan rakyat yang lebih ramai kaum cina dari DAP. Apapun sewajarnya dua kursi DUN yang melibatkan kes rasuah di pertandingkan dalam pilihan raya kecil untuk melihat halatuju sokongan rakyat, bukan dengan cara membubarkan DUN seperti yang di lakukan oleh Pakatan Rakyat dan juga bukan dengan cara Barisan Nasional yang menerima ADUN yang terlibat dengan rasuah seks sebagai ADUN UMNO yang akan memberi gambaran kepada rakyat imej sebenar UMNO yang suka kepada RASUAH dan ADUN yang RASUAH..

By Prophet EzekielAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:08 AM

Salam untuk Tun dari Singapura

This is my fist time making a comment on my MOST favourite blog. I don't think my comments are worth that much vis-a-vis your thoughts on issues of the day.

Malaysian politics are so rivetting that I am now hooked especially since the last GE.

I remember the awe I had for you when you were the PM and still do till today. Malays in Malaysia take things (and you) for granted. What pisses me off is the crrent state of affairs, which are of their own doings. I yearn for you to make a come back and straighten UMNO up for the future of the Malays and Malaysia. I hope you have something up your sleeves. Bring them on !

I await from across the Causeway or should I say the bridge?

By Naufal LaksanaAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:09 AM

Lompat dalam atau keluar parti bukan amalan yang baik sebagai ahli politik, walau apapun hujahnya ia mencerminkan nilai akhlak dalam berprinsip yang tipis dan seperti 'berbohong' kepada rakyat yang mengundi dan memberi kepercayaan kepadanya, kalau ini menjadi budaya politik di malaysia, maka kita akan lihat pemimpin-pemimpin yang akan lahir adalah pemimpin yang mudah dijual beli dan yang tidak berprinsip..

By akeeAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:14 AM

this issue will definitely effect PRU13 to secure more loses for BN (this issue show us how good is BN in

buying ahli berhormat, how good they are in spending the 'rakyat' money in this kind of unproductive ways). first impression to me when i heard this news..straight away my instinct (common sense) tell me those lompat melompat is the dirty undignity 'lalang'. they are the type that is willing so sell their soul to devil.

i feel it is so unfair to the opposition party for just losing the whole perak state to BN just like that (by backdoor). i feel the perak people want to give opposition a try to run the state but now it seem so clear BN money could easily turn the table around just like that.

to me a simple fact i knew. usually if a BN ahli berhormat jump to opposition party we mostly presume he must be the genuine 'rakyat' fighter because normal human wont want to jump from gold filling pot into a copper filling pot...imagine the gold all over in BN, it rain gold in BN community not like the poor opposition party! whos gold was that? but if an opposition ahli berhormat join BN then there must be someting very unstable about them. this pepole first join & lead the opposition mainly because they do not like the BN corrupted style & certain other miss management by the BN leader but now they are willing to join BN even BN is getting into it worst (they havent improve anything, crime, even malaysia genuine or fake citizenship can be easily obtain by foreigner with money which made us seem so low class which can be easily avoided. can impliment IC renewal every year to coup up with the illegal immigrant problem? worst to worst)

a re election will be fair to the 'rakyat' coz most of us choose mostly by party not the individual.

by the way i would like to thank you for still leading us malaysian indirectly through your pen here & there (your speeches too). hope whatever truth/analysis you been telling will force it way to make malaysia a better place. only worst concern is if when you are no more here one day, i donno what will malaysia turn into. you are the only last hope to save BN (malaysia) from it black future. truth is always the truth, fake is always the fate, time will tell.

the day when you no more here then only malaysian will regret not listening & believing you, that i'm sure of.

...sorry for anything if i said wrong or sensitive that offended you...
By MAMZAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:25 AM

Salam Tun,

Nampaknya Pak Lah & Najib sama-sama dah desperado.

Tahun lepas ADUN Behrang dan Changkat Jering dikutuk oleh orang-orang UMNO dan BN kerana isu rasuah seks, dan kedua-duanya "mengaku" melakukannya (kalau ikut suratkhbar arus perdana).

Minggu lepas Pak Lah dan orang-orang UMNO dan BN kutuk Pakatan Rakyat secukup-cukupnya kerana hal Nasarudin lompat PKR nak percepatkan undang-undang halang lompat parti. Tetapi semalam Pak Lah berterima kasih "kerana lompat parti" sebab BN boleh "tubuh kerajaan". Apa daa.....cakap tak serupa bikin!!!

Dah la mungkir janji sebelum PRU12, isu rasuah UMNO belum habis lagi, lepas tu nak terima orang yang dituduh rasuah seks, keji betul politik UMNO sekarang! Saya yakin, kedua-dua ADUN Behrang dan Changkat Jering tu akan dilepaskan oleh mahkamah 10 Februari nanti.

Saya bukan ahli mana-mana parti politik sama seperti Y.A.Bhg Tun. Saya sokong sekiranya pilihanraya negeri diadakan semula dan biarkanlah rakyat Perak sendiri yang menentukan pilihan mereka.
By athankfulslaveAuthor Profile Page on February 5, 2009 6:01 AM

salam,

apa dah jadi dengan sistem demokrasi malaysia? suara rakyat dengan sewenang-wenangnya dinafikan

dengan cara berhijrah ke parti lawan. kalau beginilah keadaannya, proses pilihanraya sudah tidak relevan dan harus sahaja diganti dengan acara 'lompat-melompat'. sungguh menjijikkan.. orang-orang seperti inilah yang menajiskan wadah politik yang sepatutnya mulia.
By waiZAuthor Profile Page on February 5, 2009 6:01 AM

Salam Tun

Saya bersetuju benar dgn pendapat Tun tentang kesah lompat melompat parti dlm politik kacau bilau di Perak itu.

Jika BN membetuk kerajaanpun ia mengundang banyak masaalah..ini akan memberi kelebihan permainan politik parti lawan BN.

Jika saya jadi Pak Lah, saya tak tubuhkan kerajaan Perak serta merta. Biarkan Pakatan memerintah dengan 28 kerusi ADUN dan BN menjadi pembangkang dengan 28 kerusi ADUN dan 3 ahli bebas biar dijaga baik baik supaya tidak berpaling tadah, hingga selesai kes mahkamah 2 ADUN bebas itu.

Bagai mana pendapat Tun.

By R.Prem KumarAuthor Profile Page on February 5, 2009 6:45 AM

Respectable Tun, This is the same Najib you chose to be-in-waiting. See his track record? I dont belong to any political party. I have to say that I remember only too well what happened in Sabah as well. Now instead of preparing our country as a Finance Minister and Prime Minister in waiting to weather the economic chaos, he is going around doing such foolish acts. His actions also have placed His Royal Highness the Sultan of Perak in a quandry. On one hand the Sultan understands the constitutional crisis only too well with a hung state assembly and at the same time has to take into consideration the feelings of the citizens of Perak. Najib can act as the perimeters of the law allows him, but he cannot expect the citizens to keep quiet and just allow him to walk into Perak as a State BN chief and do as he pleases. The citizens know just too well how Tajol resigned and 'left'. You have made a just comment about the feelings of the citizens. The 2 ADUNs have yet to be tried in court. Of course, the case will be post poned.
By hatikristalAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:38 AM

salam yab tun,

everything is such a mess nowadays with umno, bn etc..i don't when its going to stop. all i know is i wont be voting for anybody until there's a clean up of all the dirty politicians who runs this country like its their own little playground and keep bullying everyone around. it's really sickening..
By hailtheekingAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:44 AM

It's a shame what happened in Perak. BN yang cukup lantang pasal lompat parti, tiba2 terima saja ADUN bermasalah ni semata2 nak tubuh kerajaan di Perak. Rakyat pula pandang serong cara mana tiba2 ADUN ni nak melompat. Politik,Politik- macam kata KU LI semalam udah-udahlah tu yob, ekonomi sedang masalah. Selesaikan tu dulu.

By professional malayAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:50 AM

Salam Tun,

KIni saya rasa perjuangan UMNO telah lari jauh dari asal yang penuh maruah dan harga diri. Najib begitu terdesak untuk membuktikan kewibawaannya dengan membeli empat kononnya pejuang rakyat yang kita tidak pernah tahu niat sebenarnya. Secara ringkasnya mereka ini begitu mudah untuk blackmail kerajaan dan mungkin pembangkang juga. Pemimpin2 UMNO perlu ingat bahawa rakyat bukan sebodoh itu untuk menilai pimpinan negara. Mereka percaya bahawa negara tidak boleh maju kedepan dengan pemimpin2 yang korupsi.....nampaknya UMNO punya harga semakin hari semakin menjunam.....dan semakin banyak duit rakyat dibazirkan hanya untuk kepentingan sekelompok yang berada di atas.
By adAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:50 AM

Sekarang ni nampak sangat rakyat diperbodohkan. Kalau dulu pelbagai kecaman dan kritikan

dilemparkan bila PKR berura-ura untuk mengambil alih pemerintahan dengan lompat-melompat. Tapi sekarang, semua itu menjadi amalan BN. Agaknya BN masih beranggapan rakyat lupa akan segala yang dikatakan pemimpinnya suatu ketika dulu. Ibarat meludah ke langit, sekarang muka sendiri yang terkena.

Siapa yang perlu kita sokong?

By mantobaAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:05 AM

TUN.

Berita yang menarik dari Perak. Sememang telah dilihat politik PKR di Perak sedang tenat sebelum ini. Kerajaan PKR di Perak memang nya rapuh dari mula di tubuhkan selepas PRU12 yang lalu.

Dan apa yang telah di jangka dan diramalkan oleh ramai penganalisa politik dan masyarakat kini telah pun terjadi.

Jika BN dapat menubuhkan kerajaan baru, bermakna negeri Perak bolihlah dianggap akan terselamat dari terus di 'jual' oleh kerajaan PKR.

Rakyat Perak diingatkan lebih berhati2 untuk memilih kerajaan dimasa hadapan.

Kerajaan PKR di Perak berbeza dengan di Selangor. MB dari PAS. Exco kanan dari DAP dan 3 exco dari Keadilan mana mungkin DS Nizar bolih mentadbir dengan baik.

Apa2 pun saya rasa bersyukur lah kerana negeri kelahiran saya tidak lagi ditadbir oleh kerajaan seperti itu. Hak2 dan kebajikan orang Melayu di remeh temeh dan diceroboh. Nyata parti DAP yang berkuasa penuh di Perak.

Namun BN dan UMNO tidak harus berasa lega dan yakin akan peralihan kerajaan ini satu kemenangan. Kuasa yang ada belum cukup mutlak. Hanya 3 kerusi sahaja membezakan. BN terutama UMNO mesti berusaha menunjukkan perubahan. Bukan dari segi mentadbir negeri. BN sememang ada pengalaman dalam menguruskan negeri dengan baik. Tapi yang lebih penting nya UMNO mesti dilihat terbaik dari aspek politik nya.

Kenapa YB Bota keluar dari Umno adalah kerana krisis kepimpinan dalam UMNO Perak. Dan kini mohon kembali pada UMNO kerana jelas setelah berlaku perubahan pucuk pimpinan di Perak.

Walau apa2 pun ini satu pertanda baik dan satu kemenangan moral DSNTN yang bakal memimpin UMNO dan negara. Sekalung TAHNIAH untuk DSNTN.

Pada Ahli2 UMNO bersama2lah menolak amalan RASUAH demi parti dan negara. Jauhi lah NAJIS RASUAH sebagaimana kita benci Najis dadah.

Kerajaan Selangor bila pulak nak berpindah tangan?

"Hai! nasib CAMRY bertukar tuan lah nampak nya."

By AnakMerdekaAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:06 AM

lompat si katak lompat..lompat lah tinggi tinggi...cepatlah adik cepat..cepatlah bangun gosok gigi.. dia org nie mcm katak laa, suka lompat2.. makan serangga, menda2 kotor.. ishhkk.. org macam nie ke nak masuk UMNO?? merosakkan nama UMNO ada la, lu pk2 lah sendiri..

By warisan melayuAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:14 AM

Salam Tun,

Betul kata Tun....haha...janganlah menerima ahli secara bult-bulat sahaja...fikirlah sedalam-dalamnya...huhu

By Ida AthanazirAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:17 AM

It was much more peaceful and organized when Tun was PM. Sayang all that Tun had worked so hard for crumbled in just couple of years.

By sitinurAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:27 AM

Salam bapak...

dollah contoh org yg ada degree takder intergriti akai n hati nurani...

same dgn adun bota.....

mungkin najib.....

suka no 10.....saya gelak tergolek golek.....

By UpholdJusticeAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:27 AM

For the sake of the country, Malaysians have to dump United Money-eater National Organization into a rubbish immediately.

By eagleAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:42 AM

Hari ni BN dah kembali kuasai Perak. Harap2 keadaan politik di sana kembali stabil selepas ini

By kraceAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:42 AM

Dear TUN,

Good day..For me you are the best leader of this country and nobody able to lead this country as u sir. But our current PM (ABDULLAH BADAWI) the worst ever leader this country produce to lead our nation. Tun IS MOST responsible on that also.

Long life TUN

By azlanAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:52 AM

Assalamualaikum tun,

Saya rasa akta perlu dibentuk untuk mengelakan Ahli Yang Berhormat lompat parti berlaku, sebab ini boleh menyebabkan rasuah berlaku. Manakala rakyat tidak dapat memilih wakil mereka kerana pilihan mereka boleh dibeli selepas pilihanraya.

By kphilahAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:54 AM

Ayahanda Tun,

Saw you on TV yesterday. You still look smashing. Every inch a Prime Minister. I am very glad you have stood up again to support us in this Economic turmoil. You always know what the country needs. Maklumlah, Doctor yang dah faham masalah pesakit!

I alway think that dalam 26 milliion manusia dalam Malaysia ni, seluruh rakyat Malaysia ni sentiasa beharap kat petunjuk ajaib dari Ayahanda.

Saya kesian kat Ayahanda, nak retire peacefully pun tak boleh.

Apasal lah pemimpin sekarang ni macam tak sekolah aja? Tak ada taring langsung. Tak berdaya nak ketengahkan idea masing masing. Kena hentam tak boleh defend themselves. Ayahanda pun selalu kena hentam tapi sentiasa emerge the winner. I believe thats because you alway truly believe in the things that you say. Sentiasa ikhlas. Yes thats the key. Sebab syaitan tak boleh lawan kalau seseorang tu ikhlas.

May Allah bless you & your family.

By azmiAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:56 AM

Assalamualaikum Tun,

Isu melompat ini walau pun tidak bemarkah sudah berlaku sejak azali lagi. Bukan perkara pelik bagi kita para pengundi. Bila sesebuah kerajaan menang dengan meyoriti tipis akan berlakulah tradisi lobi melobi ini untuk lompat. PR yang menang tipis cuba pancing ADUN BN dan begitu juga BN yang kalah tipis. Siapa cekap dia menang. Tambah-tambah yang kalah kukuh dari segi keuangannya. Macam-macam gula-gula boleh dihemburkan. Bagi orang yang berkhilatkan 'wang' ini lah masanya atau yang menghadapi masalah peribadi. Apa pun kedua-duanya tidak berprinsip. Politik kongklikong!

Dalam kes Kerajaan Perak, Najib telah mengheret Sultan Perak dalam kancang percaturan politiknya. YM Sultan tentang serba-salah sekarang diantara mahu membubarkan Dewan Negeri atau menerima BN sebagai kerajaan baru negeri Perak dimana ianya jika ditubuhkan akan menjadi 'nyawa-nyawa ikan' macam PR juga. Katakan dalam kes 2 ADUN yang bermasalah itu didapati salah dalam kes rasuah-sex mereka? Sekali lagi kerusi kedua-dua ADUN itu akan kosong. Atau saya amat bersetuju dengan Tun

kalau berlaku sebaliknya, reputasi Najib juga akan tercemar. Begitu juga dengan kerajaan Pak Lah.

Kalau YM mulia Sultan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dengan kuasa yang ada padanya adalah lebih baik kerajaan negeri itu di bubarkan. Selesai banyak masalah. Biar rakyat Perak menentukan sekali lagi kerajaan yang kukuh memerintah. Tetapi bolehkah YM Sultan berbuat demikian sementara pulak, Najib akan berjumpa YM Sultan hari ini. Tentulah pertimbangan Sultan akan menjadi agak kabur!

Walau bagaimana pun, pisau ditangan Sultan mentimun di tangan Sultan. Dia juga akan menentukan siapa yang layak memerintah negerinya.

Sekarang siapa kata Sultan tak ada kuasa kekebalan?

Najib, najib. Sudahlah kegawatan ekonomi belum selesai, dia asyik berpolitik hari demi hari. Kerajaan PR dirobek-robek macam beruk dapat bunga. Apa kah ianya pasti dapat memerintah kerajaan negeri Perak dengan tenang selepas ini? Itu pun kalau YM Sultan bersetuju.

Tun, adakah negara kita layak mendapat seorang perdana menteri sebegini pada bulan mac ini?

Jangan pula Tun dijadikan 'kambing hitam' masa pemerintahannya kelak. Na'auzubillah binzalik. Saya berharap tak gitu.

Salam..

Salam..

By kamal ahmad Author Profile Page on February 5, 2009 9:00 AM

Salam Ayahanda Tun.

Bekas Ahli parlimen ditempat saya dulu, yang juga bekas timbalan menteri, surau cuma 500m dari istana dia, tapi tak pernah datang pun bertanya khabar kat jemaah di situ, dah tu calon ADUN dlm PR lepas letak anak menakan yg kami org kampung semua tau yg dia ni samseng kampung. tahun 2004 dia menang dengan 64 undi je, tapi th 2008 dia kalah dengan 2000 lebih undi, menang 64 undi tu pun masih tak insaf, memang patut kami reject dia habis habisan, tapi dia dah kaya pun.

Cukuplah, jangan lagi digoda pengundi sekarang dengan ayat "undilah parti, bukan calon" kami tak nak lagi YB kami terdiri dari kucing siam, beruk, tunggul kayu dll, dulu boleh la, sekarang kita tengok siapa dia dan apa yang dia boleh buat.

Tun, org kampung macam kami tak harapkan pembangunan hebat dikampung kami, tak perlu ada highway atau bangunan tinggi, kami cuma harapkan kemudahan asas yang baik, wakil rakyat yang mesra rakyat dan aktiviti ekonomi yang segar.

Akhir kata, semoga YB BN sedar diri, jangan pandang rakyat ni kecil sangat, kami kat kampung tak rugi pun walau sesiapa yg memerintah, hidup kami tetap macam tu jugak, yg jadi pegerusi JKKK yg kenyang, bantuan kerajaan semua sapu sendiri.

Salam Hormat

By ATShaariAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:08 PM

Salam Tun:

If this the politic that are being played by UMNO, what I can promise is, me and 18 more of my family members (that does not include close friends) are not going to vote for UMNO/BN in the next general election.

UMNO should embark for changes and to be a more people friendly and trustworthy political party, especially after the PRU12. But instead, they are distancing themselves further away from the 'rakyat' and the new generation of voters with this kind of action.

Reaction from the masses are now - hatred for UMNO, further hatred.

WE are not so much in favor of the opposition, especially their 'numero uno', but for now opposition is not our first choice, but UMNO/BN will be our last choice.

By ibrahimAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:14 PM

Assalamualaikum Tun,

UMNO sedang disalahguna oleh pemimpin-pemimpin semasa untuk mengaut sebanyak mana wang yang boleh. Ini adalah kenyataan yang tidak dapat lagi dikaburi dari mata rakyat. Yang ketara berlaku dibahagian pemimpin pertengahan dan bawahan yang berhubung secara langsung dengan ahli biasa.

Saya sangat bangga menjadi ahli UMNO, satu ketika dahulu. Saya aktif menyokong setiap gerakan parti sebagai pemasang poster dan bendera tanpa bayaran, makan minum tu adalah. Pada saya UMNO

adalah perjuangan dengan pemimpin berada di barisan hadapan. Pemimpin yang berkorban lebih, ahli biasa menyokong. Kalau pemimpin dapat ganjaran atau keistimewaan lebih, itu adalah berpatutan. Terdapat juga amalan 'rasuah' dan politik wang ketika itu, tapi tumpuan pemimpin masih jelas untuk kestabilan negara dan bangsa termasuklah agama. Keputusan pemimpin sentiasa meletakkan keutamaan itu, sekurangnya itu yang saya nampak.

Sekarang ini kebanyakan pemimpin UMNO peringkat pertengahan secara terang-terangan mempunyai sifat rakus pada kuasa dan wang tanpa mempunyai sebarang wawasan untuk politik negara. Pemimpin atasan mungkin boleh menggunakan media dan forum untuk membela kesilapan dan salah laku mereka tapi ahli biasa UMNO tidak dapat ditipu berpanjangan.

Ahli-ahli biasa yang semakin muak dengan kerakusan, ketidakperhatian, dan lain-lain ketidakendahan akan suatu masa menjatuhkan UMNO. Sedihnya sekiranya satu-satunya kumpulan yang dulunya begitu berjasa kepada negara akan jatuh dikaki penyokong sendiri... Hanya ahli UMNO yang dapat menyelamatkan UMNO dengan menolak mereka yang merosakkannya.

Salam untuk semua

By cicit awang daikAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:20 PM

Assalamualaikum dan selamat tengahari Tun kesayangan,

Adalah suatu kewajaran sekiranya perkara ini berlaku. (isu lompat-melompat ini).

Umpama orang hidup bersedu. Dan sememangnya manusia terutamanya lelaki memang begini.

Dan malangnya lelaki-lelaki ini ahli politik pula.

PKR yang memilih mereka, pengundi yang memilih mereka, kenapa pula UMNO nak dipersalahkan? Nampak sangat mereka kemaruk nak menang dan buta nak pilih calon.

Saya harap jangan pula ahli-ahli politik wanita sekarang cuba-cuba pula nak melompat. Salah-salah melompat, kain pula yang tersingkap.

By chesumAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:26 PM

salam tun yang tersayang,

manusia berubah dan memanglah teruk.. terima orang yang menganggap rausah SEKS tu sedekah.. but gives both of these men chances, maybe dia dah bertaubat.. dan mahu buat yang baik... semua kat atas tu pun bukan nya baik sangat tapi .. apa salahnya kita bagi peluang pada yang ingin membuat kebaikan.

DARIPADA 999 tahun tanah digadai pada yang bukan hak.. dan mengkuar kacirkan negeri...

lets take these as iktibar.. yang baru dapat kuasa seperti kaduk naik junjung itulah akibatnya.. melawan SULTAN, tak hormat SULTAN.. dan macam2 lagi yang mengecilkan hati nurani orang melayu.

I hope i tak salah ALLAH pun maafkan insan kalau kita bertaubat dengan sungguh2.. insyaallah.. cuma BN perlu sedar lah jangan lah pilih menteri besar kroni atau half baked buat malu je..

may ALLAH selamat kan bumi yang dipenuhi dengan ahlul bait ini.. dari keturunan yang baik2...

love you tun always..

By Rosli HanipAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:34 PM

Tun,

Kita patut tarbiah semula pemimpin negara kita supaya

kembali kepada Sunnah Nabi s.a.w.

Petunjuk Allah dan Hidayah Allah sahaja yang dapat mengembalikan kredibiliti pemimpin Melayu khususnya orang Islam dewasa ini.

Pemimpin sebegini sudah tidak relevan di zaman serba mencabar ini. Mereka yang suka melompat tak perlu kita dokong lagi. Kalau nak dokong mereka akan lompat lagi akhirnya!

Tun, sama-samalah kita berdoa agar Allah swt limpah rahmatNya dan hidayahNya kepada seluruh pemimpin-pemimpin yang ada masakini supaya kembali kepada Allah swt dengan mencontohi jalan yang ditunjukkan oleh Rasullullah s.a.w.

Tak kita pemimpin dari parti mana, kembali kepada Allah swt dengan menuruti Sunnah Nabi s.a.w. insyaAllah akan mendapat keberkatan untuk memimpin negara ini.

Kepada negeri Perak, cara terbaik untuk keluar dari kemelut lompat ini, bubarkan DUN Negeri dan adakan pilihanraya sekali lagi. Biarkan rakyat Perak memilih pemimpin mereka semula. Kuasa rakyat amat penting untuk kestabilan negara.

Waallahua'lam.

By Mohd SivaKumarAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:36 PM

The perak State Assembly should be dissolved and pave way for another fresh mandate. The current switching from one to another is very irresponsible and childish.

The prime minister in waiting is so desperate to capture the state in any form without taking the People's mandate into considerations. Are We Really ready to pick a MORON like him to lead us in next three months time.

Oh barisan, What happen to all of you and so Desperado, I think they fear (Barisan) of another BLOW, If the assembly is dissolved and go for another elections. Prove you are a Gentleman and can win at anytime and wrest power from the oppositions.

By Azhar85Author Profile Page on February 5, 2009 12:41 PM

untuk pengetahuan anda semua bloggers...

Ya.. inilah politik malaysia... dan ini jugalah senario politik yg berada di mana sahaja anda berada... Semua tempat sama cuma konsep berbeza...

Jadi get used to the political environment... xde politik yg perfect dan utopia di dunia ni... kalau nak utopia buat kerajaan anda sendiri.. kalau anda mampu buat... itupun xkan ada utopia... utopia hanya ada di syurga Allah S.W.T.. bukan di dunia yang fana ini...

Sekian, salam sejahtera buat Tun sekeluarga.. jasa Tun amat saya kenang dan hormati...

By RAAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:42 PM

Salam hormat Tun,

Memang benar seperti pendapat Tun itu. UMNO seperti sudah terdesak menerima kedua-dua ADUN PKR Perak yang bermasalah untuk menyokong Barisan Nasional di Perak. Masalah tuduhan rasuah seks kedua-dua ADUN berkenaan masih dalam proses penghakiman (masih belum dibuktikan melalui perundangan yang sah). Jadinya mereka (ADUN berkenaan) masih sah sebagai wakil rakyat di negeri

Perak. Tun berpengalaman begitu luas dalam politik di Malaysia dan telah mengalami beberapa insiden yang di luar jangkaan semasa menerajui UMNO dan barisan Nasional. Tun juga telah dengan begitu cemerlang berjaya menyelesaikan semua masalah politik yang kadangkala dilihat cara penyelesaiannya tidak dapat dijangka oleh pihak lawan. Ini kelebihan anugerah Allah SWT kepada Tun.

Dalam kemelut politik apa juga boleh berlaku. Pakatan Rakyat di Perak pemerintahannya memang bercelaru. Menteri Besar hanya dilihat sebagai boneka sahaja kerana suara majoriti adalah suara dari ADUN DAP/EXCO DAP. Ini semua rakyat tahu. Dengan demikian tindakan Menteri Besarnya memang berat sebelah dan jauh dari mementingkan keadilan untuk semua golongan rakyat/atau penyokong Pakatan Rakyat.

Bagi saya apapun keburukan atau kelemahan yang kita nampak dengan menerima sokongan wakil rakyat/kedua ADUN bermasalah dari PKR berkenaan mungkin ada hikmah kebaikannya. Begitu juga dengan menerima sokongan ADUN DAP berkenaan. Tidak semua yang buruk itu akan menjadi buruk selamanya dan tidak semua yang baik itu akan menjadi baik selamanya, dan yang penting kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional harus lebih berhati-hati mengendalikan kepimpinan di Perak setelah berjaya berkuasa semula dengan izin Allah SWT.

Sekian, salam bahagia Tun. Wassalam.

By whybee bangi 2Author Profile Page on February 5, 2009 12:47 PM

Salam Tun Yang Di Hormati,

1) Saya percaya Tun akan mengambil langkah yang berbeza dibandingkan apa yang sedang berlaku di Perak hari ini.

2) Sememangnya betul BN atau PKR pasti mahu menjadi kerajaan negeri namun cara PakLah macam desperate sangat dan banyak andaian negatif boleh dibuat.

3) Sekiranya benar Dewan Undangan Negeri Perak di bubarkan dan diadakan pilihanraya, BN pasti tewas.

4) Cara BN sekarang membuat rakyat meluat, cara PONDAN.....
WARIA..... WANITA TAPI PERIA!

Wassalam

By stkhadijahAuthor Profile Page on February 5, 2009 12:56 PM

Salam Tun,
ada pro & con juga lah...

1. it's good for BN jadi BN blh take over Perak tapi x bagus nya mcm yg Tun ckp, kalau mereka ni didapati xbersalah selepas join BN, for sure akan ada negative thinking dari pihak luar.

2. elok juga untuk PKR yang selama ni bercakap terlalu angkuh seperti tin kosong sama seperti presidennya.

3. Ahli dari Umno ke PKR dan kini ingin masuk ke UMNO semula, bagi say, xpayah terima dia tu. once dah jadi traitor, ada kemungkina untuk mengkhianati lagi.. begitu juga ahli pkr, kalau tiba-tiba diorang boleh join umno, x mustahil diorang blh join pkr semula.

4. MB Perak pun banyak sangat kontroversi sama macam MB selangor. diorang ingat diorang siapa?

5. bagi saya, orang yang suka melompat-lompat parti ni seorang pengkhianat dan hidup penuh kepura-puraan seperti lalang. senang sama-sama, susah x mau sama-sama. peliklah, orang macam ni dipilih oleh penduduk sekitar.

sama-samalah kita tunggu dan lihat dengan drama politik yang tak pernah sunyi dan habis ni....

salam Tun... Semoga sihat selalu dan may Allah always bless you... (" ,)

By pakpandir08Author Profile Page on February 5, 2009 12:57 PM

Jamu selera dengan kuih ketupat,
sambil ku memancing ikan sepat.
Ahli politik suka melompat-lompat,
siapa cepat dia dapat.

YB Bota lagi hebat,
gagah macam hang jebat.
Sebulan 2 kali dia melompat,
muka tembok macam penebat.
By wewantAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:09 PM

Salam Tun,

Sememangnya mereka ini jelas makan suap..
secara terang-terangan mahu membelakangkan rakyat..
senang-senang je nak tukar kerajaan.. ingat..
rakyat lah yang memilih wakil rakyat mereka..

nampak sangat kerajaan kini mengamalkan rasuah..

begini ka bakal PM kita..
bakal kerajaan yang hendak kita pilih..
habis la tergadai negara,..
By ismailAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:11 PM

The Sultan of Perak should call up and have a quiet word with the 4 wakil rakyat who are pivotal to the whole issue. I believe that the four ADUNS however "questionable" their character, will not openly lie or not listen to the advice of the Sultan.

The nice way out is for the 4 to resign and a by election called for the 4 DUNs. BN must have the four as their candidates...and let the people decide.

Simple solution to a frustrating issue

By ENCIK NASIRAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:12 PM

Tender for the bidding of Perak Government is now open at...

<http://nasirudinjud.blogspot.com/2009/02/tender-untuk-perolehan-pemerintahan.html>
By mantobaAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:14 PM

Tun.

Walau apa pun alasan setengah blogger disini yang tidak mewajarkan BN/UMNO mengambil alih kuasa kerajaan di Perak secara ini, saya sebagai anak Perak jati tetap menyokong BN/UMNO demi menyelamatkan negeri Perak terus di mamah oleh DAP/PKR.

Rakyat Perak terutama masyarakat melayu lebih terasa akan tidak seimbangny kuasa, hak dan layanan diantara kaum.

Malah ramai masyarakat Perak telah berasa kesal kerana memberi kemenangan pada PKR pada PRU yang lalu.

Walaupun MB nya dari PAS dan bangsa Melayu tapi tidak dapat berbuat apa2 pun untuk kebajikan atau pembagunan kaum beliau sendiri.

Orang2 melayu di Perak dianak tirikan. Rakyat Perak telah pun belajar dari kesilapan ini.

Tapi diharap UMNO/BN mesti lah juga belajar dari melakukan kesilapan yang sama jika tidak mahu gagal dalam PRU yang akan datang.

Mahu tak mahu, suka tak suka, UMNO dan BN dibawah DS Najib perlu melakukan perubahan yang drastik. Mana2 pemimpin yang rasuah dan hanya pentingkan duit dan diri sendiri mesti di ketepikan.

Tidak ada lagi ADUN atau Pemimpin tertinggi parti yang sombong atau bersikap samseng.

Tok Ajib tak perlu takut atau gentar pada ugutan mana2 pehak demi kebenaran dan kebersehan parti

UMNO. Satu pergi sepuluh bolih mari.

Maseh ada ramai ahli UNNO yang jujur dan ikhlas yang sanggup memikul tanggung jawab.

Tapi yang saya nampak pemimpin UMNO dari peringkat bahagian hingga lah pusat yang ada sekarang ni hampir 90%korup. Kalau bolih buat lah OP CUCI. untuk membersehhkan UMNO sebelum PRU 13.

Usah lah terpedaya dengan gaya keterampilan induvidu atau petah bahasa nya, belum tentu jujur atau cakap serupa bikin.

Biar nampak tak handsom ,low profil , tak banyak cakap tapi siap bersedia bekerja.

Apa2 pun Selamat Berjaya BN/UMNO Perak.

Ipoh mali lol!

By namlAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:23 PM

Assalamualaikum Tun...

Pemimpin UMNO dalam meraba-raba & tercari2 apakah publisiti yang terbaik untuk didendangkan kepada rakyat m'sia yang rata-ratanya bodoh dan tuli ini telah pun di kurniakan peristiwa yang sangat-sangat menggembirakan pemimpin2 nya..

Peristiwa ini bagaikan rahmat tidak terhingga ertinya oleh pemimpin parti UMNO.

Dengan ini sedikit luka yang ada pada parti dapatlah dipulihkan dengan senang hati.

Diharap rakyat dapat menerima kembali UMNO pada PRU 13 nanti dan isu rasuah tidak diheboh lagi.

Pemimpin UMNO sekarang bekerja kuat, buktinya..., 2 adun parti pembangkang(yang bermasalah dgn tuduhan rasuah sex) berjaya di tarik dan menyokong UMNO.

Dengan ini UMNO berjaya menambah sokongan golongan RASUAH!!!

SYABAS UMNO DAN KEPIMPINANNYA!!

By sizzer33Author Profile Page on February 5, 2009 1:25 PM

Salam Tun,

I have greater admiration for you after this article. I believe the Rakyat, not just Pakatan but Barisan Nasional wants clean government. Government who answers to the public and can't just do whatever they want. With whats going in Perak, i have less confidence for both Pakatan and Barisan. It seems like both are just money hungry. In fact they should just leave the government as it is and work together. Malaysian politics is definitely down the drain now.

By ezaniAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:39 PM

Salam Tun

Saya bersetuju benar dengan tulisan Tun kali ini dan saya berpuashati Tun dapat memahami keadaan UMNO pada masa sekarang. Tambahan kepada point-point tentang kelemahan UMNO yg Tun telah senaraikan, saya ingin menambah satu lagi : iaitu saya lihat banyak pemimpin pertengahan UMNO (middle to low level) meletakkan kepentingan material daripada tulus ikhlas berkhidmat untuk rakyat.

Pemahaman Tun dari segi defeksi yg berlaku ini juga cukup matang dan berprinsip. Sekarang nampak, Najib beria-ia untuk membina state government "at all costs" walaupun character pelompat-pelompat ini masih dalam tanda tanya.

Pada pendapat saya, biarlah DSAI sahaja yang menjuarakan sikap lompat melompat ini (seperti dilakukan dengan begitu efektif untuk menjatuhkan Pairin Kitingan), lebih baik UMNO jangan main

permainan maut ini. Sebabnya jelas. Mana rakyat mahu ahli-ahli pemimpin negeri dan kerajaan negeri dilantik dan didirikan menggunakan taktik kotor. Olehkerana kedua-dua parti (BN dan BA) sudah berbuat begini di Perak, maka kedua-duanya sama-sama kotor. Saya berpendapat jikalau Tun masih PM, Tun akan menolak dan menunggu keputusan mahkamah jadi reputasi dan integrasi BN tidak terjejas. Saya suka kerajaan yang berpendirian tegas macam ini walaupun ia bermakna Perak masih di tangan BA.

Tak tahulah apa nak jadi...nampaknya prinsip-prinsip moral BN sudah terjejas dan saya pun sudah muak dengan kedua-dua BN dan BA.

Yang kena menanggung risiko yang tertinggi bagi taktik kotor kedua-dua parti ini ialah Sultan Azlan Shah. Kesian dia...terpaksa membuat keputusan dan menjaga maruah dan mertabat Kesultanan Melayu. Tapi keputusan yang terbaik sangat jelas : bubarkan kerajaan negeri dan adakan pilihanraya yang baru secepat mungkin. Tetapi apa akan jadi jikalau perkara ini berlaku lagi selepas itu ? Hai...saya pun bingung.

ezanih

By PSAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:41 PM

Dearest Tun

We are really sick here. I was part of the big community voted for Hee Yit Foong and now feeling guilty and shameful for what she's done. we did not vote for her but rather for the opposition party.

It's pretty obvious that the moment Najib takeover Perak UMNO, big drama unfolds. He buy back and buy from others for the sake of his name tho it's pretty clear that the two men are accused of corruption. what would ppl think of UMNO? more corruption yea?

sorry, feeling really upset about what's going on. we are in a very uncertain state now. We Perakians want to re-vote. Let us speak again.

Thank you Tun.

Forever your supporter from Ipoh, Perak ;)

By miak sarawakAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:44 PM

Salam Tun,

Usaha DSNTR untuk membetulkan keGAGALan DSAAB, sedikit membuah hasil. Tapi DSNTR bukan "Superman"... banyak lagi kerja-kerja BERAT lain sedang menunggu.

KEPADA SEMUA PEMIMPIN PR:

"TAHNIAH KERANA MEMPUNYAI ADUN YANG MUDAH DIADUN"

WASALAM

By Harimau1900Author Profile Page on February 5, 2009 1:51 PM

Dear YAB Tun,

How are you sir? Just would like to congratulate BN for the job well done here...

BRAVO BN & UMNO...

***** BATU PUTIH terlepas ke tangan Singapura NO PROBLEM *****

**** Sebagai ganti BN/UMNO dapat PERAK ****

Bravo for a job well done.....RASUAH LAGI BN/UMNO boleh dapat balik SELANGOR, KEDAH, PENANG dan KELANTAN pun boleh...

Tapi BN perlu ingat nanti PRU13 jangan harap kamu akan kembali!!!!

Terima Kasih.

By lampu basikalAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:52 PM

Assalamualaikum Tun,

Dengan ada -nya episod "lompat si katak lompat" ini yang saya terpenggil ialah satu sahaja rumusan nya, anwar ibrahim merancang nya berlaku dan najib menyempurnakan nya berlaku lah peristiwa lompat sikatak lompat. Nampak nya bagi anwar ibrahim senjata dah makan tuan..... Akhir kalam "Hidup Tun Dr Mahathir dan semoga diberkati Allah sentiasa". Aminnnn ya roballamin .

By lipanAuthor Profile Page on February 5, 2009 1:58 PM

memang tak beretika depa ni. lompat pi lompat mai, sebijiik macam katak/monyet. silap haribulan lompat bawah tayar, mati kering yg dapatnya. tapi walau mati kering/basah tetap ada 'pemungutnya'?

By chiatdetAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:03 PM

Konichiwa TUN.

Kalau saya jadi mereka saya akan lompat juga.

Jadi PR:

Berbasikal kena reman polis.

Menyertai pot-luck kena halau.

Berkumpul ramai-ramai ada risiko kena ISA.

Minum kopi kena tuduhan rasuah.

Bergembira dalam bilik kena tuduhan rasuah seks.

Susahlah...

Kalau lompat,

Berbasikal ada konvoi polis dengan VVIP buat opening ceremony.

Menyertai pot-luck ada hotel bagi free Grand Ballroom.

Berkumpul ramai-ramai dinampakkan sebagai pejuang bangsa dan agama.

Minum kopi (oops.... minum wine mahal) tak jadi masalah langsung.

Bergembira dalam bilik adalah perkara biasa... lepas tu boleh guna C-empat

Paling bagus, mungkin Bank Switzerland telefon dan dapat akaun free dengan RM50juta dalamnye Senaglah....

Siapa tak nak lompat

By ENCIK NASIRAAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:07 PM

Tender terbuka untuk ambil alih kerajaan Negeri Perak. Dapatkan dokumen tender di.....

<http://nasirudinjud.blogspot.com/2009/02/tender-untuk-perolehan-pemerintahan.html>

By CarlosAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:16 PM

Assalamualaikum ayahanda Tun Dr. Mahathir,

Diharapkan apa yang akan saya tulis ini, dapat dibaca dan difahami dengan hati yang terbuka, fikiran yang bijaksana dan akal yang sempurna.

ISU PENGAJARAN SUBJEK MATEMATIK DAN SAINS DI DALAM BAHASA INGGERIS

Saya lihat isu ini telah sengaja ditimbulkan oleh golongan yang kurang bijaksana, tetapi lebih kepada sentimen.

Saya lihat terdapat golongan yang cuba untuk menutup dan melupakan segala hasil usaha atau sebarang tinggalan idea-idea atau buah fikiran yang dicetuskan oleh ayahanda Tun Dr. Mahathir, walaupun umum mengetahui bahawa perkara tersebut (hasil idea Tun Mahathir) adalah sungguh bijaksana.

Maka, golongan ini telah menggunakan alasan memperjuangkan bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu.

Saya lihat, semasa pemerintahan ayahanda Tun, semua kenderaan keluaran tempatan dinamakan dengan perkataan Bahasa Melayu, seperti Kancil, Kenari, Rusa, Kelisa dan sebagainya. Tapi, apa yang berlaku sekarang, nama-nama itu (perkataan Bahasa Melayu) sudah hampir hilang, sebaliknya digantikan dengan nama-nama yang bukan Bahasa Melayu.

Jadi kesimpulannya, dakwaan yang mengatakan ayahanda Tun tidak mencintakan bahasa kebangsaan adalah TIDAK BENAR!

Bagi saya, Alhamdulillah, Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah pilih ayahanda Tun untuk memerintah Malaysia yang tercinta, supaya ummat Islam di seluruh dunia, khususnya Malaysia tahu dan dapat kenal serta tahu membezakan antara kaca dan permata.

ISU KEJUJURAN ORANG MELAYU

Ini ialah isu sensitif, tapi saya tetap ingin katakan yang ramai orang Melayu hari ini yang meletakkan diri di dalam dunia politik, bukanlah jujur untuk memperjuangkan hak-hak orang Melayu, tetapi hanyalah untuk kepentingan peribadi (syarikat keluarga, perniagaan sendiri dan sebagainya).

Jadi, saya fikir, untuk mencalonkan satu orang untuk menjadi wakil rakyat (untuk bertanding), sepatutnya dan seharusnya mendapat persetujuan daripada ramai orang dahulu, pastikan calon yang betul, pastikan calon yang beragama, pastikan calon yang jujur dan bukan orang yang 'jahat'.

Semoga Allah beri hidayah dan bantuan untuk ummat Islam seluruh dunia, khususnya Malaysia.

Aamiin Ya Allah, Aamiin Ya Allah.....

By CintaNegaraKuAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:22 PM

Together For 1 Nation, 1 Malaysia as 1 United Bangsa Malaysia

Najib Should Stop Illegal Power Grab and MPs should Serve The Rakyat

5 February 2009

To Tun and All Malaysians,

SAD But TRUE for MALAYSIA.

BN/PR = RAKYATs LOOSERS when our MPs/ADUNs are NOT ISSUES CENTERED for THE RAKYATs.

It is a Good Wake Up call for THE RAKYATs and WANNABEE LEADERS/Yang Berkhidmat and NOT YANG BERHORMATs that Together for 1 Nation, 1 Malaysia and 1 United Bangsa Malaysia requires CHANGE for THE BETTER and NOT JUST CHANGE. Malaysia must be prepared to be ISSUES CENTRED beyond race/language/religion/gender/political affiliations/self gratification/self proclaimed supremacy over fellow human race and most of all self denials etc. for the BENEFITs of THE RAKYATs and MALAYSIA.

Whatever the decision of The Sultan of Perak, all Malaysians should rally behind THE RAKYATs = King Maker = ISSUES CENTERED LEADERS = BRIGHTER FUTURE for MALAYSIA.

Where is our Leaders from BN/PR/Senior Retired Leaders with COURAGE for CHANGE to CREATE NEW VALUE to be the 3rd Force to rally for THE RAKYATs and MALAYSIA to reject all fogies and jumpers because we are Together as 1 Nation, 1 Malaysia and 1 United Bangsa Malaysia.

THE RAKYATs = WINNERS = KINGMAKER for MALAYSIA.

By the way Malaysians Condominium (MCs) issues are still not resolved for THE RAKYATs by any YBs and JMB is under Mr Minority with Paki/Bangla/Turki as king maker and overlord over legitimate RAKYATs.

Thank you.

Together For 1 Nation, 1 Malaysia as 1 United Bangsa Malaysia
By HasMas7274Author Profile Page on February 5, 2009 2:29 PM

Assalamualaikum semua,

Saya ni orang Perak, jadi sebenarnya saya amat suka apabila BN memerintah negeri saya kembali. Memang lompat- melompat ni agak tidak "ethical" tapi, fikirkan secara positif dan hikmat di sebalik semua ini.

Majoriti yang menang kat negeri Perak adalah DAP dan Nizar dilantik kerana peraturan telah menyatakan orang Melayu sahaja yang berhak menjadi MB. Sultan Perak adalah Sultan yang berdaulat dan sangat disegani rakyat negeri PERak, jika dibandingkan dengan 3 orang calon dulu, tentulah dia telah memilih Nizar yang berkelulusan tinggi dan mempunyai personaliti.

Namun, beliau dikelilingi oleh orang2 DAP.. jadi secara positifnya kita perlu melihat, BN kembali semula ke Perak untuk kepentingan bangsa Melayu, anak melayu di Perak. Tidak lah kami semua ni terkontang-kanting dan rasa ditindas...

We must think the positive side of it, memang saya tidak setuju dengan acara lompat melaompat ni, tapi bila difikirkan semula, ia adalah untuk kepentingan orang Melayu di negeri saya...
By malan3395Author Profile Page on February 5, 2009 2:29 PM

Halo gang..,

Sy rs tk pyh buat Pilihanraya kt Perak. Tukar je kepimpinan. Tgh gawat ni patutnya kwal skit perbelanjaan. Klau buat gak prah, selain ekonomi gawat la ni, Umno nk buat pemilihan Mac nanti. Sy dpt rs klau ada pilihanraya di Perak PLah akan guna strategi ni utk extend lg khidmat beliau sbg PM. Najib mmg tersepit skrg. Last2 nanti dh hrs botak kpl bru Najib jd PM. Bru PM kta mcm Stone Cold.
By panAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:38 PM

Dear Tun,

I don;t think they truly want to join the Barisan Nasional. In fact, they may be threatened by higher level to leave the Pakatan Rakyat. Or In fact, rakyat begin to think that it could be influential people (Namely...well I am not going say it) kidnapped these assemblymen and forced them to leave Pakatan Rakyat. I also heard the rumours that akyat beginning to lost confidence in Barisan Nasional as they used this method to threaten assemblymen.

I do hope these rumours is not true..Or else....in the next general election..

Henry

By FSALAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:38 PM

YABhg Tun,

Pada hari ini, saya malu untuk mengaku menjadi rakyat Malaysia. BN rupa-rupanya masih belum belajar daripada kesilapan masa lampau.

Sekiranya BN fikir ia berjaya menawan kembali Perak melalui taktik desperado ini, saya rasa mereka tersilap. Hari ini akan dikenang sebagai hari jatuhnya maruah BN sebagai parti pemerintah dan seterusnya kejatuhan BN/ UMNO.

Saya sedih.

By krishnan john mAuthor Profile Page on February 5, 2009 2:41 PM

Dear TUN,

please do something before the world laughs at us; Najib is not smart like you.

By adam11600Author Profile Page on February 5, 2009 2:52 PM

Hi Tun

I was at the cinema watching Red Cliff 2 while all this "Perak" saga unfolds. I would suggest the whole Malaysian cabinet and MPs watch both movies and take a quiz after that.

Do we want a country like the 3 Kingdoms? Or actually we want one like that and we are working hard to get achieve the vision of having a chaotic country?

The scene of at the movie Admiral Zhao who won the Red Cliff battle said "at the end everybody loses" when he see the Princess crying over the death of her friend. Does all these political bickering and alliances benefit the Malaysian rakyat? Certainly not. Instead of concentrating on the difficult economy, the rakyat and the officials are concentrating on this soap opera.

Tun, you did a good job unifying the country during the days of the currency crisis. I am sad that a sequel of that success may not appear this time around.

I would suggest if our officials cannot do peace, they should sit back and watch the following DVDs - Red Cliff 1&2, The Soong Sisters or even Ip Man. Maybe history could teach them a thing or two or how to govern a country. Or we face the danger of Vision 2020 falling off a cliff.

By ismailAuthor Profile Page on February 5, 2009 3:01 PM

Tun,

I know no one in power in BN read blogs ,what more peruse the comments.

If anyone would take the trouble to read through the various blogs and the comments/feedback on the blogs,they would be able to feel the animosity against UMNO for their action in Perak.And,the more damning thing is that the rakyat feels hopeless and helpless ;with the leadership perceived to be power crazy,arrogant and so out of touch with the needs of the rakyat.

Bloggers and those who read/comment is in no way representative of the rakyat but neither are those guys strategising for UMNO and PKR.

But right now the rakyat is certainly concerned that there's too much political gamesmanship and too little focused management of the country.

Honestly,if I am an UMNO leader,the feedbacks from the blogs will be causing me endless nightmares.

By hanizaAuthor Profile Page on February 5, 2009 3:08 PM

Assalamualaikum Tun dan keluarga,

Pada mulanya saya hairan juga kenapa pak lah dan najib mudah sungguh menerima mereka. Yang terang2 dituduh mengamalkan rasuah. Kenapa hendak di bawa lumpur lagi masuk ke dalam BN? Terdesak betul nampaknya. Betul kata pepatah, tiada dapat rotan, akar pun jadilah. Tapi masalahnya ini bukan akar tetapi ranting kayu yang mereput jatuh ke bumi.

Yang sorang lagi melompat ke sana sini apa cerita? Begitu mudah mereka menggadai amanah dan undi yang diberi kepada mereka. Kita tak mahu dan kita tolak pemimpin macam ini. Mementingkan diri sendiri lebih dulu daripada kepentingan rakyat yang diwakilinya. Majoriti pengundi mengundi atas dasar kepartian, bukan atas sebab individu.

Kepada Pak Lah dan Najib yang makin hari makin rabun, tolonglah, gosokkan mata, celikkan hati, apa orang begini yg bersifat tidak amanah dan munafik hendak diterima masuk? Tak guna berpaut pada dahan yang reput dan membusuk. Menyusahkan saja.

By afazAuthor Profile Page on February 5, 2009 3:14 PM

Ape akan jadi kepade TOYOTA CAMRY kebanggaan pembangkang

By sinaAuthor Profile Page on February 5, 2009 3:57 PM

Allhamdullilah,

Perak kembali pada BN atas kebijaksanaan DYAM Sultan Perak yang mana dapat membezakan yang salah dan yang banyak salah..

Dua-dua ada salah tetapi makin bercelaru dibawah bekas exco.

Mohon Tun pertimbangkan bila masa yang sesuai untuk masuk UMNO, tapi semestinya bukan sekarang dan bukan seawal Najib menjadi PM.

MOhon Tun perbetulkan apa2 kelemahan dan memberi peringatan dari dalam.

Al tengah nak mengganas.

Malaysia masih perlukan Tun dan hanya 1 gabungan parti yang boleh diperbetulkan, kerana ideologi Parti yang jelas, cuma pemimpin yang korup. Pakatan lain jelas menolak kestabilan dan penyatupaduan kaum termasuk bangsa melayu juga pimpinan yang mentah tidak lupa korup.

Saya bencikan keadaan politik sejak tahun 2006 tetapi saya sedikit senang hati terhadap perkembangan hari ini. Saya percaya ramai diluar sana merasakan yang sama.

Sekian,

Semoga Tun diberikan kekuatan dan kesihatan yang baik.

Sinar

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:01 PM

سلام کاسیہ دان حرمت ایہندا تون
کستین رعیت تنف کفد راج دان نگارا
دولت توانکو

By cicit awang daikAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:02 PM

To: qwanglim

Luckily you've moved out from Malaysia. It's good 4 u, coward!!!!

By Mohammad Bahathir Hashim Author Profile Page on February 5, 2009 4:16 PM

Apa nak dirisaukan, kerajaan UMNO kawal semuanya. Semua kes busuk-busuk boleh di 'cover' atau di 'lupuskan'. Ini mungkin salah satu janji-janji manis oleh BN kepada "katak-katak" tu. Tengoklah nanti, MUNGKIN mahkamah akan buang kes-kes ADUN tersebut.

Ala, Ketua Hakim Negara dulu tu pun boleh diputuskan terlebih awal, inikan kes remeh temeh tu.

By ismail Author Profile Page on February 5, 2009 4:26 PM

Tun,

Now it seems that PKR is not heeding the advise of the Sultan; tantamount to a palace revolt and treason.

And the State Secretary himself have issued a warning to the outgoing administration not to take ANY documents out of their respective offices apart from handing over their official cars by 5 pm i.e only hours after the decision from the Sultan.

Is this how the democratic system is supposed to work? Isn't there some respect and dignity accorded to those that were in the first place sworn into their respective positions and now have to vacate the positions through no fault of their own making.

In the corporate world those whose services are terminated (with exception of those forceably terminated due to their defaults) are given adequate time to pack up and say their goodbyes. And maybe with some kind words from the bosses to honor their past services.

This has been an education.

By khairuddin Author Profile Page on February 5, 2009 4:30 PM

YABhg. Tun,

Salam hormat. Perebutan kuasa yang berlaku di Negeri Perak tidak ubah seperti drama dua orang Penyamun bernama Badan dan Nyawa dalam filem Nujum Pak Belalang semasa mengagihkan antara mereka 2 ekor lembu dan 2 ekor kambing yang dicuri dan membahagikan wang dalam gua.

By Chris Author Profile Page on February 5, 2009 4:32 PM

Sir,

Today is a sad day for Malaysians, especially Perakians. The Sultan of Perak did not agree to dissolving the state assembly. MB Nizar and his councilors must step down in favor of BN. This is not the choice of the people. Even though the Sultan has the right to decide, he ought to be fair. I feel terribly disappointed at the turn of events. I am just going to sleep it off.

By coolrntin Author Profile Page on February 5, 2009 4:34 PM

What Najib had done will only make Rakyat more angry of Barisan Nasional. They may be successful this time and they can imitate whatever pakatan rakyat had done previously by giving more sweets, this and that but they will suffer in PRU 13. I am sure no one will forgive what they had done. Disappointed with Abdullah...now even more disppointed with those YB yang TAK BERAKHLAK. What type of role model is this.

By IBAN KLON Author Profile Page on February 5, 2009 4:34 PM

Thanks Tun,

You have really got a brilliant ideas to solve any particular issues.

I agree that all KATAK LOMPAT PKR should be screened carefully before admitting them to BN fold...if

ADMITTED them now then what happened if PKR gov't successfully win court case in this issue?

Would the KATAK LOMPAT PKR then lompat again to PKR?

The non - ending games.....of politics!! WASTING TIMES AND MONEY!!!!

I SUGGEST UMNO PEOPLE SHOULD concentrate more and put more efforts ON HOW TO SAVE OUR ECONOMY NOW FROM FALLING INTO RECESSION?

LOOK AT OUR NEIGHBOURS NOW!!! HOW'S THEIR GDP NOW??? HOW'S THE PERFORMANCE OF THEIR STOCKS MARKET NOW???

I still believe by using people money RM25M per ADUN of PKR should be wise enough to spend for other things important like to rescue our economy...!!! Should be more meaningful if use to help the HARDCORE POOR IBAN IN SARAWAK AS WE ALL KNOW THE IBANS ARE THE POOREST ETHNIC GROUP IN MALAYSIA..EXCLUDING ORANG ASLI IN W. MALAYSIA...If UMNO leaders are so busy buying here and there any PKR ADUN...!! What happened to their main duty as a Leader of the country....Just abaikan bolehkah!!!!

By monchotosAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:36 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun kata:

9. UMNO sudah dianggap bergelumang dengan rasuah, selalu mungkir janji, mengutamakan kroni Perdana Menteri di Terengganu. Jika kepada semua ini ditambah pula dengan penerimaan orang yang dituduh melakukan rasuah seks, imej UMNO akan jadi lebih buruk.

Monchotos kata:

Saya ingin membawa pemikiran tun dan semua pembaca di blog ini. Tun secara terang menyatakan bahawa tun telah salah pilah pak lah. Tetapi tun nampaknya pro kepada Najib. Berpandukan apa yg tun perkatakan diatas, sedarkah tun bahawa Najib adalah seorang yg bermoral rendah. Kaki betina dan sehingga sanggup ambil alih isteri orang. So jika najib sanggup ambil alih Kerajaan Perak, saya tidak heran kerana Najib memang seorang yg mempunyai prinsip seperti berikut. Najib tak kesah jika dua DUN bebas itu kaki rasuah asalkan hajatnya dan nafsu nya tercapai. Adakah tun yakin org yg tidak mempunyai moral ini boleh jadi pemimpin negara? Adakah masalah rasuah UMNO akan diselesaikan oleh Najib. Najib menawarkan 50 juta utk beli ahli yg berhormat utk lompat parti. Duit siapakah itu? Itu duit org seerti saya yg tak pernah engkar bayar cukai. Manusia apakah Najib ini. Setelah semua rahsia najib terbongkar saya bertekad tak mahu bayar cukai utk tahun ini. Apa nak jadi jadilah.

Najib bukanlah org yg pintar seperti Tun Dr mahathir. Saya berani katakana bahawa Khairi Jamaludin lebih smart dari Najib at any time. Jika Najib jadi PM banyaklah anak dara org akan dirabanya. Najib oh Najib

Sekian adanya

By onetedAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:37 PM

Salam YABhg Tun,

Yang Mulia Sultan tidak memperkenankan pembubaran DUN Perak. Ini bermakna pemimpin-pemimpin BN Perak mendapat bonus untuk menggulingkan kerajaan PR dengan sebegitu rupa. Mereka mendakwa mendapat majoriti untuk menubuhkan kerajaan dengan bantuan-bantuan katak-katak yang tidak pandai fikirkan masa depan dan amanah rakyat.

Akan tetapi speaker DUN, telah memfailkan saman untuk memohon mahkamah mengisytiharkan 3 kerusi yang disandang oleh para katak tersebut sebagai kosong. Secara peribadinya Tun, saya berpendapat dan beranggapan bahawa sistem perundangan Malaysia telah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh ketua pemimpin Negara. Apapun, sama2sama kita nantikan kesudahan drama Malayu di Perak ini.

Yang Bhg Tun,

Sebenarnya secara peribadi saya telah hilang kepercayaan terhadap pemtadbiran kerajaan sekarang ini dengan banyak kemelut, hanya mementingkan diri sendiri, mementingkan parti masing dari mementingkan rakyat yang memangkah mereka pada PRU 12 yang lepas.

Keadaan di Sarawak pun tidak kurangnya. Rakyat tidak diperdulikan. Buat kerja pun nak tak nak. Hanya yang mereka tahu, membuat majlis besar2, manghabiskan duit rakyat dengan perkara yang membazir. Hanya sedikit sahaja disalurkan kepada rakyat. Saya masih lagi ternanti2 di manakah hasilnya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada negeri ini.

Pilihanraya Negeri pun tidak lama lagi. Saya masih lagi tidak tahu nak pangkah siapa. Pangkah yang membawa bendera pun bukannya pandai kerja, hanya pandai membuat janji2 kosong yang menyakitkan hati rakyat. Nak pangkah bendera lain, mereka tak berani. Wakil rakyat yang diundi adalah kerana terpaksa walaupun mereka tahu dia tidak berkerja. Tidak banyak pilihan yang diberi.

YABhg Tun,

Silalah ke Bumi Kenyalang ini untuk melihat keadaan walaupun Tun pasti akan melihat pembangunan di bandar-bandar utama tetapi di kawasan luar bandar, pada yang ada?

Salam dari bumi kenyalang,

-wanted-

By icucu tok buyungAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:38 PM

Tun.

Bravo. BN Perak kembali semula. Sebagai anak Perak di rantau mengalu2kan perkembangan ini. Walau apa pun cara, lompat ker apa ker, buat waktu ini yang penting UMNO berkuasa semula di Perak. PKR tak dapat memenuhi aspirasi rakyat negeri Perak. Nak menghancurkan lagi adalah. Adun PKR dan DAP sendiri yang sudah hilang kepercayaan pada parti mereka. Dan mereka telah menjadi adun bebas, bukan masuk BN.

Orang2 di Perak tentu gembira dengan perkembangan ini. Dulu pun bukan mereka semua nak sokong PKR, tapi kerana protes. Tak suka kepimpinan si anu tu....Tapi dia pun dah nak beundur, saya yakin rakyat akan bersatu menyokong UMNO/BN semula di bawah DSN.

Kalau PKR terus meneraju Perak sehingga PRU akan datang, dah tak ada lagi tanah rezab kerajaan negeri. Semua akan di anugerahkan pada rakyat yang dah di tentukan, untuk 999 tahun.

Tahniah...Tahniah....Tahniah...DS Najib dan BN Perak.

Orang2 negeri lain jangan lah dengki pulak.....kesian lah rakyat Perak yang menjeruk hati semasa PKR berkuasa.

"Think positive man....."

By faisnurAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:42 PM

Akhirnya kerajaan "BONEKA" Perak tumbang.

Sedih melihat nasib orang melayu di perak.

1. Orang lain dapat tanah 1000 tahun, apa orang melayu dapat?
2. Ekonomi meleset, tapi masih nak bergaya pakai Toyota Camry. Pekerja kilang proton di Tanjung Malin majoriti adalah melayu, jadi apa maksudnya tu.

3. Kes rasuah 2 wakil rakyat PKR, MB Perak kata "ia rancangan jahat BN", tapi sekarang apasal diorang keluar PKR sokong BN. hamPAS!.
 4. Anuar Ibrahim - tengok jerla mamat ni main "SILAP MATA" lepas ni, buat perhimpunan nak buat apa?. Sultan Perak dah putuskan tiada pembubaran DUN, jangan nak menderhaka pada Sultan!.
 5. Pakatan rakyat kutuk SPR. (cuma bila keputusan SPR tak memihak pada diorang).
 6. Akuan bersumpah seorang pemimpin PKR, Najib nak bagi 50 juta, apsal baru sekarang nak bgtau, kenapa? dapat cek tendang?.
 7. Semua yang jahat kerja BN, PR semua suci murni. Macam bagus!. Baru dua tiga bulan jadi wakil rakyat kena tangkap rasuah. (Kualiti pemimpin PKR)
 8. cuba compare :
DAP(tolak hudud)+PAS(mahu hudud) - boleh pulak join, dulu kutuk UMNO sekarang tak sama level ker?.
 9. Banyak lagi la kalau nak tulis, zaman ekonomi meleset ni jangan la nak membuang masa ngan cerita2 politik kambing, tak kirala BN ker PR. Gaji bulan lepas aku tak masuk lagi tau tak!.
 10. Kesimpulannya "Lu pikirla sendiri"!
- By matanahairAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:45 PM

Innocent Until Proven Guilty

Tun,
semasa memberi pendapat kelmarin tentang BN seharusnya meneliti quality ahli yang ingin menyertai BN. Dalam minda Tun, rasanya Tun telah menganggap kedua-dua orang yang akan didakwa / dihadapi ke mahkamah telah pun BERSALAH sedangkan kita kena menganggap seseorang "innocent until proven guilty".
Tidak dinafikan BN mungkin dituduh memanipulasikan kes rasuah seks jika dua YB tidak disabit bersalah. (salah seorang YB juga pernah kata "orang sedekah kita ambillah" - alasan yang menjijik dan memalukan)
Tapi Tun, dikatakan di sini ialah, Tun (yang mudah lupa di mahkamah dalam kes Lingam), sekali lagi lupa bahawa seseorang adalah "innocent until proven guilty".
By AmanafxAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:50 PM

Salam..
Chedet,
& sahabat blog yang lain,

Apa yang sedang berlaku di PERAK(negeri saya)menunjukkan secara langsung bahawa politik di Malaysia semakin kotor,jijik,busuk dan sama seperti pemikiran orang yahudi yang suka membuat manipulasi untuk kepentingan.tidak kira dari pihak pembangkang yang secara senyap-senyap mahu mengadaikan maruah dan melenyapkan kuasa melayu di Perak,dimana membelakangi DYMM Sultan Perak dan tidak langsung menghormati sambutan ulang tahun pemerintahan 25 tahun DYMM Sultan Perak.
Ini dapat dilihat bahawa Dr Nizar hanyalah boneka kepada DAP(Parti Komunis zaman moden) yang secara terang2 ingin memusnahkan melayu di Perak.walaupun PKR,DAP dan PAS dibawah satu pakatan,tetapi selama pemerintahan PR,DAP lebih berkuasa dan dan mereka mempunyai agenda sendiri iaitu mahu mencantas semua pemimpin orang melayu di dalam pentadbiran disini.Jika Anda datang ke Ipoh,anda boleh melihat ketidakadilan di bawa oleh DAP ini dengan berbelanja untuk sekolah cina dengan membuat dewan dan jejantas di setiap sekolah cina di Ipoh manakala sekolah biasa tambahan pula sekolah melayu yang majoritinya dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa kemudahan untuk keselamatan disitu.sebagai contoh Sekolah Raja Chulan berhampiran dengan Politeknik Ungu Omar tiada apa kemudahan jejantas yang dibangunkan.satu lagi contoh ialah penurapan jalan raya dimana

kerajaan negeri hanya menurap jalan yang mempunyai penduduk cina majoritinya tetapi di kampung atau kawasan yang majoritinya melayu terutama kampung melayu yang hak milik kekal hanya 99 tahun berbanding kampung cina yang hak milik kekal 999 tahun dibiarkan begitu sahaja tanpa dipedulikan keadaan jalan rayanya.

Bagi pihak BN pula. Mereka seperti menangkup di air yang keruh. saya pasti BN hanya menggunakan wang dalam situasi yang dihadapi oleh politik di Perak. UMNO bukan satu parti melayu yang bagus, kononnya mahu membantu orang melayu tetapi pada hakikatnya hanya mengorek duit rakyat. BN pun tidak menghormati DYMM Sultan Perak dimana sibuk dengan persiapan untuk mengambil alih kerajaan negeri. ini menunjukkan BN memang parti yang terdesak sehingga sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan kuasa. ini sudah pasti melibatkan WANG yang banyak dan memanipulasikan keadaan sekarang.

By pppzAuthor Profile Page on February 5, 2009 4:52 PM

Salam YAB Tun,

Di dalam Al-Quran ada menyebut - tiada paksaan di dalam agama. Tetapi di dalamnya juga ada menyebut - syaitan itu musuh kamu yang nyata.

'Islam Hadari' mungkin lupa perkara penting didalam perjanjian Hubaidiyah. Satu daripada syarat yang dipersetujui ialah pasal LOMPAT MELOMPAT. Cuba teka, pihak mana satu dibenarkan melompat?

Al Ghazali dan Al Shafii kalau masih hidup lagi akan tentu menjauhkan diri daripada Raja, Sultan atau mana-mana pemimpin yang berkuasa, berpengaruh dan berpangkat walaupun mereka itu baik, adil, dsn.

Tetapi memang benar, kitalah yang seharusnya mencari dan mengenali orang-orang seperti mereka sebab kita sebenarnya yang memerlukan mereka untuk petunjuk bagi keselamatan diri kita sendiri.

Apatah lagi Allah dan RasulNya juga tidak memerlukan iman dan amalan kita.

Wassalam.

By pipiAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:01 PM

pak la damaged BN with anak hantu

najib will totally destroy BN.

lets wait n see.

By adzriAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:06 PM

assalamualaikum,

saya setuju dgn pendapat TUN, menerima ahli yg sememangnya sedang bermasalah bukan cara untuk menjernihkan imej BN...

nampak gayanya, Paklah masih menerima nasihat yg akan mendatangkan kesan buruk pada jangkamasa panjang...

By commoner99Author Profile Page on February 5, 2009 5:22 PM

Somebody 'lompat', ajak 'lompat' pun no problem, considered hero. But somebody 'lompat' kena screwed, tak 'lompat' kena screwed, buat apa pun kena screwed (seriously these whatever got screwed people have to change drastically to do all they can to gain confidence from people again).

I personally think that 'lompat' is wrong, but what I see is that most people are so double standards now a days and these people even considered themselves having a mature politically mind! Wrong means wrong, what some people can do and some cannot, what a world like that!

Honestly, although I'm feeling bad about the possible new kerajaan lompat out there but I don't know why I'm feeling so good also that at last, the hypocrites who started all these 'lompat' campaign got backfired

after so many sickening months of political drama.

By suhainin suhaibol Author Profile Page on February 5, 2009 5:31 PM

Assalamualaikum...

Cerita lompat melompat parti ini bukan suatu cerita baru bagi Negeri Sabah. Lompat melompat parti merupakan perkara biasa di sini. Nampaknya 'syndrome' ini mula menular ke Semenanjung Malaysia.

Begitu juga dengan cara berpolitik, pengundi dan pengamal politik di Sabah ini tidak bersikap 'Extreme' dalam berpolitik. Politik perkara lain, di kedai kopi mereka boleh duduk minum dan bersembang seperti sahabat lama biar pun berlainan anutan politik. Perkara begini tidak dapat kita lihat di Semenanjung Malaysia. Malahan dalam beragama pun rakyat Sabah adalah yang paling bertoleransi. Ini pun sukar kita temui di Semenanjung Malaysia. Hubungan antara kaum....Cina, Melayu, Bajau atau Kadazan Dusun boleh duduk semeja dalam sebuah restoran...ini pun jarang kita lihat di Semenanjung Malaysia.

Rakyat Sabah 'Relax' sahaja dalam berpolitik tetapi jika segala janji kerajaan tidak dilaksanakan, rakyat Sabah juga akan bersikap 'Relax Sahaja' untuk menumbangkan kerajaan memerintah dengan menggantikannya dengan parti yang lain. Fenomena yang satu ini nampaknya mula menular ke Semenanjung Malaysia.

PRU13.....kalau perasuah seks pun diterima, kenapa kami yang digelar Mafia tidak diterima, mungkin jika terdesak benar; kami pun akan turut 'Ber-Kung Fu' dalam parlimen. Oh....Malaysia-ku tercinta.

Ramalan....'R.A.H.M.A.N' sudah pasti akan terlaksana; selepas "N".....UMNO dan Barisan Nasional akan mula tenggelam.... itulah yang sering bermain dalam minda saya. Bila saya utarakan kepada rakan-rakan, ianya menjadi gurauan yang menarik....Selepas "N" Apa lagi yang tinggal untuk UMNO dan Barisan Nasional.....Zahid Hamidi....."Z"....alamak, pun merupakan penamat huruf....Hishamuddin pula, mungkin akan memulakan "H.I.K.M.A.H" namun siapakah mereka semua itu?

sekian....

daripada yang selalu memerhatikanmu.

Saya juga turut merasai apa yang Tun rasakan....PRU13....Barisan Nasional akan menempuh zaman getir...kami rakyat bawahan dan kami melihat serta merasai apa yang bergolak dan berlaku dalam masyarakat.Para pemimpin sekadar selesa 'menduduki kerusi' namun biasanya buta tentang apa yang berlaku dalam masyarakat. Mereka hanya mendengar cerita tentang rakyat daripada 'tukang-tukang kisah'mereka yang adakalanya lebih banyak mengipas daripada menyuarakan kisah benar dalam masyarakat.

By azzeryAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:32 PM

Salam semua..lompat melompat...bagi saya x salah..semuanya terpulung kepada individu..TAPI kalau saya berada di tempat tersebut dan walaupun saya suka akan satu2 parti itu jauh di hati untuk masuk parti tersebut atas nama tiket parti yg saya menang...come on la..org dah bagi mandat kat kita, takkan la kita nak buat mcm tu pula..gentle la pada diri sendiri..tak kira lah PKR ke DAP ke UMNO ke PAS ke..semua kena tahu la menjaga amanat masing2..dah besar panjang, misai pun dah tebai...rambut pun dah putih melepak...hmmm...dunia2..benda simple ja pun...mmg betul2 "tanah tumpahnya darahku..." kami org muda ni dah tak larat la nak gelak tgk telatah pakcik2/makcik2 yg berjawatan hebat ni...hampa ni mmg pulun betul2 nak ligan duit noo...

media berita pula,saya akui mmg keperihatinan media dlm sesuatu isu seperti contoh di Gaza mmg bagus sekali.mmg x di sangkal.terharu dibuatnya..tapi bila masuk isu2 politik, jgn la mcm tu..sia2 la kalau kuar depan kaca tv, pakai smart2, make up hensem2/lawa2 pastu duk hentam org sana sini...kami ni semua rakyat malaysia bukannya zaman Sembilu lagi..kami tahu apa yg berlaku dan kami bercakap sesama sendiri..biarlah kita bagi ahli politik ini bercakap untuk diri masing2..skian dan sekiranya ada yg terasa atau tidak sesuai diperkatakan saya minta maaf..

By Nasha Bin EdwinAuthor Profile Page on February 5, 2009 5:47 PM

NAMPAKNYA PEMIMPIN BN(UMNO) TERPAKSA MENELAN KATA-KATA MEREKA SENDIRI BAHAWA ORANG YANG MELOMPAT PARTI ADALAH TIDAK BERMARUAH DAN PENGKHIANAT. NAMUN MEREKA NAMPAKNYA TERLALU TERDESAK APABILA MENERIMA PULA ADUN BOTA YANG DIKATAKAN PENGKHIANAT. JIKA BEGINILAH PENDIRIAN RAPUH PARA PEMIMPIN UMNO(BN) TERNYATA MEREKA JUGA LANGSUNG TIDAK BOLEH DIPERCAYAI.

BEBERAPA HARI LALU BERITA RADIO ADA MENYIARKAN UCAPAN SEORANG PENGANALISIS POLITIK YANG MENGATAKAN BAHAWA PR BIMBANG PILIHANRAYA SEMULA DIADAKAN APABILA KEDUA-DUA ADUN PKR HILANG(DICULIK). TERNYATA DAKWAAN ITU MELESET APABILA MB PERAK INGINKAN ADUN DIBUBARKAN DAN PILIHANRAYA SEMULA. NAMUN PEMIMPIN BN(UMNO) TIDAK MAHU PERKARA ITU BERLAKU. JELASLAH UMNO(BN)LAH YANG TAKUT KEPADA PIHANRAYA SEMULA BUKANNYA PAKATAN RAKYAT.

PEMIMPIN BN(UMNO)NAMPAKNYA BEGITU TAKUT KEPADA KUASA RAKYAT AKIBAT 2 KEKALAHAN DALAM PILIHANRAYA KECIL BEBERAPA BULAN LALU. KEDUA-DUA PILIHANRAYA INI TIDAK MEMIHAK KEPADA BN(UMNO) KERANA CARA PEMIKIRAN RAKYAT SUDAH BERUBAH. RAKYAT SUDAH SEDAR DAN TIDAK LAGI TERMAKAN GULA2 DAN PROVOKASI PEMIMPIN BN. RAKYAT JUGA SEDAR BAHAWA PEMIMPIN BN(UMNO) TIDAKLAH SEBAIK YANG DIWARWARKAN OLEH MEDIA SELAMA INI. TERNYATA MEREKA SAMA SAJA DENGAN SIFAT TAMAK KUASA, RASUAH DAN PENIPU. INI BANYAK KALI DIBUKTIKAN MELALUI MEDIA YANG MEREKA KUASAI.

MELALUI MEDIA UCAPAN PEMIMPIN UMNO(BN) BERUBAH-UBAH MENGIKUT RENTAK

KEPENTINGAN POLITIK MEREKA. SEBELUM INI MEREKA MENCANANGKAN UNTUK MEWUJUDKAN UNDANG-UNDANG ANTI LOMPAT PARTI. NAMUN KINI APABILA IA MEMIHAK KEPADA MEREKA MAKA MENGATAKAN BAHAWA IANYA BAIK UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA. KINI PEMIMPIN BN(UMNO) LEBIH SUKA MERAMPAS KUASA MELALUI LOMPAT PARTI DARIPADA MENGADAKAN PILIHANRAYA SEMULA. MEREKA LEBIH SUKA PEMERINTAHAN DITENTUKAN MELALUI PEMIMPIN YANG MELOMPAT PARTI DARIPADA DITENTUKAN OLEH KUASA RAKYAT. BN(UMNO) BEGITU FOBIA BILA DISEBUT PILIHANRAYA. MISALNYA MEREKA BEGITU TAKUT APABILA DIADAKAN PILIHANRAYA BARU DI PERAK. TERNYATA BN(UMNO) KINI JADI PARTI YANG PENAKUT KERANA DIKUASAI PEMIMPIN YANG RASUAH DAN TAMAK KUASA DEMI KEPENTINGAN DIRI BUKAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT. JIKA BEGINILAH SIKAP MEREKA KITA TUNGGU DAN LIHAT KESUDAHANNYA PADA PRU13 NANTI.

By The Wizard of Oz Author Profile Page on February 5, 2009 5:47 PM

looks like the sultan of perak did the 'Politically' right thing , Not the righteous thing , probably because of pressure federal government ...how dissapointing . the 4 men were choosen not because of popularity but because people were fed up of the BN government , the right thing to do was for people to decide ! the very fact that the federal goverment doenst want this is because they know they will get trauced again !

By akee Author Profile Page on February 5, 2009 5:49 PM

after hearing sultan decision on the news. i as a 'rakyat' is unhappy about the way BN succeed backdoor takeover the state without re vote from 'rakyat'. BN is bullying opposition with 'rakyat' money. basically all know who got more money (BN or the opposition?) to play this buying game & who will win, only to do it or not to do it for the sake of dignity. this was also a backfire from anwar bigmouth, trying to challenge a giant into a tug a war game.

there is also a very high possiblity that the BN ahli berhormat that jump to PKR & then jump back to BN with the other 3 opposition ahli berhormat is just a stagershow to make them (BN) looks less guilty to use this immoral tactic. dont be suprise..

By char koay teow Author Profile Page on February 5, 2009 5:49 PM

we felt like being fool around. well will try again next general election.

By maya Author Profile Page on February 5, 2009 5:56 PM

Tun,

Pada Ketika ini, PM dalam perjalanan ke Istana Kinta. Saya adalah ahli UMNO namun saya merasakan kerajaan BN yang bakal ditubuh tidak akan sunyi dari perhimpunan perhimpunan haram oleh PR dan kerajaan BN tidak akan dapat mentadbir negeri Perak dengan aman.

Saya berpendapat, pilihanraya perlu diadakan dalam menentukan kerajaan Perak... 4 adun yang melompat parti tidak akan kekal... Parti yang kaya sentiasa mengumpun adun yang tidak takut hukum Allah...

Apa pun kita harus akur dengan titah dan keputusan Sultan Perak.

Semoga rakyat Perak bertenang... jangan terikut pemimpin mereka yang gila kuasa dan duit... jangan jadi belaci... korang yang masuk lokap, pemimpin korang nak tolong???!!! sudahlee... biar lee pemimpin tertinggi ni bergaduh... kita tengok aje, buat bisness baju T.Shirt ke masa perhimpunan ... dapat gak duit!!

By matahari Author Profile Page on February 5, 2009 6:06 PM

I feel that what has happened in Perak is totally unfair. The assemblymen (and woman) may have defected but they do not reflect the wishes of the rakyat who elected them into office.

Therefore, I hope the Sultan wil look beyond the numbers to the wishes of the people and the fact that the PKR has been running a fair, transparent and organised government in this State. For the first time women, a good representation of races and the disabled were given a voice at the state level. If BN takes over, this fairness, thoughtfulness and equality will be gone in a jiffy.

That Najib has chosen such a tactic to take over Perak is just a taste of things to come when he becomes

premier. It certainly confirms the rumours that have been going around about how corrupt and underhanded he is. It is certainly a trailer to the high dramas that will unfold post March.
By Anak Orang KampungAuthor Profile Page on February 5, 2009 6:22 PM

Yg. Bhg. Tun,

Salam,

Lompat Si Katak Lompat
Lompat Di Tepi Kali
Cepat Pak Lah Alih Kuasa Cepat
Jangan Lupa Bawa KJ Sekali

Lompat Si Katak Lompat
Lompat Tepi Penjuru
Cepat Tok Najib Cepat
Kami Nak Lihat Perubahan Baru

Lompat Si Katak Lompat
Lompat ke Pohon Duku
Cepat Lah UMNO Cepat
Ingatlah hala tuju bukan sibuk nak penuh saku

Lompat Si Katak lompat
Lompat dalam perahu
Cepat Lah DSAI cepat..
umm... tak tahu nak kata apa lagi tapi masa belajar sains di sekolah dulu Katak tu mahluk dua alam (Afimbia)

He..He...

By youtubwwAuthor Profile Page on February 5, 2009 6:22 PM

Hureee....

PM menang, DPM menang, UMNO menang.
By azuan ajunidiAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:00 PM

ASSALAMUALAIKUM AYAHANDA TUN...

SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR... DI HARAP KESIHATAN AYAHANDA TUN SEKELUARGA SENTIASA BAIK HENDAKNYA DAN DI RAHMATI ALLAH S.W.A

LOMPAT SI KATAK LOMPAT,
LOMPAT TINGGI-TINGGI,
LOMPAT YB LOMPAT,
LOMPAT KERANA ADA AGENDA PERIBADI,

FIKIR-FIKIRLAH RAKYAT MALAYSIA.

SAYA CADANGKAN PADA PILIHANRAYA AKAN DATANG SEMUA YANG NAK JADI WAKIL RAKYAT MESTI DUDUK SATU PEPERIKSAAN(peperiksaan kelayakan menjadi wakil rakyat)hehehe..... BAGI MELAYAKKAN MEREKA MENJADI WAKIL RAKYAT. KINI RAKYAT SUDAH BIJAK. MAKA WAKIL

RAKYAT PUN MESTI BIJAK. NAMA PUN DAH WAKIL RAKYAT, WAKIL KEPADA RAKYAT.

KALAU WAKIL RAKYAT ASYIK NAK MELOMPAT SANA SINI, SAMPAI BILA-BILA PUN NASIB RAKYAT TAK TERBELA. MANA TAKNYA SINI TAK GUNA LOMPAT SANA. BOSANLAH DENGAN WAKIL RAKYAT YANG MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI NI.

PADA PILIHANRAYA LEPAS, BILA MENGINGATI KATA-KATA PAKLAH, YANG MANA SEMUA CALON-CALON YANG DI PILIH MENJADI WAKIL RAKYAT TELAH DI TAPIS DAN BEBAS DARI SEBARANG MASALAH RASUAH DAN SEBAGAINYA.

AKAN TETAPI APA YANG RAKYAT KESALI IALAH PEMBOHONGAN YANG PAKLAH LAKUKAN KEPADA RAKYAT, YANG MANA MASIH ADA PARA WAKIL RAKYAT YANG BERMASALAH DI AMBIL MENJADI WAKIL RAKYAT DAN MENTERI.

CONTOHNYA BUDAYA POLITIK KELUARGA, PAKLAH DAN MENANTU, TAIB MAHMUD DAN KELUARGA. SECARA TERUS TERANG SAYA KATAKAN, KERANA BUDAYA INILAH BN MUDAH DAN AKAN TERUS TERANCAM. SAYA BERKATA BEGINI KERANA SEMUA INI KITA DAPAT DENGAR JIKA KITA PASANG-PASANG TELINGA.

DAN PERKARA YANG LEBIH BANYAK DI PERKATAKAN OLEH RAKYAT TENTANG POLITIK KELUARGA PADA KALI INI IALAH. SEMUA PROJEK BESAR MEREKA SAPU HABIS, PAKLAH DAN MENANTU, MUSA AMAN DAN HANIFAH AMAN DAN SEMUA KELUARGA TAIB MAHMUD MASUK POLITIK SARAWAK (adik, sepupu dan anak), OLEH KERANA ISU INILAH RAKYAT SEMAKIN MUDAH DI RACUNI OLEH PIHAK PEMBANGKANG.

JIKA PERSEPSI INI TIDAK DI UBAH OLEH BN, MAKA SATU LAGI KEHANCURAN AKAN KITA LIHAT PADA PILIHANRAYA AKAN DATANG.

MAKA FIKIR-FIKIRLAH WAHAI SI BIJAK PANDAI.

WASSALAM.

By azuan ajunidi Author Profile Page on February 5, 2009 7:04 PM

ASSALAMUALAIKUM AYAHANDA TUN...

SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR... DI HARAP KESIHATAN AYAHANDA TUN SEKELUARGA SENTIASA BAIK HENDAKNYA DAN DI RAHMATI ALLAH S.W.A

LOMPAT SI KATAK LOMPAT,
LOMPAT TINGGI-TINGGI,
LOMPAT YB LOMPAT,
LOMPAT KERANA ADA AGENDA PERIBADI,

FIKIR-FIKIRLAH RAKYAT MALAYSIA.

SAYA CADANGKAN PADA PILIHANRAYA AKAN DATANG SEMUA YANG NAK JADI WAKIL RAKYAT MESTI DUDUK SATU PEPERIKSAAN (peperiksaan kelayakan menjadi wakil rakyat) hehehe..... BAGI MELAYAKKAN MEREKA MENJADI WAKIL RAKYAT. KINI RAKYAT SUDAH BIJAK. MAKA WAKIL RAKYAT PUN MESTI BIJAK. NAMA PUN DAH WAKIL RAKYAT, WAKIL KEPADA RAKYAT.%
By ODAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:06 PM

Salam Tun,

Selamat pulang ke tanah air.

Sekarang ni UMNO macam tak ada maruah bila terima dua orang politicians yang terlibat dalam rasuah seks. You have to do something about it, Tun.

By afif abd azizAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:09 PM

Umno2.....

desperate sgt sampai sampah pun die sanggup makan...

hm...macam da xde makanan ke kt malaysia ni...

isk2...pastu bangga2 la membentuk majoriti mudah....yang kalah kat 3 parlimen tu.....apa cita?bannga jugak?

By cyberdroxxxAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:27 PM

Salam Tun,

Apalah gunanya menyokong mana-mana pihak yang boleh memberikan geran-geran tanah kepada sesuatu kaum tertentu tetapi memilih wakil jkk yang sanggup mengunci pintu sekolah tadika dan menyebabkan anak-anak bangsa sendiri tidak mempunyai tempat;(apakan lagi mendapatkkan geran tanah untuk sebuah tadika); untuk hanya mendapatkan sekadar pendidikan asas pra-sekolah.

Saya amat sedih apabila melihat laporan sebuah akhbar tempatan tempoh hari menunjukkan gambar guru dan anak-anak bangsa sendiri terpaksa belajar dibawah pokok selepas tadika tempat mereka belajar dikunci. Apakah kesan cuaca hujan dan panas keatas mereka. Tak ubah seperti apa yang berlaku kepada anak-anak kecil di Gaza, Palestine, yang di hancurkan tempat belajar mereka oleh Israel yang kejam.

Adakah anak-anak ini sepatutnya mendapatkan pelajaran pra-sekolah dari tadika swasta yang harganya tinggi. Adakah akan tiba suatu masa dimana hanya yang berduit dan kaya sahaja yang dapat pelajaran disebabkan oleh perubahan sistem persekolahan berbayar seperti tadika-tadika swasta ini. Apakah akan jadi kepada masa depan anak-anak bangsa sendiri hanya kerana kepentingan politik masa kini
????????????????????????????????????

By mat khalidAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:34 PM

Salam Tun,

Naik menyampah saya tengok muka-muka oportunis dalam paper hari ini..memang muka tak malu!

My respect to them is zip! zero..They really bring themselves down to the lowest esteem! Si minah Indon toilet cleaner kat ofis saya nampaknya lebih bemarkuah dari mereka...

I pity Perak people. Now they're confused.

By DTCAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:36 PM

No wonder Anwar Ibrahim had been criticising Najib all the while for corruption, sex charges, murder and etc. Najib again shows that he can do all the "unthinkables" since he took over as PERAK UMNO Head. Najib dare to do anything including breaking the law (as minister) to get his wishes. I know now, what is the real reason the previous PERAK UMNO Head resigned and stated that he cannot take Perak Umno any further (especially with this dirty BN tactic). Certainly, Najib can with his character, power and influence over judge, court, police, ISA, party top leaders and most of all government money!

I wonder when will BN listen to the voices of the people. Rakyat will ultimately decide and not a few YB or Sultan. By the way, how can a person (sultan) decide for all? This is undemocratic!

By LKSAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:36 PM

In politic, Anything can happen., But this is too much. How much one person....? he he

By Abg JayAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:36 PM

Assalamualaikum Tun

Saya hanyalah rakyat biasa yang makan gaji untuk hidup di bumi bertuah ini, yang tak pandai pasal

politik, tak pandai hal undang undang, tak pandai susun ayat ayat cantik untuk berhujah, dan tak ambil peduli andai siapa yang menang asalkan saya tunaikan tanggungjawab saya sebagai pengundi

Apa yang saya harapkan hanyalah seorang pemimpin yang dapat memimpin dan menjadi wakil kepada rakyat yang sederhana seperti saya ini, dapat memudahkan kesulitan kami rakyat yang hanya kasi pagi makan pagi ini..... saya bodoh bangang dan tak berpelajaran tinggi atau berharta banyak seperti adun atau wakil rakyat yang ada sekarang,....

Akan tetapi saya amat kecewa wakil dan pemimpin yang kami harapkan hanyalah seekor katak, tidak mempunyai pendirian tetap, apa lah salah nya habiskan masa sepenggal ini untuk jalan kewajipan rakyat, mengapa menghabiskan masa dan duit rakyat untuk sibuk bertukar parti, mengapa menghampakan harapan orang yg telah mengundi mereka,

Kami tidak mahu pemimpin yang tidak tetap pendirian, tak kira BN PKR PAS DAP mahupun HINDRAF, sungguh pun kami ini hanya rakyat yang meminta dan mengharap lagi hina, akan tetapi Pemimpin yang suka melompak ini lebih hina dari kami, tak ada maruah....

Terima Kasih Tun

dari rakyat yang membesar dari kepimpinan Tun
By dengarAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:50 PM

emmmm.....salam Tun
knape yer umno tk brfikir mcm Tun..
menerima org yg bermasalah hnya krana utk berkuasa..

"innocent until proven guilty" mng btol
tp sbgai pmimpin spatutnya brfikir apa pandangan rakyat n
kesan untuk pilihanraya nnt..
nmpknya pembngkang dh ada isu untuk pncing pengundi..
mkin goyah la umno nnt..

saptutnya umno biarkan plihanrya kecil diadakn..
mainkn isu perpchan dlm pkatan rkyt utk trik pengundi perak..
psti bn ader peluang utk menang dlm plhanrya kcil tu..
drpd ambk org masalah tu utk brkuasa n pmbngkang guna simpati utk
trik pngundi..
tmbh lg isu spr slah guna kuasa....

umno skrng dh tkder pkar strategi.. cmner nk brperng cmni..
By pembayarcukaiAuthor Profile Page on February 5, 2009 7:51 PM

Salam Tun..mantan PM yang sungguh hebat!

Apabila melihat situasi di Perak..saya amat terkilan dan sedih mengenangkan sikap ahli2 politik di negara tercinta ini. Di manakah maruah mereka yang telah diberi kepercayaan oleh rakyat. Jika benar mahu mengambil alih tampuk pemerintahan di Perak..lakukanlah dengan cara terhormat atau sekurang-kurangnya tunggu keputusan mahkamah.

Saya bersetuju dengan Tun...bahawa cara Pak Dolah Bedawi dan Brader Najib memang rakus. Begitu juga dengan Brader Menteri yang jaga kepentingan agama islam..Bro Zahid..sungguh girang wajah mereka. Jika benar Paklah jujur dan ikhlas dalam memperjuangkan nasib rakyat..bukan ini caranya.Ini menunjukkan bahawa UMNO sudah memang desperado ..sanggup menerima orang2 seperti 2 adun yang keluar PKR itu.

Tindakan ini mencalar imej negara di mata dunia !!!

Ya Allah..! Aku berdoa padaMU...Engkau peliharalah orang-orang yang benar dan Engkau bukalah hati mereka yang buta dengan kekayaan dunia.

Semoga hanya mereka yang benar saja mendapat keredhaanMU..Amin!!

By BebasAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:22 PM

hairan betul tindakan yang diambil oleh Najib yang dianggap sebagai bakal PM akan datang... Rakyat tentu hilang keyakinan terhadapnya....tindakan begitu menunjukkan beliau seorang pemimpin yang kurang berwibawa & berkebolehan..

dipandang oleh mata rakyat sebagai pengecut melawan PR melalui pilihanraya negeri semula di Perak...

By palieAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:25 PM

Tun..

saya sokong cadangan Tun bentuk satu parti baru yang lebih rasional. parti sekarang banyak yang haprak.kepentingan diri semata-mata..bukan rakyat.UMNO sudah tidak lagi sesuai..kenyataan yang saya lihat.hanya pandai bercakap depan rakyat.belakang lain buat..rakyat sekarang sudah bijak...

By parang-ilangAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:40 PM

1. SYABAS BN,BELA LAH NASIB MELAYU,PELIHARA LAH ISLAM, HORMATILAH RAJA MELAYU.
2. TAULADAN DARI PR YG TDK SENSITIF KPD ORG MELAYU, DAN ISLAM MEMBAWA PADAH.
3. JGN BN ULANGI KESILAPAN YG PR BUAT.SEDARLAH KAMU DI PILIH UTK BERKHIDMAT KPD RAKYAT BUKAN MENYUSAHKAN RAKYAT.SULTAN AKAN MURKA JIKA RAKYAT BAGINDA MENDERITA.
4. ITU LAH PADAHNYA KEPADA PR.

By kelateAuthor Profile Page on February 5, 2009 8:57 PM

Assalamualaikum YB Tun,

Saya membesar di zaman pemerintahan Tun, amat berbangga menjaDi anak Malaysia. Sekarang semakin pudar dek masalah yang melanda Bangsa & negara. Cemburu dengan pembangunan Singapura, Vietnam dan Indonesia.

Orang kita dok bercakaran dan sibuk memikirkan kepentingan politik sendiri. Kata ader insentive ekonomilah, hampah tak nampak mana pegi nya duit pembelanjaan negara. Tup tup lompat si katak lompat kat Perak pulak dah.....

Kalau macam nie lah, silap2 Orang Perak akan ikut jejak majoriti orang Kelantan. Terlepas dekat 20 tahun lebih daH kan? Jangan main2 orang sekarang nie dah tau mana nak cari cerita2 yang tersorok.

Yang bahaya, kalau Kedah dan Penang boleh membangun macam Kelantan, how Barisan nak ambil balik senang2?

Perak nie, yg risau apa pandangan minoriti Cina dan India serta bangsa2 lain? Yer lah ader Sultan.... Melayu dah berpecah kepada 3 parti politik..... Kalau Cina dan India terus sokong DAP dan bukan MCA macam mana?

Selagi UMNO tak merubah pendekatan serta buang orang2 lama dan struktur balik parti..... Habis lah UMNO dan BN dalam PRU akan datang..... Orang2 yg RASUAH biaser & Rasuah SEX nie lah merosak Bangsa dan Agama..... Orang dah tak hormat.....

Ingat, Negeri Sembilan pun tak lah kuat mana. Sabah pernah memberontak..... Pahang & Terengganu, PAS pernah memerintah..... Kubu Melaka dah bergegar..... Kubu Johor daH mula dimasuki air selat

tebrau.....

Asyik politik sempit, orang Singapura dan Indonesia dok gelak sakan kat org Malaysia..... Ingat ekonomi Indonesia tgh nak naik, Kalimantan pun dah ada zon2 pembangunan ekonomi..... PELABURAN LUAR AKAN BERALIH ARAH.....

SEDAR LAH ORANG MELAYU.... SESAMA MENYEDARKAN BANGSA.....

By newgenAuthor Profile Page on February 5, 2009 9:01 PM

salam,
THANKS TUN.

By HBTAuthor Profile Page on February 5, 2009 9:19 PM

Salam Tun,

Tun, you are sincere, very truthful and a "bit nasty" in advising our PM, Pak Lah supaya menjaga mulut dan langkahnya mengenai isu ini.

Kalau Tun tidak keluaran artikel ini, pastinya BN akan dibenci rakyat kerana Pak Lah akan beria-ria menghebohkan isu lompat-melompat tanpa fikir dahulu, that's our Pak Lah. Tun, sikapnya memang tak akan ubah. Just read the news that Pak Lah went to see Sultan Perak bringing 9 cars along, this is our Pak Lah, masih menonjol dirinya sebagai Yang Amat Berhormat, ha...ha...

Will Tun maafkan Pak Lah? Will Tun tegur Pak Lah bila jumpa dia di function? I don't think so, Tun, right. I will never forgive Pak Lah, I will never say hello when I meet him. To me, he is the PAST and if possible, I would not want to see his face in TV news after he blah!!!

Good night, Tun.

By ismailAuthor Profile Page on February 5, 2009 9:30 PM

BN should enjoy this moment of their victory as much as Anwar enjoyed his moment when Nasa did the first hop over.

But,this is not the end...its the beginning of the period of uncertainties as it winds through the court process.There is the corruption case,the suits and counter suits that will emanate from the current events...

The sad thing in the whole episode is placing the Sultan in the epicenter of a tumultuous situation.Based on the current facts,the Sultan does not have an option except to recognise that DS Nizar have lost the confidence of the majority.

Saner minds should have ruled and allowed for a more orderly process whereby a vote of no confidence in the assembly is properly executed at the earliest scheduled sitting.Even saner minds would suggest that the court proceedings should be allowed to prevail.To be fair,the whole episode could have been triggered off by DS Nizar intent of "bubarring the Dewan"

Is this episode really a sign of maturing politics as TV1's multitude of political analyst is expounding repeatedly today?To me,as a simple minded lay person its just a simple case of selfish power hungry statesmanship>>nothing more and nothing less.I pray that my perceptions are wrong.

I await Tun's views of the events of the last few days.

By Harimau1900Author Profile Page on February 5, 2009 9:40 PM

Dear YAB Tun and fellow commenters....

Since Tun has more than 5 million viewers in his blog, I would like to make a humble request to all commenters to vote the corrupted BN out in next GE...I strongly believe with all your support we can achieve this.

Thank you.

By jimmarvelAuthor Profile Page on February 5, 2009 9:54 PM

Assalamualaikum wbt. Tun,

Tun mengambil langkah yang bijak membangkitkan isu rasuah seks di kalangan bekas exco PKR ini. Saya rasa tidak ramai yang tahu mengenai perkara ini sebab semasa kes ini berlaku Ogos lepas, identiti kedua-dua exco jarang diperkatakan dalam mainstream media Malaysia.

Saya bersetuju dengan point ke-4. Tun menyatakan dulu UMNO cuba menghalang perkara lompat melompat dengan mengadakan surat akur janji di mana jawatan YB akan terlucut dengan automatik apabila YB melompat parti. Saya pernah mendengar bahawa PAS juga membuat bai'ah (perjanjian) di kalangan YB PAS di Kelantan semasa mereka memegang majoriti tipis selepas PRU 12 untuk menghalang YB melompat parti. Dan saya percaya Pakatan Rakyat Perak telah menggunakan kaedah yang Tun sebutkan untuk menghalang perkara tersebut berlaku. Sebab itulah SPR mendakwa menerima surat perletakan jawatan kedua-dua YB yang tidak bertarih, semestinya telah ditandatangani lebih awal iaitu selepas PRU 13.

Tetapi saya kurang bersetuju kepada point Tun yang seterusnya. Bukan kerana point itu salah, tetapi saya tidak nampak relevan point tersebut dalam masa sekarang. Tun berfikir kedua-dua bekas YB PKR ini tidak boleh sewenang-wenangnya diterima sebagai ahli UMNO kerana pernah terlibat dalam kes rasuah seks Ogos lepas. Tapi kedua-dua mereka kan ADUN Bebas sekarang? Kenapa perlu risau akan hal ini?

Mungkin Tun risau mereka akhirnya akan menyertai UMNO kerana tidak mungkin mereka akan dipilih semula sebagai YB sekiranya bertanding dengan tiket Bebas dalam PRU akan datang. Tetapi saya pula terfikir, wajarkah seseorang yang melompat parti dipilih sebagai calon BN untuk PRU? Perbuatan melompat parti mendedahkan kelemahan pendirian seseorang pemimpin, menampakkan sifat bermuka-muka mereka. Adakah rakyat akan memilih mereka menjadi wakil rakyat kawasan mereka?

Saya juga terfikir, UMNO bahagian Changkat Jering dan Behrang juga mempunyai ahli-ahli yang berpengalaman dan mungkin jauh lebih baik dari kedua-dua bekas YB PKR ini. Melompat parti bukannya jalan pintas untuk cepat naik ke atas. Saudara Ezam yang sudah melompat masuk UMNO, menawarkan diri untuk menghadapi Dato Seri Anwar Ibrahim dalam Pilihanraya Kecil Permatang Pauh tempohari. Tidak pun BN memilih beliau sebagai calon. Begitu juga Roslan Kassim, Hamdan Taha, Zaid Mat Arif, Hanafiah Man dan lain-lain.

Memang betul, UMNO tidak seharusnya mengambil ahli yang mempunyai rekod buruk. Tapi Tun harus ingat, ramai lagi ahli-ahli UMNO yang mempunyai rekod buruk. Tapi oleh kerana mereka ahli UMNO, tidak kedengaran pun tentang rekod buruk tersebut. Yang kita dengar jasa, pengorbanan, dan kaliber beliau sebagai seorang pemimpin di Malaysia. Dalam hal ini, saya terpaksa mengucapkan "tahniah" kepada Tun yang telah membunuh kebebasan media di Malaysia.

Kesimpulannya, saya bersetuju dengan hal surat perletakan jawatan tetapi saya tidak rasa masalah YB melompat kepada UMNO relevan buat masa sekarang. Tun juga bertanggungjawab membunuh kebebasan media di Malaysia. Wallau'lam.

By jizuriminAuthor Profile Page on February 5, 2009 10:15 PM

akhirnya jatuh satu kerajaan pembangkang yang bonekanya seorang Melayu di Perak. Kerajaan yang

sejak ditubuhkan penuh dengan kontroversi dan salah tadbir. Dari pembelian kereta Camry, pemberian tanah warisan melayu kepada bukan melayu, penindasan kepada bangsa bumiputera dan sebagainya oleh kerajaan Perak pakatan rakyat akhirnya tumbang dalam tangan Dato Najib. Dato Najib memang diketahui ramai seorang yang tegas dan bijak menelaah sebagaimana Allahyarham ayahandanya, Bekas PM tang terbaik iaitu Tun Abdul Razak. Pemerintahannya secara bijak dan legasinya terbukti dengan menyediakan platform untuk Malaysia menyaksikan PM terhebat iaitu Tun Mahathir. Walaupun belum memegang teraju pemerintahan negara, Dato Najib berjaya merampas balik kerajaan Melayu Boneka di Perak dan bakal mengembalikannya kepada majoriti rakyat Perak yang berbangsa Melayu dan Islam. Pakatan Rakyat walaupun diterajui Dato Nizar dari parti kononnya berlandaskan Islam gagal dalam perjuangan kerana menurut secara membabi-butu parti serpihan PAP iaitu DAP. Sebagai orang Melayu saya tahu politik harus berlandaskan siapa yang lebih pandai memanipulasi keadaan, maka dialah yang berjaya. Ini dibuktikan ketika PRU12 ketika Dato Seri Anwar Ibrahim dan Karpal Singh memanipulasi dua isu utama iaitu perubahan kerajaan perlu bagu mengatasi kejatuhan ekonomi seperti yang berlaku di negara lain dan isu Pak Lah dengan anak menantunya. Dia berjaya memperoleh sokongan sebilangan pihak tetapi masih gagal membentuk kerajaan pusat kerana majoriti masih mempercayai beliau bukan seorang pemimpin yang bersih untuk menjadi PM baru. Dengan dibantu sebilangan "blogger" yang cenderung ke arah pembangkang dan media tempatan yang asyik mencari kesalahan kerajaan, maka 4 Kerajaan negeri jatuh ke tangan pembangkang iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor. Kelantan tetap terasing kerana perebutan kuasa tidak sehebat negeri lain kerana isu utama tetap siapa lebih Islam dan calonnya mestilah seorang yang dikenali atau setidaknya disokong orang kuat PAS iaitu Tok Guru. Saya ingin mengucapkan tahniah pada BN Perak di bawah pengerusi dan timbalannya yang baru iaitu Dato Najib dan Dato Zahid Hamidi. Teruskan usaha BN dan jatuhkan kerajaan boneka di Selangor pula. Pulau Pinang agak payah kerana kecuali pemimpin Gerakan dan MCA bekerjasama dan bukannya bercakaran sesama sendiri, maka Dato Lim Guan Eng tetap menjadi duri dalam daging orang Pulau Pinang. Kedah pula agak unik kerana hubungan PAS dan UMNO agak rapat dan kecuali sebelah pihak mengalah maka agar sukar keputusan hendak dijalankan. Tetapi seperti pepatah Melayu dahulu kala, untung sabut timbul dan untung batu tenggelam. Langkah pertama ialah lupakan cara lama berpolitik. Zaman baru maka politik juga baru. Jangan biarkan kelicikan pemimpin pembangkang nanti menyebabkan kita terpinga-pinga. Gerakkan setiap biro dalam BN memancing pemimpin pembangkang kerana sebahagian daripada mereka masih ada hati kecil yang bersetuju dengan BN dan apa yang diperjuangkannya. Kepada Dato Najib, terima kasih
By gigaAuthor Profile Page on February 5, 2009 10:16 PM

Isu lompat melompat nie bukan isu baru ...kalau dahulu DSAI sendiri duk mencanangkan agar ahli politik BN lompat parti agar PR boleh berkuasa nampaknya ahli-ahli PKR juga yg dah buat keputusan atau pun ada sesuatu yang memaksa mereka utk meninggalkan PR kerana atas sebab-sebab mereka sendiri shj yg tau. Sendiri mau ingat la beb ...

Soal kualiti ni dah jadi isu nombor 2 bagi BN, yang penting BN perlu memerintah untuk terus memastikan rakyat Perak mendapat service yang terbaik.

Tahniah kepada BN, bak kata Van Disel dalam To fast n Furious .Now matter how inches u win , it's still a win.

PR perlu buka mata luas luas . tepuk dada tanya pengundi-pengundi apa mereka mau pd pilihanraya akan datang sebelum Perak tergadai sekali lagi kepada PR.
By mgpunyaAuthor Profile Page on February 5, 2009 10:19 PM

YABhg Tun,

MAY, 2008 - We've got the numbers, says DSAB.

JULY, 2008 - We've got the numbers, says DSAB.

November, 2008 - We've got the numbers, says DSAB

5th February, 2009 - Ayo...!! We've got 4 numbers missing, MB Perak tells DSAB.
By gagaukonAuthor Profile Page on February 5, 2009 10:25 PM

Sungguh desperate cara BN menawan semula perak dari PKR
By Anak KSBAuthor Profile Page on February 5, 2009 10:45 PM

Salam Tun,

Saya ingin ulas komen nombor 8.

UMNO begitu terdesak? Tidak. Yang lebih tepat PEMIMPIN UMNO tertentu yang begitu terdesak. Untuk mendapat "bragging right" dalam perjalanan menuju March 2009.

1. Dim kempen boleh brag utk dpt markah lebih & kekal dalam jawatan.
2. Bagi yang tak perlu tanding...boleh terus senyum dan terus brag.
3. Bila jawatan terus kekal ada masa lagi hingga menjelang PRU13.
4. Lepas PRU13 boleh goyang kaki. GAME OVER.

Jangka masa yang berkecenderungan dengan No. 3 diatas yang penting sebenarnya....yang mendesak mereka. Masa melombong. Lepas PRU13 tak boleh buat apa. Game Over.

Itu lah yang saya jangka. Tuhan saja yang tahu apa akan jadi.

Wassalam Tun
By Anak KSBAuthor Profile Page on February 5, 2009 11:09 PM

Salam Tun,

Pendapat tentang Ahli Yang Berhormat lompat parti.

Baik YB dari BN mahupun PKR atau mana parti sekalipun....masa kempen pilihanraya mereka mengiklankan diri sebagai calon yg mewakili sesuatu parti politik. Calon bebas lain cerita dan tak timbul lah kes lompat.

Rakyat ramai pun pilih kerana dia ahli parti itu atau parti ini...Menang!!! 2 atau 3 bln lepas menang dia pergi jaja...jual diri..."sapa nak beli aku?"....iklan nya. Oik! Aku nak beli! Aku nak!! Sambut satu pemimpin parti lain. Maka gugur keahlian di satu parti dan terdaftar lah di parti lain.

Lepas tu melalak..."Oik!!! budah-budak...aku sekarang dah parti lain. Jadi dalam dewan aku dah belah lain.

Maka adalah lagi perubahan teknikal yang mesti terpaksa berlaku yang tentu nya melibatkan banyak duit kerajaan(Pembaziran akibat dari tindakan lompat tadi). Dia masih megah. Hero lah konon.

Tapi....dia orang ni pembohong, pemungkir kontrak dengan rakyat, penjenayah. "The case speak for itself" tak payah nak pakai "innocent until proven guilty"...Masa kempen kata wakil B dah menang jadi wakil C.....innocent ka? BUTA MATA KA BUTA HATI?

Sorry Tun....tak tahan dengan mereka yang memandang tapi tak melihat, bodoh....taksab pada skill gebang setengah-setengah orang yang cakap macam salesman tapi tak dapat jual apa....cuma hampir-hampir Malaysia tergadai.

By swotanalysisAuthor Profile Page on February 5, 2009 11:20 PM

Assalamualaikum...

Semoga Tun dan keluarga sihat2 and ceria2 selalu.

Tun,

Inilah perangai buruk pembangkang terang-terangan yang TIDAK WAJAR dicontohi oleh rakyat Malaysia. Bila sesuatu tidak memihak kepada pembangkang, mereka mula melenting dan tidak boleh menerima hakikat sebenar. Ini jelas apabila BN mulai menguasai Perak dengan berpandu Undang-undang Tubuh Perak yang mana Sultan berkuasa penuh dalam situasi ini. Golongan ini seperti mahu menegak benang yang basah menafikan undang-undang yang selama ini diterima pakai rakyat Malaysia khusus di Negeri Perak. Mereka suka demo sana-sini seperti orang tidak bertamadun.

Cuba kita fikir sekejap
siapa yang start dulu beria-ia sangat mencari 'Katak Lompat'...tahun lepas pembangkang yang mula dulu kan?...ingat tak? dah lupa ke? siap cari katak sampai ke Taiwan tu.....YANG DIKEJAR TAK DAPAT, YANG DIKENDONG BERCICIRAN...Nah ambik ko katak.

HA HA HA 'sayangnya Camry aku' sebab tu tak nak lepas jawatan MB tu.. tak puas naik Camry agaknya maklumlah baru beli katakan...

By Anak KSBAuthor Profile Page on February 5, 2009 11:21 PM

Salam Tun,

Pendapat tentang Ahli Yang Berhormat lompat parti.

Baik YB dari BN mahupun PKR atau mana parti sekalipun....masa kempen pilihanraya mereka mengiklankan diri sebagai calon yg mewakili sesuatu parti politik. Calon bebas lain cerita dan tak timbul lah kes lompat.

Rakyat ramai pun pilih kerana dia ahli parti itu atau parti ini...Menang!!! 2 atau 3 bln lepas menang dia pergi jaja...jual diri..."sapa nak beli aku?"....iklan nya. Oik! Aku nak beli! Aku nak!! Sambut satu pemimpin parti lain. Maka gugur keahlian di satu parti dan terdaftar lah di parti lain.

Lepas tu melalak..."Oik!!! budah-budak...aku sekarang dah parti lain. Jadi dalam dewan aku dah belah lain.

Maka adalah lagi perubahan teknikal yang mesti terpaksa berlaku yang tentu nya melibatkan banyak duit kerajaan(Pembaziran akibat dari tindakan lompat tadi). Dia masih megah. Hero lah konon.

Tapi....dia orang ni pembohong, pemungkir kontrak dengan rakyat, penjenayah. "The case speak for itself" tak payah nak pakai "innocent until proven guilty"...Masa kempen kata wakil B dah menang jadi wakil C.....innocent ka? BUTA MATA KA BUTA HATI?

Sorry Tun....tak tahan dengan mereka yang memandang tapi tak melihat, bodoh....taksab pada skill gebang setengah-setengah orang yang cakap macam salesman tapi tak dapat jual apa....cuma hampir-hampir Malaysia dijualnya.

By liveNlearn CoAuthor Profile Page on February 5, 2009 11:21 PM

My Dear Tun,

Wishing you in good health always.

I would honestly seek your view in ADUN/MP crossing over to the opposition sides. Am sure you would agree that it is NOT fair at all if all this elected representatives acting this way. You may say it's "Democratic" but remember the RAKYAT elect you in the election and you have won under the banner of your then political party.

It happens to PBS before in Sabah (you were the PM then)now it is happening in Perak to PR. Why didn't you do anything about it that time? Until when this will continue?

Please say out loud that if they are man enough, resign and call for a by-election (at least) just like what Datuk Shahrir Samad did in JB previously.

I guess also the tagline of "dulu, kini dan selamanya" is referring to the power that will not be allowed to change hand huh???

remember rakyat are getting more educated nowadays but i don't discount of greed these smart people have.

Anyway, would appreciate a response from you.

By my_adi80Author Profile Page on February 5, 2009 11:28 PM

Assalamualaikum.....

first time saya menulis.... Saya sangat berbangga dapat menulis kepada Tun... Tun pemimpin yang amat saya sanjungi...

Tun...

Saya terus hilang selera nak makan malam selepas melihat berita ditv3(5/2/2009). Rasa mual mendengar berita politi yang tak habis2 di Malaysia ni... Sepanjang masa asyik berpolitik... kenapa tak macam di amerika.. kita tengok.. walaupun, kita tahu amarika Negara yang zalim dan takadil dengan Negara islam tapi dengan rakyat negaranya mereka ahli politik sentiasa memikirkan tentang rakyatnya... mane ade kita dengan hal politik dan pertelagahan politik yang berpanjangan.... Waktu nak pilihanraya saja mereka berpolitik.... Lepastu bersatu untuk menyelesaikan masaalah Negara....

Ini adalah pendapat saya tentang masalah politik dinegara kita ini.. terutama UMNO... pemikiran melayu sekarang terkongkong dengan politik saja... berita dan akhbar asyik disajikan dengan cerita2 yang berasaskan politik saja... saya adalah pemuda UMNO.. tapi saya tak dapat menerima apa yang dibuatoleh UMNO sekarang... saya dah muak dengan perjuangan UMNO... kat mana prinsip dan maruah UMNO... saya memikirkan Negara yang sedang masalah dengan ekonomi yang teruk.. tapi mereka ini asyik dengan agenda politk mereka... saya ini peniaga dan bekerja sendiri.. jika asyik dengan masalah politik macam mana dengan kami sebagai peniaga yang mengharapkan masalah ekonomi hendak pulih.. barang naik, pastu dengan kerenah kakitangan kerajaan yang bermacam2 untuk urusan dengan kerajaan...

Diberita menyiarkan kegembiraan BN dapat menguasai Perak semula... dimana Dato Najib membuat pengumuman BN akan memerintah Perak... YB UMNO yang mengkhianati UMNO dan telah lompat parti ke PKR boleh diterim semula.... Masalah ini akan menjadikan UMNO makin nazak.. takde prinsip!!! Perjuangan lagilah taktau.. macam mana... masa YB tu keluar parti pemimpin UMNO semua bersuara menghina dan menghentam dengan bukan2... tapi sekarang hisap semula ludah tu!!!.. Lepastu 2 adun yang bermasalah dengan masalah rasuah sex pulaboleh disanjung atas sebab dah terdesak untuk memerintah Perak semula... Sepatut nya pemimpin BN atau UMNO khususnya perlulah kembali ke asal perjuangan... prinsip melayu dan agama Buka terus terima untuk bekerjasama dengan YB2 yang sebelum ini pernah dikutuk dan dihina oleh mereka sendiri... macam mana melayu nak berubah... nampak seperti pemimpin UMNO rakus dan terdesak untuk memerintah... rakyat tak kisah siapa yang memerintah.. pada pendapat saya... asalkan perjuangan dan suara rakyat dapat diperjuangkan... tiada rasuah... cukup tak logic sy dengar... mula2 hilang... lepastu muncul dengan penafian letak jawatan adun... tiba bekerjasama dengan BN dan BN berjaya memerintah Perak!!!!...

Kedua-dua adun boleh mengambil cuti bersama2 dan dimana dua adun ini mempunyai kes rasuah sex yang belum diputuskan dimahkamah lagi. Lepastu keputusan keluar dari pakatan rakyat ben menyokong BN selaku Bebas??.. Pada saya mungkin ade satu kuasa dengan tangan yang hebat mempengaruhi kedua2 adun ini... kita sama2 saksikan keputusan mehkamah atas kes rasuah sex mereka ini.. bersalah atau tidak...

Dalam kes Kerajaan Perak , Najib telah mengheret Sultan Perak dalam kancah percaturan politiknya. YM Sultan tentang serba-salah sekarang diantara mahu membubarkan Dewan Negeri atau menerima BN sebagai kerajaan baru negeri Perak dimana ianya jika ditubuhkan akan menjadi 'nyawa-nyawa ikan' macam PR juga. Katakan dalam kes 2 ADUN yang bermasalah itu didapati salah dalam kes rasuah-sex mereka? Sekali lagi kerusi kedua-dua ADUN itu akan kosong. Atau saya amat bersetuju dengan Tun kalau berlaku sebaliknya, reputasi Najib juga akan tercemar. Begitu juga dengan kerajaan Pak Lah. Kalau YM mulia Sultan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dengan kuasa yang ada padanya adalah lebih baik kerajaan negeri itu di bubarkan. Selesai banyak masalah. Biar rakyat Perak menentukan sekali lagi kerajaan yang kukuh memerintah. Tetapi bolehkah YM Sultan berbuat demikian sementelah pulak, Najib akan berjumpa YM Sultan hari ini. Tentulah pertimbangan Sultan akan menjadi agak kabur!

Walau bagaimana pun, pisau ditangan Sultan mentimun di tangan Sultan. Dia juga akan menentukan siapa yang layak memerintah negerinya.

Sekarang siapa kata Sultan tak ada kuasa kekebalan?

Najib, najib. Sudahlah kegawatan ekonomi belum selesai, dia asyik berpolitik hari demi hari. Kerajaan PR dirobek-robek macam beruk dapat bunga. Apa kah ianya pasti dapat memerintah kerajaan negeri Perak dengan tenang selepas ini? Itu pun kalau YM Sultan bersetuju.

adakah negara kita layak mendapat seorang perdana menteri sebegini pada bulan mac ini?

Jangan pula "Tun" dijadikan 'kambing hitam' masa pemerintahannya kelak. Na'auzubillah binzalik. Saya berharap tak gitu.

Salam..

By yoptanjungAuthor Profile Page on February 5, 2009 11:29 PM

Aksi dua badut Perak pamer kebodohan sendiri.

TIADA apa yang boleh dibanggakan oleh Jamaluddin Mohd Radzi (Adun Behrang) dan Mohd Osman Jailu (Adun Changkat Jering), apabila kebodohan yang mereka ciptakan menjadi alat mainan politik Barisan Nasional. Iklan

Media pengampu BN cuba untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa Kerajaan Negeri Perak di bawah pimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin goyah.

Media pengampu BN cuba memberitahu rakyat bahawa kerajaan Pakatan Rakyat di Perak mempunyai masalah dalaman yang besar.

Hakikatnya, kerajaan yang dibentuk ketiga-tiga parti, PAS, KeADILan dan DAP tidak mempunyai apa-apa krisis. Kerajaan stabil dan aman.

Yang bermasalah ialah kedua-dua Adun yang juga Exco. Mereka menghadapi tuduhan rasuah yang menanti dibicarakan.

Yang bermasalah ialah BN, yang semakin malu apabila Badan Perhubungan Umno Negeri di bawah pimpinan Dato' Seri Mohd Tajol Rosli dikecam hebat kerana campurtangan sehingga merosakkan perpaduan Umno bahagian-bahagian di Perak.

Yang sedang binggung ialah BN, kerana sehingga kini mereka tidak boleh menerima hakikat terpaksa menjadi pembangkang setelah berkuasa sekian lama.

Lalu, dicituskan drama dengan menggunakan dua orang 'badut politik', yang berpentingan dan bermasalah, guna menjatuhkan kerajaan negeri.

Dua 'badut sarkas' ini didakwa 'dibeli' untuk memasuki Umno-BN, dengan janji 'melepaskan' mereka dari pertuduhan rasuah, dan janji dikekalkan kerusi exco oleh pihak terbabit, jika BN berjaya membentuk kerajaan.

